

Jilid I
Bil.2



Hari Rabu
5bb Disember, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 53]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 79]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 80]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 82]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 132]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 134]

Memilih Timbalan-timbalan Yang di-Pertua:

Y.B. Tuan Ong Tee Keat [Ruangan 136]

Y.B. Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin [Ruangan 136]

KANDUNGAN—(samb.)

Jawatankuasa Pemilihan—Lantikan Ahli-ahli:

- (1) Y.B. Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi) [Ruangan 137]
- (2) Y.A.B. Tuan Abdul Ghafar bin Baba [Ruangan 137]
- (3) Y.B. Dato' Seri Ling Liong Sik [Ruangan 137]
- (4) Y.B. Dato' Seri S. Samy Vellu [Ruangan 137]
- (5) Y.B. Datuk Leo Moggie anak Irok [Ruangan 137]
- (6) Y.B. Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai [Ruangan 137]
- (7) Y.B. Ketua Pembangkang [Ruangan 137]

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—Lantikan Pengerusi dan Naib Pengerusi:

- Y.B. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar [Ruangan138]
Y.B. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Ruangan138]

Jawatankuasa Pertubuhan Antara Parlimen-Parlimen ASEAN (AIPO) Malaysia—Lantikan Presiden dan Ahli-ahli:

- (1) Y.B. Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Pengerusi) [Ruangan 139]
- (2) Y.B. Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman [Ruangan 139]
- (3) Y.B. Tuan Railey bin Haji Jaffrey [Ruangan 139]
- (4) Y.B. Dr Leo Michael Toyad [Ruangan 139]
- (5) Y.B. Dato' Ismail bin Said [Ruangan 139]
- (6) Y.B. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi [Ruangan 139]
- (7) Y.B. Tuan S. S. Subramaniam [Ruangan 139]
- (8) Y.B. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis [Ruangan 139]
- (9) Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali [Ruangan 139]
- (10) Y.B. Dr Tan Seng Giaw [Ruangan 139]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah—Y.B. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut) [Ruangan 142]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO* MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar),

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO
DR HAJI SULLAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSLAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besutt).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P.' (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J...J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAL, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.s. (Baling).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADHL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, o.p.M.s. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CEK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., PPC. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Setiausaha Partimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- Yang Berhormat DATO' ALIAS BIN MD. Au. D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Meriajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Pelaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

„ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

„ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

TUAN LIEW AH KIM (Sepuleh).

TOAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

„ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASmM (Sabak Bernam).

„ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

„ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

„ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri),

„ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMAD KHALED BIN NORDIN (Johor bharu).

„ TUAN HAJI MOHAMAD SHUKRI BIN HAJI MoHAMED (Kok Lanas).

„ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

„ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

„ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

DATOK MONGGOH AROW (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., KSTJ. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

„ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIYEL (Hulu Selangor).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMNIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

„ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

„ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

„ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).

Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH -HAMZAH, D.K., P.S.M... S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ TUAN SAIDIN @ YOSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Afau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).

„ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN MOHD. HANAPIAH BIN WAN MOHD. SAMAN (Kota Setar).

TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

„ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

„ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

„ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

„ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., p.r.s. (Senai).

„ TUAN GEOPPREY YEE LING FOOK (Tawau).

„ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

„ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAIKANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 5hb Disember, 1990

*Mesyuarat dinadakan pada pukul 230 petang***DOA**(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)**PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA**

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 4hb Disember, 1990, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyala Rasmi Parlimen.

**TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN AZLAN SHAH**

Bismillaahir Rahmaanir Rahim,

Assalaamu Alaikum WarahmatuIIaahi Wabarakaatuh.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama dilstiadatPerasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada hari ini.

Beta berasa amatgembira kerana Pilihanraya Umum yang baru lepas telah berjalan dengan baik dan (eratur. Beta melafazkan penghargaan kepada semua pihak terutama sekali Suruhanjaya Pilihanraya dan Polis Diraja Malaysia yang telah menunjukkan kesungguhan dan bekerja keras untuk menjayakan Pilihanraya Umum tersebut dengan adil dan saksama.

Sudah menjadi kebiasaan, apabila selesainya Pilihanraya Umum sebuah Kerajaan dibentuk daripartipolitik yang mendapat mandal majoriti rakyat. Beta mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan yang baru dipilih dalam Pilihanraya Umum yang lepas. Beta berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas danjujur berdasarkan lunas-lunas tertentu.

Kebebasan rakyat membual pemilihan dalam Pilihanraya Umum merupakan asas demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh negara. Hak kebebasan rakyat akan terus dijamin oleh Perlembagaan dan dilindungi oleh sistem perundangan yang adil. Oleh itu, sistem demokrasi ini mestilah sentiasa dipelihara dan dipertahankan.

Kerajaan Beta akan terus menjalankan dasar-dasar yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara, dan memastikan keutamaan diberi kepada kepentingan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tahun 1990 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran. Malaysia, disamping terus mencapai kemajuan dan kejayaan, juga menghadapi beberapa kejadian yang tidak mudah dilupakan seperti peristiwa yang menimpajemaah haji di Muaiissim, Arab Saudi dan sebilangan rakyat Malaysia terkandas di Kuwait semasa permulaan Krisis Teluk di Asia Barat. Walau bagaimanapun, dengan adanya usaha yang bersungguh-sungguh yang telah diambil oleh Kerajaan Beta dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan, maka keadaan itu dapat diatasi dengan jayanya.

Beta bersyukur kerana negara keseluruhannya berada dalam keadaan aman dan terkawal. SetelaH ancaman bersenjata Komunis di Semenanjung tamat pada akhir tahun lalu, klt dapat menyaksikan pula penamatan kegiatan bersenjata dan pembubaran Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) di Sarawak. Ini bermakna negara telah dapat menamatkan sama sekali kegiatan bersenjata Komunis di seluruh negara.

Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta mengucapkan terima kasih kepada Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia di atas peranan yang dimainkan untuk memelihara keselamatan dan kedaulatan negara. Usaha- usaha kini sedang diatur untuk memoden dan tneningkatkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, Beta ingin mengingatkan rakyat supaya terus berwaspada terhadap ancaman-ancaman lain yang boleh menjejaskan perpaduan dan kesetabilan negara. Rakyat juga perlu sentiasa berhati-hati terhadap perkembangan dan pergolakan semasa yang berlaku di persekitaran negara kita dan isu-isu perhubungan luar negeri yang boleh menjejaskan keselamatan negara. Rakyat seharusnya mempertingkatkan semangat perpaduan dan memperkukuhkan ketahanan nasional demi mengekalkan keamanan dan keharmonian negara kita.

Sehubungan dengan itu, kegiatan pengedaran dan penyalahgunaan dadah masih lagi merupakan ancaman kepada kesejahteraan negara. Beta berpuashati dengan tindakan penguatkuasaan undang-undang anti dadah dan peranan negara kita di peringkat nasional, rantau ASEAN dan antarabangsa dalam memerangi ancaman penyalahgunaan dadah. Program pemulihan rawatandadahyangdijalankansekarang ini adalah berkesan. Beta berasa bangga kerana program ini telah diterima sebagai contoh yang sedang dipelajari oleh negara-negara lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tahun ini merupakan tahun terakhir tempoh Rancangan Malaysia Kelima dan tahun hadapan akan bermula pula Rancangan Malaysia Keenam. Pada Mesyuarat Kedua Parlimen yang akan datang Kerajaan Beta akan membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang menggariskan matlamat, strategi dan teras pembangunan untuk dekad sembilan puluhan dan diikuti dengan pembentangan Rancangan Malaysia Keenam (1991-1996), yang menumpukan ke arah mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang yang baru. Beta berharap setiap rakyat terutama dari golongan miskin dan berpendapatan rendah mendapat peluang untuk menikmati hasil pembangunan ini.

Dalam tahun 1990 negara kita telah mencapai kemajuan ekonomi yang cemerlang dan amat membanggakan. Di samping menikmati kadar pertumbuhan ekonomi yang begitu tinggi, pelaburan di negara ini juga telah meningkat dengan pesatnya. Usaha untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing dan juga pelabur-pelabur tempatan akan terus dipergiatkan untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara serta membuka peluang pekerjaan dalam sektor industri kepada rakyat Malaysia,

Prestasi ekonomi negara yang berkembang dengan pesatnya memasuki tahun keempat dengan kadar pertumbuhan pada tahun ini dianggarkan melebihi sembilan peratus. Ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan kerana tidak banyak negara di dunia yang dapat menikmati pertumbuhan sebegini tinggi. Pencapaian ini adalah hasil dari usaha gigih Kerajaan Beta dalam meniadabir dan mengurus ekonomi negara. Kejayaan ini adalah juga hasil dari sumbangan yang besar dari sektor swasta, yang turut mengambil kesempatan dari pertumbuhan ekonomi dunia keseluruhannya.

Disebalik pertumbuhan yang tinggi ini, kadar inflasi masih dapat dikekalkan di paras yang rendah. Walau bagaimanapun, Beta ingin menasihati supaya rakyat terus mengamalkan sifat berjimat cermat supaya kestabilan harga dapat dikekalkan.

Kerajaan Beta akan memberi perhatian berat kepada usaha-usaha untuk mencegah pembaziran dan penyelewengan. Justeru itu, kelemahan-kelemahan dan tampengurusan dan penguatkuasaan serta pematuhan kepada prosedur kewangan dan perakaunan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Selaras dengan ini, jenayah rasuah dan penyelewengan akan terus dikawal.

Kerajaan Beta akan terus melaksanakan dasar penswastaan. Sejak tahun 1983, Kerajaan Beta telah berjaya mengurangkan beban kewangan Kerajaan dari segi pembiayaan operasi dan kakitangan di samping menolong mempertingkatkan daya saing, kecekapan dan produktiviti. Dasar penswastaan juga telah berjaya meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pemilikan saham syarikat-syarikat korporat.

Dari segi sosio-ekonomi, matlamat mengurangkan kadar kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat telah menunjukkan kejayaan-kejayaan yang sangat menggalakkan. Kadar kemiskinan telah menurun daripada 50 peratus dalam tahun 1970 kepada 15 peratus pada tahun 1990, iaitu penurunan peratusan sebanyak 35 dalam jangka masa 20 tahun.

Kita akan memasuki tahun 1991 dengan lebih mencabar. Krisis Teluk boleh menggugat ketenteraman penduduk dan pertumbuhan ekonomi dunia. Malaysia, sebagai sebuah negara pengeksporth minyak akan mendapat keuntungan ekonomi dalam jangka pendek. Walau bagaimanapun, jika krisis ini berpanjangan, pertumbuhan ekonomi negara mungkin terjejas. Oleh yang demikian, Kerajaan Beta akan merancang penggunaan sumber negara dengan lebih rapi supaya pertumbuhan ekonomi terus stabil.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Berhubung dengan perdagangan antarabangsa, Kerajaan Beta akan terus meningkatkan prestasi eksport barangan Malaysia, Di samping memperkukuh dan memperkembangkan pasaran-pasaran yang sedia ada, Kerajaan Beta akan meneruskan usaha-usaha bagi meningkatkan eksport ke pasaran bukan tradisional seperti di negara-negara Asia Barat, Asia Timur, Amerika Selatan, Kepulauan Pasifik Selatan dan Afrika.

Bagi maksud itu, Kerajaan Beta akan terus menyeriai rundingan-rundingan pelbagai hala dan dua hala bersama-sama dengan negara-negara lain yang menyokong perdagangan dunia yang bebas dan terbuka. Kerajaan Beta juga akan mempertingkatkan kerjasama perdagangan dengan rakan-rakan negara ASEAN bagi menjaga kepentingan-kepentingan negara di peringkat serantau.

Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian kepada eksport barangan pertanian yang bermutu tinggi. Bagi komoditi-komoditi seperti kelapa sawit, getah dan koko serta ternakan dan barang makanan, strateginya ialah untuk meningkatkan pengeluaran menerusi peningkatan produktiviti, menambah keberkesanan serta mengurangkan kos. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengembangkan lagi penggunaan komoditi-komoditi seperti kelapa sawit, getah dan koko di dalam pengeluaran barang-barang pembuatan. Usaha-usaha juga akan diteruskan untuk mempelbagaikan ternakan dan pengeluaran barang makanan negara.

Sektor pembuatan pula telah muncul sebagai sektor yang terpenting di dalam ekonomi Malaysia. Sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat daripada 19.7 peratus pada tahun 1985 kepada lebih kurang 26 peratus pada tahun 1990. Eksport barang-barang buatan kilang kini telah mengatasi eksport keluaran barangan utama seperti getah, kelapa sawit dan minyak. Kejayaan ini telah dicapai melalui dasar-dasar dan usaha-usaha Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur di sektor ini.

Kerajaan Beta akan terus mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki lagi suasana pelaburan di negara ini. Ini bukan sahaja dapat menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan tetapi juga membuka peluang-peluang ekonomis sampingan yang lain kepada rakyat. Justeru itu, Kerajaan Beta akan meningkatkan usaha-usaha untuk melatih dan mengeluarkan pekerja-pekerja mahir mengikut keperluan industri.

Penubuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna baru-baru ini sudah kena pada tempatnya. Kementerian ini akan merancang dan menggubal dasar bagi mempergiatkan lagi pertumbuhan perdagangan dalam negeri serta melindungi kepentingan pengguna.

Sempena Tahun Melawat Malaysia 1990, negara kita telah menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negeri. Pulangan dari industri pelancongan pada tahun ini amat menggalakkan. Bilangan pelancong mengunjungi Malaysia pada sepuluh bulan yang pertama telah meningkat. Adalah menjadi matlamat Kerajaan Beta supaya sektor-sektor pelancongan, kesenian dan kebudayaan akan dipeningkatkan lagi dari masa ke semasa supaya negara kita lebih menarik kepada pelancong-pelancong.

Pembangunan ekonomi dan pelancongan di negara ini banyak bergantung kepada peningkatan kemudahan infrastruktur. Kerajaan Beta akan memberikan sepenuh perhatian kepada usaha untuk menambah kemudahan-kemudahan penerbangan keluar dan ke dalam negeri, meningkatkan kemudahan-kemudahan di lapangan-lapangan terbang, memajukan sistem pengangkutan seperti keretapi, perkapalan, pelabuhan dan jeti serta juga kemudahan-kemudahan jalanraya, air, elektrik, telekom dan sebagainya.

Sektor pertanian adalah merupakan sektor penting dalam ekonomi negara kerana sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), gunatenaga, pertukaran asing dan juga kesannya terhadap pembangunan luar bandar dan pengawalan ekologi. Usaha-usaha juga telah dijalankan bagi mengumpul dan mengemaskini maklumat asas sosio-ekonomi petani-petani bagi membolehkan Kerajaan Beta merancang dengan lebih teliti projek-projek serta program-program untuk meningkatkan lagi taraf hidup mereka.

Kerajaan Beta juga sedang melaksanakan pelan tindakan yang menyeluruh mengenai pembangunan teknologi dalam industri. Perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan akan juga mengambil kira faktor-faktor alam sekitar.

Melalui program pembangunan luar bandar, Kerajaan Beta akan terus mempertingkatkan lagi usaha untuk memajukan infrastruktur, aktiviti-aktiviti komersial dan ekonomi serta kemudahan-kemudahan asas rakyat di luar bandar.

Menyedari tentang peranan wanita dalam pembangunan, Kerajaan Beta telah mengubal Dasar Wanita Negara untuk mengintegrasikan sumbangan wanita dari segi sosial, ekonomi dan politik dalam proses pembangunan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Beta sentiasa berusaha melaksanakan perubahan-perubahan untuk meningkat dan memperkukuhkan lagi mutu pendidikan supaya dapat melahirkan rakyat yang setia, bertanggungjawab, berbakti dan berperibadi mulia. Selaras dengan Pelan Induk Perindustrian, Kerajaan Beta akan memperbaiki kemudahan fizikal dengan menambah bilangan sekolah vokasional dan menggubal kurikulum yang berorientasikan keperluan perindustrian semasa dan masa hadapan.

Sejajar dengan Dasar Sukan Negara, program "Malaysia Cergas" sedang dilaksanakan untuk diikuti oleh semua peringkat masyarakat bagi mewujudkan warganegara yang aktif, sihat, cergas dan berdisiplin. Di samping itu, Kerajaan Beta juga telah berusaha meningkatkan lagi taraf kesihatan rakyat jelata khasnya mereka yang tinggal di luar bandar. Program-program mencegah penyakit, rawatan pesakit dan promosi kesihatan akan diperhebatkan lagi. Banyak lagi klinik kesihatan dan hospital yang baru akan dibina.

Kerajaan Beta melalui kemudahan media akan terus berusaha menyampaikan maklumat-maklumat untuk menggembetngkan tenaga rakyat supaya rakyat bersama-sama Kerajaan Beta membangunkan negara.

Dalam usaha peningkatan kualiti hidup, Kerajaan Beta juga terus mempergiatkan lagi usaha-usaha bagi mengadakan perumahan melalui program-program tertentu. Perhatian akan diberi kepada pendekatan mengintegrasikan kampung-kampung, yang sebelum ini dikenali sebagai kampung-kampung baru, ke dalam rancangan pembangunan bandar dan luar bandar selaras dengan pembangunan penempatan bandar baru yang mencerminkan perpaduan rakyat.

Perpaduan kaum merupakan intipati yang penting dalam usaha Kerajaan mencapai keamanan, kestabilan dan kemakmuran rakyat yang berbilang kaum dan agama. Ke arah ini, Kerajaan Beta telah mewujudkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Beta ingin melikat rakyat bukan sahaja bersatupadu dan berjaya, tetapi juga percaya kepada diri sendiri supaya bersikap tolong-menolong serta mengamalkan budaya ikram (caring and sharing culture). Dalam usaha ini, institusi keluarga memainkan peranan yang penting, oleh sebab ia bukan sahaja menjadi unit asas dalam struktur masyarakat kita, tetapi juga merupakan institusi yang boleh melahirkan masyarakat yang berkualiti dan bermaruah.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Di peringkat antarabangsa kita telah memainkan peranan yang aktif dan telah menyumbang ke arah kemakmuran dan keamanan dunia. Kini, Malaysia lebih terkenal di kalangan masyarakat antarabangsa. Perhubungan kita dengan negara-negara luar bertambah erat dan membawa manfaat kepada rakyat dalam bidang ekonomi dan sosial. Baru-baru ini, Malaysia telah mendapat penghormatan lagi apabila kita terpilih menjadi anggota Majlis Ekonomi dan Sosial (ECOSOC) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Sidang Kemuncak Pertama Kumpulan 15 Negara-negara Selatan di Kuala Lumpur dalam bulan Jun 1990 telah berjaya mewujudkan era baru dalam kerjasama Selatan-Selatan. Sekali lagi, sepenijuga ketika mengadakan Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada tahun 1989, Kerajaan Beta yang diketuai oleh Memanda Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telah menunjukkan kepimpinan yang baik.

Di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia terus memperjuangkan pendirian yang sederhana dan bebas demi menegakkan keadilan yang saksama dalam perhubungan antara negara-negara. Malaysia mengambii pendirian tegas dalam soal penaklukan Kuwait oleh Irag dan juga mengenai hak-hak serta keadilan bagi orang-orang Palestin.

Sebagai pengiktirafan terhadap peranan Malaysia menentang sistem 'apaneid' di Afrika Selatan, Memanda Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telah diberi penghormatan sebagai pemimpin yang pertama di rantau ini untuk menemui pemimpin African National Congress (ANC), Dr Nelson Mandela, di Zambia selepas pejuang itu dibebaskan dari penjara. Lawatan Dr Nelson Mandela ke negara ini pada

awal November lahun ini, menunjukkan penghormatan beliau kepada Malaysia. Malaysia akan terus menyokong kuat perjuangan orang-orang kulit hitam di Afrika Selatan.

Malaysia terus mengutamakan peningkatan hubungan dengan negara-negara jiran dalam ASEAN, negara-negara Islam, ahli-ahli Pergerakan Berkecuali dan negara-negara Komanwel.

Keadaan antarabangsa mengalami perubahan besar akibat tamatnya permusuhan antara kuasa-kuasa besar dan perkembangan-perkembangan di Eropah Timur. yang sedikit sebanyak memberi kesan kepada negara ini dan negara-negara Dunia Ketiga. Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan-perkembangan tersebut.

Ahli-abli Yang Berhormat,

Kerajaan Betajuga akan terus memberi penekanan kepada aspek-aspek rohant dan moral yang berteraskan nilai-nilai murni agama. Bagi umat Islam, Beta menyeru mereka supaya berpegang teguh kepada ajaran Islam berpandukan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian yang seriits kepada usaha-usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti. Usaha-usaha peningkatan kualiti melalui Gerakan Budaya Kerja Cemerlang tentunya akan mendatangkan manfaat kepada pekerja, organisasi dan negara. Perkhidmatan Awam perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kuatiti perkhidmatannya bagi membantu sektor swasta meningkatkankeupayaanpersaingandalampasaranantarabangsa.Betayakindengan pengurusan tenaga manusia secara yang lebih cekap dan berkesan dengan diterajui oleh Perkhidmatan Awam yang dinamik dan berkualiti, negara akan terus mencapai kejayaan yang cemerlang dimasa-masa hadapan.

Beta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota Perkhidmatan Kerajaan yang berkhidmat di dalam dan di luar negeri dengan penuh dedikasi, jujur dan taat setia serta semua pihak yang memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Beta menghargai dan menyanjung tinggiperkhidmatan Pasukan Keselamatan yang telah mempenahankan kedaulatan negara.

Beta menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat supaya menjalankan tugas dan kewajipan mereka yang telah diamanahkan. Tugas dan tanggungjawab tersebut hendaklah dijalankan dengan penuh ikhtas dan jujur demi kepentingan negara.

Akhirnya, Beia menyeru stmua rakyat supaya menumpu sepenuh taat setia kepada negara mengikut Prinsip-prinsip Rukun Negara semoga negara kita yang terdnta akan terus bersatupadu, aman. maju dan makmur.

Wabillahi Taufik Walhidayyb,
Wassalaamu Alaikum Warahmatullaaiiii "Wabcraakaatuli.

The English translation is as follows:

**ADDRESS BY
HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN AZLAN SHAH**

In the name of Allah, Most Beneficent, Most Merciful.

Assalaamu Alaikum WarahmatuIlahi Wabarakaatuh.

Mr Speaker, Mr Deputy President, Honourable Members of the Dewan Negara and Honourable Members of the Dewan Rakyat.

Thanks be upon Allah, The Almighty, for His blessings in enabling me to address this House in conjunction with the Official Opening of the First Meeting of the First Session of the Eighth Parliament today.

I am very happy that the recent General Election was held in a peaceful and orderly manner. I wish to express my appreciation to all parties concerned, especially the Election Commission and the Royal Malaysian Police Force for their effort and dedication in successfully ensuring a fair and orderly General Election.

In line with democratic practice, following a General Election, a Government is set up by the political party that received the mandate of the people. My congratulations to all newly elected Members of the Dewan. I hope Honourable Members will perform their duties and responsibilities with absolute sincerity and honesty in accordance with accepted principles.

The right to vote is the foundation of parliamentary democracy as practised in this country. The fundamental freedom of the people will continue to be guaranteed by the Constitution and protected by our judicial system. It is important therefore that our democratic system be preserved and defended.

My Government will continue to implement policies which are beneficial to the people and the country and to ensure that our national interests remain paramount.

Honourable Members,

The year 1990 has been a year of challenges. While achieving continued progress and success, Malaysia also experienced several events that will remain in our memory, for example the tragedy involving our pilgrims in Muzaim, Saudi Arabia and the Gulf crisis which resulted in a number of Malaysians being stranded in Kuwait during the initial period of the crisis. However, due to the determined effort on the part of my Government and with the cooperation of various parties, these situations were successfully dealt with.

I am grateful that the country is enjoying a long period of peace and stability and that the overall security situation is under firm control. After the militant Communist threat in Peninsular Malaysia ended at the end of 1989, we witnessed the ending of armed struggle and the disbandment of the Communist party of Kalimantan in Sarawak. This

shows that we have been successful in putting an end to the Communist armed struggle throughout the country.

I wish to record my highest appreciation and gratitude to the Armed Forces of Malaysia and the Royal Malaysian Police Force for their role in maintaining the nation's security and upholding our sovereignty. Steps are being taken to modernise and upgrade the capabilities of both Forces.

Despite improvements in our security situation, I wish to remind the people to remain alert to other threats that could affect national unity and stability. The people must always be aware of current developments in the region as well as developments in the international arena that could affect national security. The people must strengthen the spirit of national unity and national resilience in order to preserve peace and harmony.

Dadah trafficking and abuse is still a threat to national security. I am satisfied with the enforcement of the anti-dadah laws and Malaysia's role in combating the dadah threat at the national, ASEAN and international levels. Dadah rehabilitation programmes currently implemented in Malaysia have improved to be effective and are being accepted as a model worthy of study by other countries.

Honourable Members,

This year marks the end of the Fifth Malaysia Plan and the Sixth Malaysia Plan will commence next year. In the Second Meeting of this Session of Parliament, my Government will table the Second Outline Perspective Plan which will define the objectives, strategies and development thrusts for the decade of the 1990s, to be followed shortly by the tabling of the Sixth Malaysia Plan (1991-1996) which will focus appropriate programmes towards achieving the objectives set out by the Outline Perspective Plan. It is my sincere wish that all sections of society, particularly the poor and low income groups will be able to benefit fully from the development efforts being undertaken.

The country's economic performance in 1990 has been very remarkable. A high rate of economic growth has been achieved, accompanied by high levels of investment. Efforts to attract investment, both from foreign and domestic sources, will therefore continue, so as to sustain the present growth momentum and to create greater employment opportunities especially in the industrial sector.

The country is in its fourth consecutive year of rapid economic growth, and the rate of growth for the current year is expected to exceed nine percent. This is an exceptionally strong showing bearing in mind that not many countries have been able to enjoy such a robust performance. This achievement is attributable partly to the dedicated effort of my Government in administering and managing the economy and partly to the strong performance of the private sector, which has been able to take advantage of favourable global economic developments.

I am pleased to note that, despite rapid rates of economic growth, inflation still remains under control. However, I urge the people to continue to exercise prudence and thrift in their spending so as to control inflation.

My Government will on its part continue to attach great importance to efforts directed at reducing wastage and preventing misappropriation of resources. Accordingly, due attention will be given to redressing any weaknesses or laxity both at the management and enforcement levels, and to ensuring proper adherence to established/financial and accounting procedures. Corruption, misappropriation of funds or misuse of authority will as a consequence be put under stricter control.

My Government will continue to implement the privatisation policy. Since 1983, this policy has enabled the Government to improve its financial position by reducing operational costs, whilst helping to increase competitiveness, efficiency and productivity. The privatisation policy has also contributed towards increasing Bumiputera participation in the corporate sector.

From the socioeconomic perspective, great strides have been made towards achieving the objectives of poverty eradication and restructuring of society. The incidence of poverty has steadily decreased from 50 per cent in 1970 to 15 per cent in 1990, a reduction of 35 percentage points over 20 years.

The year 1991 will bring with it yet greater challenges. The present Gulf Crisis could threaten peace and world economic growth. Malaysia as an oil exporter, will reap short term economic benefits from the crisis. However, any prolongation of the crisis may adversely affect our economy. Therefore, my Government will exercise prudence and caution in the use of resources to ensure long term economic growth and stability.

Honourable Members,

In international trade, my Government will continue to improve the export performance of Malaysian products. In addition to strengthening and expanding existing markets, the Government will continue to increase exports to non-traditional markets in West Asia, East Asia, South America, the South Pacific Islands and Africa.

In line with the above, my Government will continue to participate in multilateral and bilateral negotiations with countries that support free and open trade. The Government will also increase trade cooperation with ASEAN member countries to protect national and regional interests.

My Government will continue to give emphasis to the export of high quality agricultural products. The strategy for commodities like palm oil, rubber and cocoa as well as livestock and food products is to improve production through increased productivity and efficiency as well as by reducing costs. Efforts are underway to promote/further the use of commodities such as palm oil, rubber and cocoa in the production of manufactured goods. Efforts are also being taken to diversify livestock production and increase the production of food products.

The manufacturing sector has emerged as the most important sector of the Malaysian economy. Its contribution to the Gross National Product has increased from 19.7 percent in 1985 to about 26 percent in 1990. The export of manufactured goods has surpassed the export of primary commodities like rubber, palm oil and petroleum. This success has been achieved through Government policies and efforts to attract more investors to this sector.

My Government will continue to improve the investment climate in the country in order to provide more job and other economic opportunities to the people. My Government will place greater emphasis on training and the production of skilled workers, in line with the needs of the industry.

The establishment of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs is timely. This Ministry will plan and formulate policies to generate growth of domestic trade as well as protect the interests of the consumers.

As a result of Visit Malaysia Year 1990, Malaysia is now a more attractive destination to both local and foreign tourists. Returns from the tourist industry this year have been very encouraging. The number of foreign tourists visiting Malaysia during the first ten months of this year has increased markedly. It is the objective of my Government to further develop tourism, art and culture to make Malaysia an even more attractive destination to tourists.

Economic development and tourism in Malaysia depend to a large extent on improved facilities and infrastructure. My Government will therefore give particular attention to improving the facilities for outgoing and incoming flights, upgrading airport facilities and further developing the transport systems encompassing the development of railways, shipping, ports and jetties, roads and highways, and also increasing facilities such as water and electricity supply, and telecommunications.

The agriculture sector remains an important sector of the national economy, because of its contributions to the Gross Domestic Product, employment, foreign exchange earnings and also rural development and ecological stability. Steps are also being taken to collect and update socioeconomic data on farmers to enable the Government to improve plans, projects and programmes designed to benefit this sector.

My Government is also implementing a comprehensive action plan on industrial technology development. Planning and implementation of development activities will also take into consideration environmental factors.

Under the rural development programme, my Government will continue to develop social and physical infrastructural facilities, increase opportunities for commercial and economic activities as well as improve basic amenities for the people in the rural areas.

In view of the important role of women in development, the Government has formulated the National Policy for Women. This policy will bring together and integrate the contribution of women in the social, economic and political fields and in the overall process of national development.

Honourable Members,

My Government is constantly upgrading the quality of education in order to produce loyal, responsible, and dedicated citizens imbued with good moral values. Furthermore, in line with the objectives of the Industrial Master Plan, the Government will upgrade educational facilities, increase the number of vocational schools as well as formulate a curriculum that can accommodate current and future industrial needs.

In accordance with the National Sports Policy, the "Malaysia Cergas" programme is being implemented at all levels of society to produce active, healthy, energetic and disciplined citizens. In addition, my Government has increased its efforts to further improve health standards, especially for those in the rural areas. Programmes for the prevention of diseases, treatment of the sick and promoting healthy living will be further intensified. In line with these, more health clinics and hospitals will be built.

My Government will continue to disseminate information through its media facilities to encourage the people to work together with the Government for national development.

In its effort to improve the quality of life, my Government will continue to provide housing through specific programmes. Attention will be given to the integration of villages that were formerly known as new villages, into urban or rural development programmes, in line with the development of new urban centres so as to reflect unity amongst the communities.

Racial unity is an important element to the Government in its efforts to achieve peace, stability and prosperity in a multi-racial and multi-religious society. Towards this end, the Government has established the Ministry of National Unity and Social Development. I wish to see the people not only united and successful, but also having self confidence and practising a caring and sharing culture. The family, as the basic unit of our social structure, plays an important role in producing a society with high moral values.

Honourable Members,

At the international level, the country has played an active role and has contributed towards world peace and prosperity. Malaysia is now better known among the community of nations. Our relations with other countries have become closer and have brought economic and social benefits to the people of Malaysia. Recently, Malaysia was again honoured when we were elected to be a member of the Economic and Social Council (ECOSOC) of the United Nations for a three-year term.

The Summit conference of the group of 15 countries in Kuala Lumpur in June 1990 has ushered in a new era in South-South cooperation. Once again, just as when we hosted the Commonwealth Heads of Governments Meeting (CHOGM) in 1989, my Government headed by Prime Minister Dr Mahathir Mohamad has demonstrated leadership of a high order.

At the United Nations Security Council, Malaysia continues to advocate justice and equity in the relations between nations. Malaysia has taken a firm stand on the question of Iraq's invasion of Kuwait as well as concerning the rights of and justice for the people of Palestine.

As a recognition of Malaysia's role in opposing the "apartheid" system in South Africa, the Prime Minister was given the honour as the first leader from this region to

to meet the African National Congress leader, Dr Nelson Mandela, in Zambia after he was released from prison. Dr Nelson Mandela's visit to Malaysia in early November shows the high regard he has for Malaysia. Malaysia will continue to give strong support to the struggle of the black people in South Africa.

Malaysia continues to give priority to the improvement of relations with neighbouring countries in ASEAN, the Islamic countries, countries of the Non-Aligned Movement and member nations of the Commonwealth.

The international environment has undergone tremendous changes as a result of the cessation of super-power confrontation and the developments in Eastern Europe, and these changes have an impact on our country as well as other countries of the Third World. Malaysia will constantly monitor these developments.

Honourable Members,

My Government will also continue to give emphasis to religious and spiritual aspects based on religious values. For the Muslims, I call upon them to truly uphold the teachings of Islam based on "Al-Quran" and "Sunnah" of Prophet Mohamad (peace be upon him).

My Government will continue to give serious attention to improve productivity and quality. Efforts to improve quality through "Gerakan Budaya Kerja Cemerlang" will certainly bring benefits to the workers, organizations and the nation. The public service must strive to improve the quality of their services to assist the private sector towards increasing competitiveness in international markets. I am confident that through a more efficient and effective management of manpower led by a dynamic and capable public service, the nation will continue to achieve greater success in the future.

I would like to express my gratitude to all members of the Government service, serving in the country and abroad, for their loyalty, sincerity and dedication and to all those who have contributed towards the nation's economic growth. I also extend my appreciation to our Security Forces for successfully defending the nation's sovereignty.

I call upon the Honourable Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat to perform the duties and responsibilities entrusted to them. These duties and responsibilities should be carried out with absolute sincerity and honesty for the sake of national interest.

Finally I call upon all Malaysian to give their absolute loyalty to the nation in accordance with the Principles of Rukun Negara so that our beloved country will continue to be united, peaceful, progressive and prosperous.

**Wabillahi Taufiq Walhidayah,
Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.**

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memper-setujukan Akta-akta yang telah diluluskan dalam Parlimen Ketujuh yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990;
2. Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan) 1990;
3. Akta Ubat (Iklan dan Jualan) (Pindaan) 1990;
4. Akta Hakcipta (Pindaan) 1990;
5. Akta Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1990;
6. Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1990;
7. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1990;
8. Akta Eksais (Pindaan) 1990;
9. Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1990;
10. Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1990;
11. Akta Kastam (Pindaan) 1990;
12. Akta Bekalan Elektrik 1990;
13. Akta Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990;
14. Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;
15. Akta Syarikat Amanah Labuan 1990;
16. Akta Bank Luar Pesisir 1990;
17. Akta Insurans Luar Pesisir 1990;
18. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan, 1990
19. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1990;

20. Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1990;
21. Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990; dan
22. Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"30hbJun, 1990

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990);
2. Rang Undang-undang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Jualan) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan);

7. Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Eksais (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Kumpulan-wang Pinjaman Perumahan (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Bekalan Elektrik;
13. Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti);
14. Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir;
15. Rang Undang-undang Syarikat Amanah Labuan;
16. Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir;
17. Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir;
18. Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan;
19. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan);
20. Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan);
21. Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand; dan
22. Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA.**

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**SIDANG KEMUNCAK G-15—
KEJAYAAN**

1. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah kejayaan yang dicapai melalui mesyuarat G-15 setakat ini dalam semua bidang; dan
- (b) adakah usaha G-IS itu untuk kepentingan negara-negara yang menjadi anggota sahaja, dan apakah langkah-langkah G-15 untuk menolong negara-negara yang bukan ahli.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), G-15 melambangkan suatu usahasekumpulan negara-negara membangun untuk mempertingkatkan kerjasama Selatan-Selatan. Di lihat dari konteks ini, Sidang Kemuncak Pertama G-15 di Kuala Lumpur padabulan Jun yang lalu dengan sendirinya merupakan satu kejayaan ke arah mencapai matlamat tersebut. Namun begitu, ini hanyalah permulaan kepada satu proses peningkatan kerjasama Selatan-Selatan yang diperjuangkan. Ke arah mencapai matlamat ini juga Sidang Kemuncak G-15 telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu G-15 yang dianggotai oleh Menteri-menteri Luar Malaysia, Venezuela dan Senegal untuk mengendalikan segala tindakan susulan kepada keputusan-keputusan Sidang Kemuncak tersebut.

Mengenai projek-projek G-15 pula, 12 projek telah diluluskan oleh Sidang Kemuncak Kuala Lumpur termasuk dua projek dari Malaysia untuk pelaksanaan

serta merta. Tindakan-tindakan susulan untuk melaksanakan projek-projek tersebut sedang giat dijalankan. Bagi projek pertama iaitu mengenai Peraturan Pembayaran Secara Duahala, umpamanya, kita telahpun menandatangani perjanjian dengan beberapa buah negara G-15 seperti Venezuela, Nigeria dan Mexico dan rundingan-rundingan dengan negara-negara lain di Amerika Latin, Afrika, Asia dan Eropah Timur akan dijalankan. Bagi projek kedua pula, iaitu Pusat Pertukaran Data mengenai Perdagangan, Pelaburan dan Teknologi Selatan-Selatan, laporan awal mengenai perlaksanaannya telahpun disediakan dan dibincangkan dengan beberapa negara anggota G-15 iaitu India, Senegal, Yugoslavia dan Indonesia. Malaysia akan mengadakan Mesyuarat Kumpulan Pakarpada24hingga26hbJanuari, 1991 di Kuala Lumpur sebagai persiapan terakhir sebelum projek ini dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (b), G-15 bukanlah untuk kerjasama di kalangan ahli-ahlinya semata-mata. Ia hanya berperanan sebagai penggerak atau, dengan izin, catalyst kepada peningkatan kerjasama Selatan-Selatan pada keseluruhannya. Apa yang dicadangkan di Sidang Kemuncak Kuala Lumpur telah mengambil kira kepentingan negara-negara membangunnya. Sebagai contohnya, projek-projek yang telah diterima di Sidang Kemuncak Kuala Lumpur terbuka kepada penyertaan semua negara Selatan dan mereka digalakkan untuk mengambil bahagian dalam projek-projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Monggoh Arow.

(Soalan No.2 Y.B. Datuk Monggoh Arow tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. V. David.

(Soalan No.3 Y.B. Dr V. David tidak hadir)

UDA—PROSES MEMBANDARKAN BUMIPUTERA

4. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan semenjak UDA ditubuhkan dahulu, apakah bentuk-bentuk kejayaannya di dalam mengurbanisasikan kaum Bumiputera di kawasan-kawasan bandar seluruh negara.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Pembangunan Bandar iaitu UDA adalah sebuah agensi amanah yang telah ditubuhkan pada 1hb September 1971 dengan dipertanggungjawabkan dengan fungsi mewujudkan pembandaran yang terancang di seluruh negara dan menyusun semula masyarakat dan ekonomi bandar dalam proses pembandaran.

Peranan UDA di dalam bidang pembandaran khususnya dalam proses membandarkan kaum Bumiputera telah dilaksanakan melalui beberapa program seperti berikut:

- (i) mewujudkan pusat bandar-bandar baru secara menyeluruh;
- (ii) menyediakan premis perniagaan menerusi pembangunan kompleks-kompleks perniagaan, ruang-ruang pejabat, ruang-ruang niaga dan rumah-rumah kedai di tempat-tempat yang strategik dalam bandar, Program ini telah memberi peluang kepada Bumiputera menjalankan perniagaan; dan
- (iii) menyediakan perkhidmatan perundingan bagi projek-projek pembangunan hartanah di bandar-bandar bagi membantu Bumiputera memajukan tanah-tanah mereka yang terletak dalam bandar.

Kejayaan UDA dalam mengurbanisasikan kaum Bumiputera boleh dilihat dari segi sumbangan-sumbangan UDA seperti berikut:

- (i) merintis penyertaan Bumiputera dalam kegiatan-kegiatan ekonomi bandar menerusi penyediaan premis-premis perniagaan serta ruang-ruang pejabat dan rumah kedai. Penyertaan mereka pada awalnya dibantu pula dengan menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman. Di samping itu, UDA juga telah membantu mereka bagi menjadi rakan usahasama dalam beberapa syarikat yang ditubuhkan bersama-sama dengan bukan Bumiputera dalam berbagai kegiatan ekonomi di bandar-bandar;
- (ii) menambah hakmilik harta Bumiputera di bandar-bandar menerusi pemilihan ruang niaga, rumah-rumah kedai dan rumah kediaman dalam bandar. Terdapat juga harta-harta UDA yang disewakan untuk tujuan dikekalkan pemilikannya;
- (iii) memperluaskan proses pembandaran Bumiputera dengan membangunkan bandar-bandar baru yang lebih terancang dan menjadikannya sebagai pusat-pusat pertumbuhan ekonomi. Di bandar-bandar baru ini UDA telah membawa masuk Bumiputera bagi menyertai kegiatan ekonomi bandar; dan
- (iv) memberi peluang kepada Bumiputera menyertai pembangunan pembandaran dengan memajukan tanah-tanah mereka. Ini dilaksanakan melalui khidmat perundingan. Dengan cara ini mereka dapat memperolehi pulangan yang maksima di atas pembangunan tanah-tanah mereka di samping

meningkatkan nilai -hartanah berkenaan.

Kesimpulan daripada program-program yang dilaksanakan oleh UDA di bandar-bandar ialah bahawa UDA telah mewujudkan satu dimensi baru bagi masyarakat Bumiputera di bandar-bandar. Mereka telah berpeluang untuk menjalankan kegiatan ekonomi di bandar-bandar khususnya di bidang perniagaan. Penglibatan mereka di dalam sektorekonomi di kawasan bandar telah mewujudkan nilai-nilai sosial dengan cara berfikir yang selari dengan kehendak-kehendak proses urbanisasi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan proses mengurbanisasikan Bumiputera di bandar-bandar ini di mana peranan UDA didapati sekarang ini telah menswastakan beberapa projek antara lain bangunan Peremba yang telah diberi kepada RHB. Apakah tindakan ini menjamin kepentingan Bumiputera pada masa akan datang ataupun apakah syarat-syarat ataupun garis-garis tertentu di mana proses seperti ini tidak menjejaskan kepentingan Bumiputera pada masa akan datang?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah menjamin.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan amaan yang yang digunakan untuk mencapai dimensi baru yang disebutkan tadi dan adakah dasar-dasar yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bertentangan dengan apa yang disebutkan pada tempo hari oleh beberapa Menteri terutamanya oleh Timbalan Perdana Menteri mengenai penduduk-penduduk di luar bandar jangan berhijrah ke bandar. Adakah beberapa dasar yang disebutkan tadi ini bertentangan dengan seruan Menteri-menteri seperti Timbalan Perdana Menteri?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, bagi mewujudkan satu dimensi baru tidak semestinya melibatkan kewangan kerana ia ada kaitan dengan pemikiran, ruang lingkup secara berfikir. Tetapi kalau sekiranya ditanya oleh Yang Berhormat berkenaan dengan perbelanjaan yang telah dibelanjakan, perlulah soalan itu disebut untuk apa. Tetapi mengenai dengan dimensi, ia tidak semestinya melibatkan kewangan.

IMBANGAN PEMBAYARAN NEGARA

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan imbangan pembayaran negara mulai bulan Januari hingga Oktober 1990 dan menerangkan perbezaannya berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1989. Jika terdapat perbezaan, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, maklumat penuh mengenai kedudukan imbangan pembayaran negara biasanya disediakan mengikut sesuatu tahun tertentu dan bukannya bagi sesuatu jangkamasa, misalnya bulan Januari hingga Oktober.

Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, anggaran awal Perbendaharaan menunjukkan bahawa kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran negara bagi tahun 1990 dijangka terus bertambah kukuh berbanding dengan prestasinya pada tahun 1989 berikutan dengan aliran masuk yang pesat pelaburan modal asing ke negara kita ini. Walau bagaimanapun, kedudukan akaun semasa dijangka terus terjejas dalam tahun 1990 akibat daripada lebihan akaun dagangan menjadi semakin kecil berikutan dengan kadar pertumbuhan import yang pesat dan melebihi kadar peningkatan eksport.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, maklumat-maklumat yang lebih terperinci mengenai kedudukan imbangan pembayaran negara pada tahun 1990 dan perbezaannya dengan kedudukan pada tahun 1989 akan diperolehi daripada Laporan Ekonomi 1990/1991 yang akan diedarkan pada hari Belanjawan iaitu 14hb Disember. Saya berharap kita bersama-sama dapat menunggu laporan tersebut.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kesan yang dijangka kepada imbangan pembayaran sekiranya peperangan Teluk meletus, dan kalau kesannya buruk apakah persediaan yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk menghadapi keadaan yang berkenaan. Dan tadi Yang Berhormat telah tersebut, saya minta maaf kerana saya kena tanya perkara ini bahawa kedudukan 'current accouni' kita agak tidak memuaskan pada tahun ini, Apakah kesannya kepada kedudukan 'current account' kita kalau sekiranya peperangan Teluk meletus dalam masa setahun-tahun hadapan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya kita dapat sabar menunggu sahaja Laporan Ekonomi supaya kita dapat angka-angka yang lebih terperinci supaya kita dapat jawapan dengan lebih terperinci apa yang ditanya. Terima kasih.

SKIM CEPAT KAYA

6. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kes laporan polis yang dibuat oleh para pelabur Skim Cepat Kaya setakat ini mengikut pecahan negeri;
- (b) adakah benar bahawa anggota-anggota polis dan tentera termasuk para pegawai didapati terlibat dalam Skim Cepat Kaya.

Jika ya, nyatakan butir-butir berkenaan; dan

- (c) adakah benar bahawa kejadian-kejadian tidak diingini berlaku ekoran kebocoran kes penipuan dalam Skim Cepat Kaya. Jika ya, apakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengemukakan suatu "Kertas Putih" mengenai skandal penipuan ini; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 18 laporan polis telah dibuat berhubung dengan Skim Cepat Kaya iaitu 16 laporan dibuat mengenai skim \$350 di mana di bawah skim ini mana-mana orang yang melabur \$350 akan dapat balik \$350 sebanyak lapan kali pada tiap-tiap 14 hari. Dua aduan lagi ialah mengenai Skim Permata Bakti Sdn.Bhd. iaitu skim yang menjanjikan pelaburan tiga kali ganda dalam tempoh dua minggu. Mengikut skim ini mana-mana orang yang melabur \$1,000 dalam tempoh dua minggu akan mendapat pulangan sebanyak \$3,000 iaitu untung \$2,000.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhonnat, hendak membaca kesemua lapan belaskah?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, sila.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Laporan-laporan polis ini ialah mengenai pengambilan deposit tanpa lesen mengikut Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989. Kes-kes tersebut dalam tindakan Bank Negara Malaysia.

Memang benar ada pegawai polis yang terlibat dengan Skim Cepat Kaya ini. Setakat ini 5 orang pegawai dan 18 anggota pangkat rendah telahpun dikenalpasti terlibat dalam skim ini.

Siasatan tatatertib ke atas mereka sedang dijalankan. Pihak polis tidak ada menerima laporan mengenai penglibatan pegawai-pegawai tentera.

Mengenai kejadian rusuhan yang dilaporkan, saya suka memaklumkan bahawa tidak ada apa-apa rusuhan berlaku berhubung dengan skim ini. Apa yang berlaku sebenarnya ialah pada 25hb September, 1990 di Alor Setar, Kedah, ramai pelabur atau pendeposit datang ke Pejabat Permata Bakti menuntut pelaburan atau di viden ke atas pelaburan mereka. Memandangkan pejabat tersebut telah ditutup dan penganjur berkenaan telah melarikan diri maka orang ramai yang berhimpun situ kemudiannya telah bersurai. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menyediakan kertas putih mengenai skim ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Manakah negeri yang paling banyak terlibat dalam Skim Cepat Kaya ini?

yang diterima, kesemua 18 laporan itu dari Kedah, kemungkinanlah orang Kedah yang ramai terlibat.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana banyak orang miskin terlibat dalam Skim Cepat Kaya ini, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan bercadang supaya mengharamkan segala aktiviti Skim Cepat Kaya ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, skim ini adalah haram. Dengan sebab itu, bagaimanakah Kerajaan hendak mengharamkan benda yang haram (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)

HOSPITAL DAERAH SEGAMAT— PEMBINAAN

8. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah pembinaan hospital baru di Segamat akan bermula dan sebab-sebab kelewatan untuk memulakan pembinaan ini; dan
- (b) adakah beliau sedar kekurangan kakitangan khasnya doktor-doktor pakar menjejaskan perkhidmatan kepada rakyat yang berada di kawasan Segamat dan daerah-daerah berhampiran dan bilakah jawatan-jawatan yang masih kosong akan dipenuhi oleh Kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pembinaan Hospital Daerah Segamat dijangka akan dapat dimulakan pada pertengahan 1991. Hospital ini mula-mulanya dirancang untuk dibina dalam masa Rancangan Malaysia Keempat tetapi ianya tidak dapat dilaksanakan oleh sebab kemelesatan ekonomi negara.
- (b) Kementerian sedar bahawa kekurangan doktor pakar di Hospital Daerah Segamat boleh menjejaskan perkhidmatan yang disediakan di kawasan tersebut dan daerah berhampiran. Walaupun Hospital Daerah Segamat hanya mempunyai seorang pakar bedah, perkhidmatan kepakaran yang lain ada disediakan oleh pakar-pakar dari Hospital Daerah Muar secara, dengan izin, sessional basis. Selain dari itu, beberapa pegawai perubatan di Hospital Daerah Segamat telah diberi latihan dalam bidang-bidang tertentu dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatan yang disediakan.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan memang mengalami kekurangan pakar-pakar secara keseluruhannya. Kementerian akan cuba mengisi jawatan kosong di Hospital Daerah Segamat apabila bilangan pakar-pakar mencukupi.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar, khidmat yang telah diberi oleh pakar-pakar daripada Muar ini amat tidak memuaskan dan walaupun jawapan telah diberi untuk mengisikan jawatan-jawatan yang disebut tadi, tetapi inilah satu usaha yang saya rasa tidak memuaskan sampai masa kini oleh Kerajaan dan saya ingin dapat tahu dari Yang Berhormat bilakah pihak Kementerian boleh mengisikan lebih kurang dua atau tiga jawatan pakar doktor di kawasan Segamat?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Hospital Segamat mengalami masalah kekurangan doktor pakar, ini bukan satu masalah tempatan, ini adalah satu masalah keseluruhan di mana Kementerian Kesihatan memang telah menjalankan usaha-usaha untuk mengatasi kekurangan pakar ini. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang dinyatakan tadi, sebaik sahaja usaha ataupun skim Kementerian ini dapat dijalankan dengan sempurna maka masalah kekurangan pakar itu dapat diatasi di mana perkhidmatan akan menjadi lebih memuaskan.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen itu mengaku bahawa Kerajaan telah gagal dalam pengambilan doktor-doktor pakar sehingga hari ini di mana Kerajaan telah menunjukkan bahawa Kerajaan tidak mengambil berat tentang perkara ini ataupun Kerajaan telah menghadapi beberapa kelemahan di mana Kementeriannya tidak dapat mengatasi.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sudah berikhtiar menjalankan segala usaha yang boleh. Saya rasa dengan sekaian-sekatan ataupun kekurangan kepakaran itu walau bagaimana susah pun kakitangan pembatan yang sedia ada itu masih cuba memberikan perkhidmatan yang sepuas-puasnya.

**MAJLIS PERUNDINGAN
EKONOMI NEGARA (MPEN)—
LAPORAN**

9. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Majlis Perundangan Ekonomi Negara akan dibubarkan kerana peranannya tidak penting dan bermakna berikutan kenyataan YAB bahawa pihak Kerajaan tidak akan akur kepada keputusannya kerana ia tidak boleh mencapai kata sepakat.

7.12.90

12. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan pendirian rasmi Kerajaan terhadap laporan Majlis Perundangan Ekonomi Negara (MPEN) dan bilakah laporan ini dijangka siap dan apakah sebab mengapa laporan ini belum disiapkan mengikut jadual.

70.72.90

18. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan adakah Y.A.B. sedar kekecewaan beberapa ahli-ahli Majlis Perunding Ekonomi Negara (MPEN) berhubung dengan pengumuman Y.A.B. iaitu Laporan MPEN tidak akan diterima dengan sepenuhnya oleh kerana wakil-wakil dari parti DAP telah menarik diri dari Majlis tersebut. Adakah ini bermakna lain-lain pihak yang mewakili kaum Cina, India dan lain-lain kaum tidak boleh menyuarakan masalah-masalah mereka dalam MPEN. Jika perkara ini menjadi satu syarat penting, sebab apakah MPEN dibenarkan mula kerja pada awalnya.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Mertajam pada 7.12.1990 dan Yang Berhormat dari kawasan Segamat pada 10.12.1990 sekaligus raemandangkan soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang sama iaitu berkenaan dengan Majlis Perundangan Ekonomi Negara (MPEN).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan pada tahun 1970 membentuk Dasar Ekonomi Baru tidak ramai daripada masyarakat Malaysia yang dirundingi sudah tentu parti-parti lawan tidak diberi peluang sama sekali untuk memberi pendapat.

Setelah Dasar Ekonomi Baru dikemuka dan dilaksanakan, ramai terutamanya parti Pembangkang yang mengkritik Dasar Ekonomi Baru kerana berbagai sebab. Kritikan-kritikan ini tidak menolong menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru menjadi sasaran yang amat digemari oleh semua pihak kononnya ia hanya menolong beberapa kerat bumiputera yang dipilih oleh Kerajaan atau oleh parti Kerajaan mendapat kekayaan yang banyak. Kononnya Dasar Ekonomi Baru menyebabkan kebanyakan bumiputera menjadi lebih miskin. Kononnya bukan bumiputera rugi besar kerana Dasar Ekonomi Baru. Kononnya pembangunan negara terjejas. Kononnya perhubungan antara kaum menjadi lebih tegang, Akibat daripada usaha gigih oleh parti lawan, Dasar Ekonomi Baru dan Malaysia mendapat nama yang amat buruk di dalam dan di luar negeri. Gambaran diberi bahawa sementara beberapa kerat bumiputera menjadi kaya-raya, bukan bumiputera menjadi miskin dan papa. Ketidakadilan yang ketara adalah hasil Dasar Ekonomi Baru.

Niat baik Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat berbilang kaum di Malaysia yang lebih seimbang pembangunannya dan lebih adil diputarbelitkan sehingga ternampak seolah-olah Dasar Ekonomi Baru dicipta dengan niat yang jahat. Pembentukan suatu dasar yang bercorak socio-economic engineering bukanlah sesuatu yang mudah. Sistem komunis dan sosialis adalah dicipta untuk maksud socio-economic engineering iaitu untuk membahagi kekayaan sesebuah negara dengan lebih adil. Tetapi kedua-dua sistem ini bukan sahaja tidak berjaya mencapai matlamatnyatetapi sebaliknya memburukkan lagi keadaan.

Sekarang kita semua tahu bagaimana negara komunis dan sosialis begitu miskin sehingga tidak cukup makanan. Sebaliknya setelah Dasar Ekonomi Baru berjalan 20 tahun walaupun matlamatnya tidak tercapai sepenuhnya tetapi pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara tidak terjejas bahkan jelas lebih baik. Negara-negara yang tidak ada masalah kaum pun tidak berjaya dibangunkan seperti Malaysia. Namun, ada pihak yang masih berkaia Dasar Ekonomi Baru tidak baik. Justeru itu Kerajaan ingin tahu apakah bentuk Dasar Ekonomi yang boleh membawa keadilan dalam masyarakat majmuk yang mana pembangunannya jelas tidak adil dan seimbang antara kaum dengan kaum. Apakah Dasar Ekonomi yang boleh diterima oleh semua kaum dan boleh membawa keadilan sosio-ekonomi. Kerajaan ingin melaksanakan Dasar Ekonomi yang idcal ini jika ia boleh dicipta.

Oleh kerana ramai pengkritik Kerajaan tetap akan mengecam sebarang dasar yang dibentuk oleh Kerajaan dan sebaliknya jika Kerajaan menerima bulat-bulat pengkritik dasar Kerajaan, maka pihak-pihak lain dan penyokong Kerajaan pula tidak akan puas hati dan akan mengecam Kerajaan. Maka sebagai pendekatan yang baik Kerajaan melalui MPEN memberi peluang kepada semua

pihak termasuklah semua pengkritik dan cerdik-pandai daripada semua kaum untuk membentuk Dasar Ekonomi bagi tahun-tahun selepas 1990 yang boleh diterima oleh semua. Jika dasar yang dibentuk dan dipersetujui oleh MPEN ini dilaksanakan oleh Kerajaan maka tidak akan ada lagi apa-apa kritikan daripada mana-mana pihak dan dengan itu kejayaannya akan terjamin. Tetapi amatlah penting semua pihak bersetuju. Jika ada sesiapa yang tidak bersetuju dan mereka ini menarik diri daripada MPEN dan jika dasar yang dipersetujui oleh ahli-ahli MPEN yang tinggal, diterima dan dilaksanakan oleh Kerajaan maka nasib dasar ini akan menjadi sama dengan Dasar Ekonomi yang dicipta oleh Kerajaan semata-mata seperti Dasar Ekonomi Baru dahulu. Tetapi seperti kita semua maklum beberapakumpulan yang penting yang menganggotai MPEN telah menarik diri. Dengan itu mereka ini akan bebas mengutuk dasar yang dibentuk oleh baki ahli-ahli MPEN. Ini menunjukkan:-

- (1) Pengkritik Dasar Ekonomi Baru sendiri tidak berupaya mencipta Dasar Ekonomi yang lebih baik dan lebih sesuai dari yang diciptakan oleh Kerajaan. Mereka hanya mampu mengkritik.
- (2) DasarEkonomiyangdiciptaoleh baki ahli MPEN bukanlah yang ideal yang boleh diterima oleh seluruh masyarakat majmuk Malaysia, sudah tentu mereka yang menarik diri dari MPEN dan mengecamnya.
- (3) Dasar Ekonomi yang dicipta selepas penarikan diri pengkritik Kerajaan mungkin tidak lebih baik daripada dasar yang mungkin dicipta oleh Kerajaan. Malang sekali apabila MPEN tidak mencapai consensus, yang kita tidak faham ialah mengapa pihak yang menarik diri begitu ghairah untuk melihat Kerajaan menerima dasar yang dibentuk

oleh sebahagian sahaja daripada MPEN. Apakah mereka sanggup menyokongnya atau apakah mereka tidak dapat menunggu untuk mengecamnya. Bagi pihak Kerajaan ianya tidak lagi terikat untuk menerima sepenuhnya dasar yang dicipta bukan secara consensus. Mungkin ada idea-idea dalam dasar-dasar yang dicipta oleh baki ahli-ahli MPEN ini yang boleh diterima oleh Kerajaan. Justeru itu Kerajaan akan mengkaji laporan MPEN ini.

Kelewatan laporan ini disebabkan oleh sikap pihak tertentu dan parti-parti Pembangkang yang lebih mengutamakan politik parti daripada kepentingan negara. Mereka hanya mengganggu perbincangan MPEN dan tidak cuba mencari consensus dengan ikhlas. Oleh kerana mereka menentang semua pendapat pihak lain, maka terlewatlah kerja-kerja MPEN. Sebaliknya pendapat mereka yang mengkritik menarik diri ini tidak boleh diterima oleh pihak yang lain kerana bermacam-macam sebab. Dengan ini perbincangan berlarutan tanpa apa-apa hasil. Persetujuan cuma dicapai selepas pihak-pihak ini menarik diri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berbormat Perdana Menteri menjelaskan bahawa kegagalan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) melahirkan kata sepakat dalam menggubal Dasar Ekonomi Negara 1990 kerana kecaman ataupun kritikan daripada pihak Pembangkang ataupun tindakan beberapa pihak menarik diri. Tetapi adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa terdapat juga komponen parti Barisan Nasional seperti MCA yang saya difahamkan mengecam hebat dan tidak dapat membuktikan kata sepakat dalam melahirkan dasar yang dianjurkan oleh Kerajaan sendiri.

Oleh itu, oleh kerana kegagalan MPEN ini melahirkan satu gagasan yang sepakat dalam rangka Dasar Ekonomi Negara selepas tahun 1990, apakah alternatif pihak Kerajaan walaupun disebut tadi bahawa Kerajaan tidak terikat dengan keputusan consensus, tetapi bagaimanakah bentuk alternatifnya bagi pihak Kerajaan melahirkan satu gagasan Dasar Ekonomi Baru yang diharap dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat di negara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka yang ada dalam MCA memberi pendapat yang kadang-kadang bertentangan dengan pihak-pihak yang lain, tetapi sekurang-kurangnya mereka tidak menarik diri. (*Tepuk*) Hanya mereka yang tidak dapat kejayaan bagi pendapat mereka dan menarik diri, mereka ini sahaja yang menggagalkan MPEN. Oleh kerana sekarang ini MPEN bukan lagi merupakan satu badan yang dapat mencapai consensus, maka seperti saya telah terangkan tadi, pihak Kerajaan sedia mengkaji laporan yang dibuat oleh baki yang ada dalam MPEN ini dan mungkin juga pihak Kerajaan sendiri akan menentukan idea-idea yang baru daripada Kerajaan sendiri kerana sekarang ini kita yakin bahawa apa juga yang dibuat oleh kita akan dikritik oleh parti lawan yang mengutamakan politik parti mereka sahaja. (*Tepuk*)

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seolah-olah tidak menerima kenyataan bahawa segala kritik-kritik yang telah dilemparkan berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru sebenarnya adalah berhubung dengan pelaksanaan dan segala perbuatan penyelewengan skandal dan sebagainya. Saya tidak nampak bahawa ada pihak-pihak Pembangkang yang tidak menzahirkan Dasar Ekonomi Baru, tetapi Perdana Menteri menjawab daripada jawapan yang asal tadi seolah-olah semua pihak

Pembangkit dan pengkritik-pengkritik tidak menerima Dasar Ekonomi Baru dan ini adalah suatu pengeliruan kepada orang ramai termasuk Yang Amat Berhormat di sini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memanglah satu taktik politik parti lawan menerima dasar, tetapi apabila dasar itu dilaksanakan, maka mereka menentang, tetapi mereka kata menerima. Kalau menerima dasar, mestilah menerima perlaksanaannya. (*Tepuk*) Jadi tidak ada beza antara penerimaan dasar dengan penolakan pelaksanaan, dan kalau tolak pelaksanaan bermakna tidak menerima dasar.

TOL DI JALAN CHERAS— KUTIPAN

10. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) atasasapakah Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd. menunlut pampasan berjumlah 100 ribu ringgit sehari kerana kehilangan hasil pendapatan sepanjang kutipan tol Chcras ditangguhkan; dan
- (b) kenapa tidak perjanjian penswastaan untuk membina 9 persimpangan bertingkat dalam Kuala Lumpur diumumkan kepada orang ramai untuk makluman dan pemeriksaan oleh kerana terdapat laporan bahawa kajian dilakukan sebelum DBKL/ Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd. menandatangani perjanjian penswastaan lidak mengambil kira banyak faktor penting yang membawa kepada kecauaian.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akibat penangguhan kutipan tol di Jalan Cheras, syarikat konsesi,

iaitu Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd., telah membuat tuntutan pampasan kerana kehilangan hasil pendapatan. Mcreka menganggap bahawa mereka layak menerima pampasan berasaskan syarat perjanjian konsesi yang telah dibuat dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 20hb November 1987.

Bagi menjawab soalan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang tidak praktikal bagi mana-mana Kerajaan merujuk projek-projek pembangunan kepada pihak awam terlebih dahulu sebelum dilaksanakan. Kerajaan yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen walau bagaimanapun memang telah diberi mandat oleh rakyat untuk berbuat demikian. Bagi projek penswastaaan jalan serta jejambat di Kuala Lumpur, sebenarnya pada masa projek ini dirancang, Kerajaan mendapati bahawa ianya feasible dan dapat memberi manfaat kepada semua pengguna jalanraya berkenaan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Dalam soal yang berkenaan dengan (a) tadi, soal Teratai yang terlibat dalam projek penswastaan pembinaan jalanraya di Kuala Lumpur, apakah tol-tol yang dikenakan selama ini hanya boleh ditarik balik apabila rakyat mengadakan tunjuk perasaan?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memikirkan semula kutipan tol bukan oleh kerana ada tunjuk perasaan yang telah dilakukan. Sebenarnya Kerajaan menarik balik kutipan tol itu selepas tunjukperasaan itu dihentikan. (*Ketawa*) Kerajaan memikirkan semula bahawa mungkin ada perkara-perkara yang telah diketahui oleh Kerajaan sesudah itu yang memerlukan pertimbangan semula.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, bukan sahaja tunjuk perasaan oleh

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila kemukakan pertanyaan, ya.

Tuan Tan Kok Wai: Ini sedikit 'background' sebab.... (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Tanyalah.

Tuan Tan Kok Wai: bukan sahaja tunjuk perasaan, tetapi keputusan pilihanraya di Sungai Besi juga menunjukkan hasrat orang ramai di Sungai Besi bagi menghapuskan tol. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu bukan soalan.

Tuan Tan Kok Wai: Soalan tambahan. Kecuaian-kecuaian ini menjejaskan kepentingan orang ramai dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga pernah membuat satu kenyataan mengakui bahawa kecuaian-kecuaian ini berlaku. Apakah kecuaian-kecuaian yang sebenarnya? Adakah Kerajaan cuba membatalkan perjanjian konsesi ini memandangkan ada kemungkinan perjanjian ini dijadikan tidak sah kerana kecuaian?. Soal yang kedua ialah begini. Sudah melebihi dua bulan setengah sejak satu pasukan khas ditubuhkan untuk mengkaji semula isu tol di Kuala Lumpur. Apakah hasil laporannya? Adakah laporan ini telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri? Apakah keputusan telah pun dibuat oleh Jemaah Menteri dan adakah cadangan untuk membalikkan tol di Jalan Pahang dan Jalan Cheras. Kalau tidak, mengapa? Adakah cadangan-cadangan yang lain selain daripada pembatalan tol dikemukakan dalam laporan dan apakah cadangan-cadangan yang berkenaan?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu ada menyuarakan tiga soalan. Soalan yang pertama, adakah perjanjian yang telah ditandatangani itu sah dari segi Undang-undang. Saya sendiri bukan

seorang peguam. Itu terpulanglah kepada pihak Peguam Negara untuk menentukannya kelak. Bagi jawapan soalan yang kedua, oleh kerana dua bulan sudah petugas khas ditubuhkan apakah peringkat pelaksanaan yang telah dicapai sekarang, sukalah saya menjelaskan memang kita telah mengadakan perbincangan beberap kali dan perbincangan itu masih diteruskan sekarang dan sehingga penyelesaian itu dapat ditetapkan, saya kira sukar atau tidak wajar bagi saya menerangkannya dengan teliti.

Bagi soalan ketiga, Kerajaan tidak bercadang untuk menarik pengutan tol sama sekali. Apa yang mungkin dipertimbangkan ialah mengkaji semula kadar-kadar tol yang boleh diterima secara munasabah.

JALAN TAPAH KE CAMERON HIGHLANDS

11. Dato' K. Kumaran minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar Jalan Tapah ke Cameron Highlands merbahaya untuk lalulinias yang pesat bertambah; dan
- (b) jika sedar, apakah rancangan Kementerian untuk melebarkan jalanraya tersebut untuk menampung pertambahan kenderaan di sana.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya memang menyedari bahawa Jalan Tapah ke Cameron Highlands adalah sempit oleh kerana ianya dibina di kawasan yang berbukit-bukau.

Bagi soalan (b) Kementerian Kerja Raya memang menyedari Jalan Tapah ke Cameron Highlands mempunyai kepentingan istimewa dari segi

perusahaan terutama perusahaan petancongan. Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan peruntukan, Kementerian ini belum bercadang untuk menaikkan taraf jalan berkenaan kerana keutamaan jalan ini adalah rendah jika dibandingkan dengan jalan lain di mana lalulintasnya telah melebihi keupayaan. Walau bagaimanapun, Kementerian memang bercadang untuk memperelok dan melebarkan jalan ini di tempat-tempat yang berscelekeh di bawah Program Kerja-kerja Penyelenggaraan.

Tuan Sim Kwang Yang : Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini tentang satu cadangan untuk membina satu jalanraya resort atau resort highway yang akan bermula dari Cameron Highlands, Fraser's Hill dengan Genting Highlands. Adakah projek ini untuk memajukan pelancongan di kawasan-kawasan itu sudah dibatalkan ataupun sudah digantungkan, dihidupkan semula atau dia pun dikuburkan?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan Yang Berhormat itu tidaklah melibatkan jalan dari Tapah ke Cameron Highlands. Walau bagaimanapun, memang ada satu cadangan untuk membina jalan hill road yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Sekarang projek ini dalam peringkat feasibility study sahaja.

NELSON MANDELA—LAWATAN KE MALAYSIA

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapa semasa lawatan selama empat hari Nelson Mandela ke Malaysia dalam bulan Oktober lalu, tiada aturcara bagi pemimpin Kongres Kebangsaan Afrika tersebut untuk menemui Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman, yang Nelson Mandela telah memuji secara awam dalam satu rapat

umum yang diadakan di Stadium Negara kerana peranannya dalam menyingkirkan Afrika Selatan daripada Komanwel.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji

Omar: Tuan Yang di-Pertua, aturcara lawatan bagi Dr Nelson Mandela, Timbalan Presiden Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) telah diatur oleh Wisma Putra. Sebelum aturcara itu dipersetujui, ianya telah dirujuk dan dibincangkan terlebih dahulu dengan Wakil ANC-ke India yang datang ke Malaysia untuk membuat persediaan bagi lawatan tersebut. Beliau telah mengesyorkan supaya aturcara lawatan tidaklah terlalu padat mengambilkira kesihatan Dr Mandela. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Dr Mandela sendiri telah membatalkan beberapa acara lawatan yang disusun termasuk lawatan ke Melaka kerana beliau memerlukan waktu rehat selepas setiap acara yang dihidupkannya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah program di mana Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman boleh berjumpa dengan Nelson Mandela pernah ditimbulkan dalam perbincangan-perbincangan mengenai program itu atau perkara ini tidak pernah dibangkitkan?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji

Omar; Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya dimaklumkan perkara ini tidak timbul.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri semasa lawatan Encik Nelson Mandela adakah pihak Kerajaan telah berjanji untuk menyumbang kepada perjuangan ANC untuk membebaskan Afrika Selatan daripada cengkaman apartheid. Kalau ya, adakah jumlah wang ini dalam bentuk kewangan atau bentuk perubatan atau bentuk-bentuk lain?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan sedar bahawa kehadiran orang ramai di Stadium Negara adalah tidak menggalakkan dan adakah ini membayangkan bahawa pihak Kerajaan cuba menggunakan lawatan ini sebagai satu publicity stunt, dengan izin, untuk mencapai matlamat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri? Oleh kerana cnggan mengundang pemimpin-pemimpin Pembangkang untuk melibatkan mereka dalam lawatan ini telah mencapai keputusan sebegini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama itu nampaknya tak bersangkut. Yang kedua, sila.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perjumpaan umum yang telah diadakan di Stadium Negara scprti-mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah merupakan satu publisiti murah dan untuk kepentingan politik Bahsan Nasional kerana ianya telah diadakan selepas pilihanraya umum diadakan. Sebenarnya Dr Mandela ingin datang ke mari semasa pilihanraya diadakan. Jadi, kalau kita hendak menggunakan beliau sebagai kepentingan politik, kita boleh menyetujui tarikh yang awal tetapi kita tidak gunakan, kita tidak perlu Dr Nelson Mandela datang untuk menang pilihanraya. (*Tepuk*)

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN BARU

13. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa adakah Kerajaan akan mengemukakan cadangan Rang Undang-undang Pendidikan untuk meminda Akta Pelajaran kepada orang awam sebelum membentangkan Rang Undang-undang tersebut di mesyuarat Parlimen.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bercadang

untuk memaklumkan kepada orang ramai isi kandungan Rang Undang-undang Pendidikan sebelum dibentangkan ke Dewan yang mulia ini. Elok dijelaskan juga bahawa kini kita memang mengambil kira pandangan dari pertubuhan-pertubuhan politik dan orang ramai dalam usaha menggubal Rang Undang-undang dan kini sedang dibincang dalatn Majlis Perundingan Akta Pendidikan.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini kenapa sampai hari ini Ahli-ahli Parlimen tidak dapat satu naskhah pun draf Rang Undang-undang itu. Sama ada Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat tidak penting seperti ahli-ahli Majlis Perundingan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Itu terpulanglah, kalau Ahli Yang Berhormat fikir tak penting, tak pentinglah, tetapi saya jelaskan bahawa kita dalam proses penggubalan. Ahli Yang Berhormat yang memilih untuk tidak menganggotai Majlis Perundingan. Jadi, kalau kebetulan ada wakil-wakil pertubuhan politik dan pertubuhan masyarakat lain lebih cepat mengetahui, ini kerana kebijaksanaan mereka dan keberanian mereka untuk hadir dalam Majlis. Kalau yang sudah takut berunding, itu salah mereka, bukan salah saya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali : Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan apakah Majli? Perunding Akta PentUdikan yang c entuk ini menghadapi m?-jalah yang .ia seperti Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Ad'kah timbul pendapat-pendapat percanggahan-percanggahan yang memungkinan di mana tidak wujudnya consensus di kalangan mereka yang menganggotai Majlis Perunding Akta Pendidikan negara ini? Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan bilakah masanya Akta

Pendidikan yang dicadangkan ini dapat diselesaikan dan masa untuk dibentangkan kepada orang ramai bagi memberi pandangan dan juga dibawa ke Parlimen untuk dibincang dan seterusnya?

Dato'Seri Anwar bin Ibrahim:

Tuan Yang di-Pertua, agak awal untuk saya memberikan jaminan sama ada akan tercapai satu consensus dalam Majlis Perundangan Akta Pendidikan, tetapi oleh kerana kita tidak membuat sebarang sekatan bagi ahli-ahli mengemukakan pandangan dan teguran atau kritikan mereka, maka tentulah ada pandangan-pandangan yang bercanggah di antara satu wakil dengan wakil yang lain. Saya tidak anggap ini satu masalah kerana kita memang menjangka pandangan yang pelbagai yang akan dikemukakan. Ia tidak begitu kusut kerana ada wakil-wakil pertubuhan yang dari awal-awal sudah menyerah kalah, tak hadir, tidak seperti Majlis Perundingan Ekonomi di mana mereka hadir, kemudian surrender setengah jalan. Dalam kes Majlis Perundingan Akta Pendidikan, wakil-wakil parti Pembangkang dari awal-awal sudah menyerah kalah kerana tidak berani mengemukakan pandangan dan berbincang secara tenang dalam Majlis.

Untuk soalan yang kedua dari Yang Berhormat tentang jangka waktu itu, saya tidak dapat memberi perakuan atau penjelasan sekarang kerana kita bercadang untuk menyanggub perbincangan bulan ini.

SIMPANAN MINYAK NEGARA

14. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) tempoh masa simpanan minyak negara dalam keluaran boleh bertahan ekoran peningkatan dalam pengeluaran daripada 595,000 tong sehari kepada 650,000 tong sehari. Berdasarkan harga semasa minyak, apakah

jumlah tambahan dalam pendapatan daripada eksport minyak berbanding dengan jumlah hasil jika keluaran asal 595,000 dikekalkan; apakah pula jumlah hasil yang diperolehi daripada eksport ketika harga minyak pada tahap tertinggi sekali. Apakah tahap ini dan pada titik masa bilakah tahap ini tercapai;

- (b) bagaimana Kerajaan boleh mengesyorkan dasar pemeliharaan sumber-sumber (conservation policies) semulajadi dipertahankan;
- (c) Kerajaan mendakwa tambahan dalam pengeluaran ialah bagi menstabilkan harga minyak. Sejauh manakah tambahan dalam pengeluaran oleh Malaysia boleh membawa kesan yang dikehendaki ke atas harga minyak, lebih-lebih lagi bila tambahan ialah bagi memenuhi permintaan di Pakistan, Bangladesh, Korea Selatan, Thailand dan Pilipina; dan
- (d) sebanyak manakah tambahan dalam . hasil menerusi peningkatan eksport minyak membantu meliputi kehilangan hasil daripada:
- (i) perdagangan lain-lain komoditi utama, dan
- (ii) perdagangan luar negeri secara keseluruhannya, berikutan Krisis Teluk.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar); Tuan Yang di-Pertua, Jumlah simpanan minyak negara berdasarkan kepada penemuan-penemuan sehingga kini adalah sebanyak 2.94 ribu juta tong. Pada tahap pengeluaran sebanyak 650 ribu tong sehari, jumlah simpanan tersebut akan tahan selama 12 tahun. Jika pengeluaran pada tahap 595 ribu

tong sehari simpanan tersebut akan tahan selama 13 tahun. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa rizab minyak negara tidak statik, misalnya sejak tahun 1977 rizab minyak negara bertambah dari 1.2 ribu juta tong kepada 2.3 hbu juta tong pada tahun 1982 dan pada tahun 1990 telah meningkat kepada 2.94 ribu juta tong.

Perlu juga dinyatakan bahawa pengeluaran sebanyak 650 ribu tong sehari yang dikeluarkan ini adalah jauh di bawah paras pengeluaran yang ditetapkan mengikut Dasar Susutan Negara yang bertujuan memanjangkan rizab minyak negara daripada terus merosot.

Jumlah tambahan pendapatan negara berikutan daripada peningkatan pengeluaran dan kenaikan harga minyak, ekoran daripada krisis Teluk ialah sebanyak \$2,360 juta bagi tempoh bulan Ogos hingga Oktober 1990.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat mengenai jumlah hasil yang diperolehi ketika harga minyak berada di tahap yang tertinggi sekali, perlulah dijelaskan bahawa penjualan minyak mentah oleh Malaysia adalah dibuat secara "term" ataupun "spot", dengan izin. Di bawah jualan "term", pembeli bersetuju dengan PETRONAS untuk membeli sejumlah minyak mentah yang ditentukan bagi tempoh satu tahun dengan harga yang ditetapkan oleh PETRONAS setiap bulan berdasarkan kepada keadaan pasaran dalam bulan berkenaan. Di dalam penjualan "spot" pula, penjualan adalah dibuat untuk satu-satu kargo melalui tender atau secara perundingan. Pada kebiasaannya saiz satu kargo yang ditawarkan ialah di antara 450 ribu hingga 500 ribu tong. Setakat ini PETRONAS telah berjaya menjual satu kargo dengan harga US\$41.70 setong pada 10 Oktober 1990 dan inilah harga yang tertinggi yang diperolehi semenjak tercetusnya krisis Teluk.

Untuk menjawab soalan (b) Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua:Ya, berapa panjang?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar; Boleh saya sambung, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua:Ya, sila.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kerajaan sememangnya telah mengamalkan Dasar Susutan Negara untuk memelihara sumber-sumber petroleum. Di bawah dasar ini pengeluaran petroleum daripada lapangan-lapangan utama yang besar (yang mempunyai rizab oil initially in place melebihi 400 juta tong) dihadkan sehingga tiga (3) peratus sahaja daripada rizab lapangan tersebut bagi satu-satu tahun. Dengan ini tahap pengeluaran tersebut dapatlah dikawal pada paras yang boleh menjamin tempoh pengeluaran yang lebih panjang.

Untuk menjawab soalan (c), Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah mendakwa bahawa dengan meningkatkan pengeluaran minyak mentah kita dapat menolong mempengaruhi harga minyak dunia. Ini adalah memandangkan pengeluaran minyak kita adalah sedikit berbanding dengan pengeluaran dari negara-negara pengeluar yang besar dunia. Walau bagaimanapun tambahan yang dibuat dalam beberapa bulan kebelakangan ini adalah semata-mata untuk menampung permintaan daripada negara-negara yang memerlukan bekalan secara terdesak berikutan daripada terputusnya bekalan kepada negara-negara tersebut Negara-negara yang dibantu adalah juga rakan akrab perdagangan yang telah membeli barang-barang utama negara seperti kelapa sawit, getah dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (d), data-data perangkaan yang menunjukkan

kchilangan hasil daripada perdagangan komoditi utama yang lain serta perdagangan luar negeri secara keseluruhannya semenjak tercetusnya krisis Teluk masih belum didapati. Dalam hal ini tidaklah dapat dipastikan jumlah sebenar kehilangan hasil tersebut dari segi nilai dan seterusnya setakat mana peningkatan eksport minyak dapat mcbantu meliputi kehilangan hasil daripada perdagangan-perdagangan luar negeri tersebut. Walau bagaimanapun Kementerian-kementerian yang berkenaan sedang mengawasi dengan teliti akan kehilangan hasil tersebut.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong):
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Apakah ceiling ataupun tahap yang maksimum yang ditetapkan oleh Kerajaan mengenai pengeluaran minyak mentah ini? Adakah 650 hbu tong sehari itu sebagai ceiling untuk negara ini dan bukannya apa yang dibuatkan oleh pihak Kerajaan untuk menambahkan atas alasan bahawa ada beberapa negara yang meminta satu dasar yang membolehkan minyak negara ini dan sekiranya ada negara-negara lain yang meminta lebih banyak minyak mentah, adakah Kerajaan akan menambahkan lagi pengeluaran minyak ini?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, tahap yang kita keluarkan sebanyak 650 ribu adalah tahap yang maksima yang akan kita keluarkan mengikut Dasar Susutan yang ada pada masa kini dan iapun adalah dibuat mengikut tahap 3% daripada rizab lapangan tersebut bagi satu-satu masa di dalam lingkungan itu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa bagi soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2,3, 7 dan 15 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).

PETRONAS—HASIL DIPEROLEHI

2. Datuk Monggoh Orow minta Perdana Menteri menyatakan semenjak Petroleum Nasional (PETRONAS), ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan, betapa banyakkah jumlah hasil yang telah dikulip oleh PETRONAS sehingga 30 Jun 1990.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jumlah hasil yang telah diperolehi oleh PETRONAS semenjak ia ditubuhkan pada 17hb Ogos 1974 hingga 30 Jun 1990 adalah sebanyak 97.5 ribu juta ringgit.

DASAR BURUH NEGARA

3. Dr V. David minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan ingin menyusun semula dan memperkenalkan Dasar Buruh Baru bagi meningkatkan taraf daya pengeluaran; dan
- (b) bolehkah beliau menjelaskan bilakah masanya Dasar Buruh Baru ini akan dilaksanakan.

Menteri Sumber Manusia (Dato Lim Ah Lek):

- (a) Kementerian Sumber Manusia telah menyiapkan kertas kerja mengenai Dasar Buruh Negara dan telah membentangkannya kepada Jemaah Menteri pada pertengahan tahun ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia telah diarahkan oleh Jemaah Menteri supaya kertas kerja itu disusun semula supaya lebih tumpuan diberi kepada peningkatan produktiviti.

- (b) Dasar Buruh Negara yang disusun semula akan dilaksanakan sebaik saja ia siap disediakan.

ELAUN KHAS TENTERA DI SABAH/SARAWAK

7. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada anggota-anggota tentera yang bertugas di Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) dibayar Elaun Malaysia Timur (EMT). Kalau ada, berapa dan adakah itu didapati mencukupi, kalau tiada, mengapa.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Kerajaan sememangnya membayar elaun kepada anggota tentera yang berkhidmat di Malaysia Timur. Elaun tersebut adalah dikenali sebagai "Elaun Khas".

Kadar Elaun Khas yang dibayar adalah seperti berikut:

Jawatan	Kadar Sehari
Kapten ke atas	\$10.00
Leftenan Minda hingga Leftenan	8.00
Pegawai Waran I hingga Pegawai Waran H	7.00
Sarjan hingga Staf Sarjan	6.00
Kopral	5.00
Luis Kopral dan Prwate	4.00

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji semula semua jenis elaun dan kemudahan yang sedang dinikmati oleh anggota-anggota tentera yang sedang bertugas di Sabah dan Sarawak termasuk juga Elaun Malaysia Timur. Jika kajian Jawatankuasa menunjukkan bahawa kadar-kadar yang berkuatkuasa sekarang tidak memenuhi kehendak semasa, Kementerian saya akan membuat syor-syor kepada Kerajaan supaya mewujudkan kadar-kadar baru yang lebih berpatutan.

PEMERHATI PILIHANRAYA KOMANWEL—LAPORAN

15. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan bila laporan oleh Kumpulan Pemerhati Komanwel terhadap pilihanraya umum di Malaysia baru-baru ini akan diumumkan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menerbitkan laporan kata demi kata. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

6-12-90.

5. Tuan Mohamad bin Sabu minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) sudahkah beliau menerima laporan penuh dari pemerhati pilihanraya komanwel. Jika sudah, apakah kandungan laporan itu; dan

(b) adakah Perdana Menteri puashati dengannya. Jika tidak sila huraikan mengapa.

2-1-91.

8. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan bilakah laporan Pemerhati Pilihanraya Komanwel yang menjalankan tugasnya sepanjang pilihanraya yang berakhir pada 21 Oktober 1990 lalu akan diumumkan dan disebarkan kepada orang ramai. Sama ada butir-butir penuh dalam laporan itu akan dicetak untuk dijual kepada orang ramai atau butir-butir itu akan dltapis terlebih dahulu, disunting dan disesuaikan dengan citarasa Kerajaan sebelum ianya dicetak.

10-1-91.

21. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengumumkan laporan Pilihanraya Umum 1990 yang disediakan oleh Pasukan Pemerhati Komanwel baru-baru ini.

23-2-91.

15. Tuan Wong Sing Nang minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Laporan Pilihanraya Ke-8 oleh Kumpulan Pemerhati dari negara-negara Komanwel tidak diumumkan oleh Perdana Menteri.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Saya mohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Jelutong ini bersekali dengan soalan-soalan Yang Berhormat dari Nilam Puri, Yang Berhormat dari Seputih, Yang Berhormat dari Ipoh dan Yang Berhormat dari Lanang kerana soalan-soalan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Kerajaan telahpun menerima laporan rasmi daripada Kumpulan Pemerhati Pilihanraya Komanwel berhubung dengan perjalanan pilihanraya yang baru lepas. Sukacita dimaklumkan bahawa Laporan tersebut telah memuji Kerajaan Malaysia dan juga Suruhanjaya Pilihanraya yang telah berjaya menguruskan Pilihanraya Umum dengan cekap, bebas dan adil berlandaskan kepada undang-undang di Malaysia. Kumpulan Pemerhati juga telah memuji rakyat Malaysia yang mempunyai kesedaran yang tinggi kepada pilihanraya umum dan sistem politik. Di antara ulasan-ulasan Kumpulan Pemerhati ialah:

- (i) mereka telah mendapat kerjasama yang baik ketika melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pemerhati pilihanraya;
- (ii) proses penamaan calon telah berjalan dengan lancar dan teratur;
- (iii) proses pengundian berjalan dengan lancar, teratur dan cekap. Pemilihan tempat-tempat mengundi adalah baik,

peralalannya cukup dan penerangan yang jelas telah diberi kepada pegawai dan kakitangan yang bertugas serta wakil-wakil calon; dan

- (iv) proses pengiraan undi telah dijalankan dengan teratur dan kemas dengan mematuhi kepada peraturan dan prosedur, serta diaawasi oleh pegawai-pegawai yang bertugas, serta calon atau wakil calon.

Walaupun begitu, terdapat beberapa aspek yang telah dibangkitkan di dalam laporan tersebut yang tidak tepat dan mungkin boleh memberi gambaran yang salah dan berat sebelah terhadap Pilihanraya Umum. Di antaranya ialah peluang Liputan media massa yang terhad untuk parti-parti pembangkang, tempoh kempen terlalu singkat dan tidak memihak kepada parti pembangkang, kesulitan bagi parti pembangkang untuk mengadakan kempen pilihanraya kerana sukar memperolehi permit dan percanggahan senarai daftar pemilih.

Aspek-aspek yang tidak tepat yang telah dibangkitkan oleh Pasukan Pemerhati Pilihanraya itu adalah disebabkan mereka membuat laporan berasaskan kepada akhbar berbahasa Inggeris sahaja. Sebaliknya mereka telah gagal membuat penganalisaan terhadap akhbar-akhbar bukan bahasa Inggeris seperti akhbar-akhbar berbahasa Malaysia, Cina, Tamil serta juga akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh parti pembangkang. Dalam pada itu juga Kumpulan Pemerhati mungkin tidak menyedari tindak tanduk parti-parti pembangkang yang antaranya memulaukan beberapa akhbar iaitu The New Straits Times, Berita Harian dan Utusan Melayu dan bertindak membakar akhbar-akhbar tersebut. Di samping itu kumpulan Pemerhati juga tidak menyedari bahawa ada parti pembangkang yang enggan menerima liputan televisyen misalnya TV3.

Kerajaan akan mengedarkan laporan Kumpulan Pemerhati Pilihanraya berserta dengan ulasan Kerajaan mengenai perkara-perkara yang disentuh, kepada umum sedikit masa lagi.

PERTUBUHAN BELIA— BILANGAN AHLI

16. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilangan ahli pertubuhan belia yang berdaftar yang menagih dadah dan apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengawal keadaan ini; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai rancangan bersepadu dan Kementerian Dalam Negeri/PEMADAM bagi mengatasi masalah ini.

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa):

- (a) Mengikut rekod Kementerian, tiada golongan pertubuhan belia yang berdaftar terlibat dengan penagihan dadah. Walau bagaimanapun, bagi memastikan ahli-ahli pertubuhan belia terselamat daripada ancaman ini, Kementerian Belia dan Sukan akan berusaha meningkatkan program-program yang berfaedah kepada masyarakat belia seperti Kursus Pembinaan Perwatakan Belia, Kem Musim Cuti, Kursus Kepimpinan, Latihan Kemahiran Yokasional dan Program Pembangunan Ekonomi.
- (b) Kementerian Belia dan Sukan memang bekerjasama rapat dengan Kementerian Dalam Negeri/PEMADAM bagi melaksanakan program-program bagi mengatasi masalah penagihan

dadah di kalangan masyarakat belia. Di antara program-program yang dilaksanakan ialah Kem Musim Cuti, Program Kaunseling, Ceramah Tata-negaraan dan Kursus Kesedaran.

CARIGALI MINYAK DI SEMPADAN MALAYSIA- THAILAND

17. Tuan Moharaad bin Sabu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh mana perkembangan dan kemajuan usaha carigali minyak yang dilaporkan sedang dijalankan di sempadan Malaysia-Thailand dan setakat mana prestasinya;
- (b) oleh kerana kegiatan itu melibatkan sempadan, apakah ada rundingan dengan pihak Thailand dan sila terangkan jika syarat dan persetujuan yang telah dicapai.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah kawasan Pembangunan Bersama yang terletak di Teluk Siam yang diwujudkan berikutan daripada tuntutan bertindih yang dibuat oleh Malaysia dan Thailand. Buat masa ini belum ada aktiviti mencarigali minyak di dalam kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan tersebut akan ditadbir melalui satu badan iaitu Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 yang telah diwartakan baru-bani ini. Buat masa ini usaha-usaha sedang dibuat untuk menguatkuasakan Akta tersebut yang juga akan dikuatkuasakan di Thailand melalui Akta yang sama ("Yersion" Thailand). Rundingan-rundingan juga sedang dijalankan untuk menentukan organisasi dan perkara-perkara yang berkaitan

untuk membolehkan Pihak Berkuasa Bersama ini beroperasi sebaik sahaja ianya ditubuhkan secara rasmi.

Perlu dinyatakan bahawa bidangkuasa Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand yang diwujudkan itu hanyalah bertujuan mengeksploitasi sumber-sumber tidak hidup terutamanya petroleum di dalam kawasan tersebut. Perkara-perkara mengenai penentuan sempadan yang muktamad adalah di luar bidangkuasa Pihak Berkuasa Bersama.

AKTA KOLEJ DAN UNIYERSITI— PENGLIBATAN SISWA-SISWI

18. DrSanusibinDaengMariokminta
Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) Akta Kolej dan Universiti tidak membenarkan siswa-siswi terlibat dalam mana-mana parti politik. Apakah tindakan Kementerian Pendidikan terhadap pentadbir dan ahli politik BN yang terang-terang (di UPM) mengajak siswa-siswi (Kelantan) pulang berkempen bagi pihak BN yang secara jelas melanggar Akta tersebut yang dibut oleh Kerajaan;
- (b) sekiranya BN memerlukan penglibatan siswa-siswi adakah Kementerian ada rancangan untuk memansuhkan perkara tertentu dalam Akta Kolej dan Universiti; dan
- (c) adakah pihak Universiti mempunyai kuasa di bawah untuk meminda "Status" dan dikuatkuasakan 'kebelakangan* seperti berlaku dalam kes perlantikan Dekan dan Timbalan Dekan di UKM.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Tarikh pilihanraya yang lalu adalah secara kebetulan bertepatan dengan hah terakhir minggu cuti

belajar sebelum peperiksaan akhir semester. Oleh yang demikian, terdapat pelajar-pelajar yang pulang ke kampung masing-masing sepanjang cuti tersebut. Kementerian Pendidikan menyedari sebenarnya terdapat beberapa orang mahasiswa/mahasiswi yang menyokong parti Kerajaan dalam pilihanraya yang baru lalu. Anchnya, Yang Berhormat hanya tujukan kepada mahasiswa/mahasiswi yang menyokong Barisan Nasional sahaja. Walau bagaimanapun, adalah perlu diingatkan mahasiswa/mahasiswi yang terlibat dengan kempen pilihanraya ini akan diambil tindakan kerana ia bertentangan dengan peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti.

- (b) Barisan Nasional menyambut baik sikap mahasiswa/mahasiswi yang matang dan menyokong Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, Barisan Nasional tidak ada rancangan untuk melibatkan mahasiswa-mahasiswi bergiat dalam politik, kerana didapati jentera Barisan Nasional adalah mencukupi. Kementehhan Pendidikan tetap akan mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Langkah tertentu sedang dilakukan bagi membolehkan mahasiswa/mahasiswi melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan sosio-ekonomi dan kemasyarakatan melalui peruntukan dalam Akta Pendidikan baru yang sedang digubal.
- (c) Perkataan "status" dalam soalan ini adalah dianggap bermaksud "statut" iaitu Statut VII berhubung dengan perlantikan Dekan dan Timbalan Dekan Naib Canselor Universiti. Sebenarnya

"Status" Universiti Kebangsaan Malaysia ini didapati tidak selaras dengan Perlembagaan UKM yang dipinda pada tahun 1975. Oleh yang demikian, UKM mendapati perlu meminda "Statut" tersebut supaya selari dengan perlembagaan. Jadi, pindaan kepada "Statut" berkenaan perlulah dikebelakangkan perlaksanaannya pada tahun 1975.

PENCEROBOHAN RUANG UDARA MALAYSIA

19. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan pencerobohan udara yang sering berlaku melalui ruang udara selatan Semenanjung Malaysia.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tindakan untuk mencegah pencerobohan dilaksanakan secara "procedural" dan "enforcement". Dari segi "procedural", semua pesawat asing yang menggunakan ruang udara Malaysia yang tidak berjadual mesti memohon kelulusan diplomatik dari Wisma Putra dan juga mesti mendapat kelulusan "flight plan" dari Jabatan Penerbangan Awam (DCA). Di samping itu, pesawat-pesawat tentera asing perlu juga mendapat kelulusan dari Bilik Gerakan Pertahanan. Dari segi "enforcement" pula, pihak Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan TUDM sentiasa membuat pengawasan supaya pesawat-pesawat berkenaan melaksanakan penerbangan sejajar dengan kelulusan yang telah diberi. Sekiranya didapati bahawa penerbangan tersebut melanggar peruntukan/kelulusan, maka hal ini akan dibawa kepada perhatian Wisma Putra supaya tindakan lanjut seperti bantahan diplomatik segera diambil.

Hingga kini TUDM tidak pernah mengesan atau mengenalpasti adanya pencerobohan udara di kawasan berkenaan. Walaupun demikian, kita tidak boleh menafikan bahawa pencerobohan mungkin pernah berlaku di luar kemampuan radar yang ada sekarang, tetapi kita tidak ada bukti untuk memastikan hal ini. Tanpa bukti yang jelas, maka adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa pencerobohan sering berlaku.

JEMAAH HAJI—PENGURUSAN PERSENDIRIAN

20. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) benarkan Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) tidak lagi membenarkan pihak persendirian mengendalikan pengurusan membawa jemaah haji melalui sistem Kumpulan Perumahan Khas (KPK);
- (b) jika benar, mengapa. Jika tidak, apakah untung ruginya jemaah menggunakan khidmat KPK;
- (c) sehingga tahun 1980 berapakah bilangan KPK yang didaftarkan di bawah LUTH; dan
- (d) sila nyatakan bilangan jemaah haji melalui KPK mengikut tahun sejak sistem itu diperkenalkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Adalah benar Tabung Haji tidak membenarkan mana-mana pihak mengendalikan jemaah haji secara Kumpulan Perumahan Khas (KPK) kerana sebahagian besar dari Ketua-ketua Kumpulan ini menyimpang dari tujuan asal untuk memberi perkhidmatan kepada jemaah haji dan sebaliknya mereka lebih mementingkan tujuan membuat keuntungan semata-mata

tanpa memperdulikan perkhidmatan dan layanan yang baik kepada jemaah haji.

Penilaian yang telah dibuat oleh Tabung Haji terhadap mutu perkhidmatan 26 Kumpulan Perumahan Khas dalam musim haji lalu mendapati bahawa dua kumpulan memberikan perkhidmatan yang memuaskan, 12 kumpulan memberikan perkhidmatan yang sederhana dan 12 kumpulan memberikan perkhidmatan yang tidak memuaskan.

Prestasi	Bilangan Ketua Kumpulan	Peratus
Memuaskan	27.6%	
Sederhana	1246.2%	
Tidak memuaskan	1246.2%	
Jumlah:	26	100.0%

Selain dari itu, mereka telah juga menimbulkan masalah seperti berikut:

- (1) Tidak memberi perkhidmatan yang dijanjikan kepada jemaah haji.
- (2) Ramai jemaah haji yang telah mengadu berkenaan perkhidmatan ketua kumpulan yang tidak memuaskan.
- (3) Ketua-ketua kumpulan kasar dalam melayan jemaah haji.
- (4) Mereka gagal menyediakan tempat penginapan bagi jemaah haji mereka.
- (5) Mereka menimbulkan masalah dengan Muassasah Asia Tenggara berkaitan urusan pembayaran perbezaan sewa rumah di Makkah.
- (6) Ada di antara mereka yang memberi cek yang tidak laku kepada tuan rumah di Makkah dan seorang dari mereka telah ditahan di Balai Polis Makkah atas sebab itu.

- (7) Mereka membawa tambahan jemaah haji tanpa kelulusan Tabung Haji dan tanpa kelulusan tempat tinggal dari Muassasah Asia Tenggara.
- (8) Mereka tidak membcni kerjasama kepada Tabung Haji dan Petugas Tabung Haji.
- (9) Mereka mencmburuk-burukkan Tabung Haji.

Implikasi daripada perkar-perkara itu adalah:

- (1) Jemaah haji yang mengikuti Kumpulan Perumahan Khas menjadi mangsa kepada penganjur-penganjur yang kurang bertanggungjawab.
- (2) Perhubungan baik di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi sedikit sebanyak telah terjejas.
- (3) Keyakinan tuan-tuan rumah serta Muassasah terhadap Tabung Haji turut terjejas.

Pada tahun 1990, Tabung Haji telah meluluskan 26 Ketua Kumpulan Perumahan Khas.

Bilangan jetnaah haji yang dikendalikan melalui KPK sejak sistem ini diperkenalkan iaitu dalam tahun 1987 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Jemaah Haji KPK
1987	1,003 orang
1988	1,680 orang
1989	2,615 orang
1990	3,135 orang

Maka memandangkan kelemahan-kelemahan itu, mulai tahun ini, Tabung Haji telah memutuskan pengendalian jemaah haji secara Kumpulan Perumahan Khas dihentikan.

SAMPAH SARAP DIIBU KOTA KUALA LUMPUR

21. Tuan We Choo Keong minta Perdana Menteri menyatakan kenapa sampah sarap di Ibu kota Kuala Lumpur tidak diangkut dengan baik, longkang tersumbat dan banjir sehingga Ahli Parlimen terpaksa merayu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menjalankan tugasnya. Apakah Perdana Menteri ingin menyiasat kelemahan DBKL bagi membcrikan perkhidmatan yang lebih sempurna dan cekap kepada rakyat di Wilayah Persekutuan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Suleiman bin Mohamed): Kerja-kerja mengangkat sampah dan pembersihan longkang adalah merupakan kerja-kerja perkhidmatan yang dilaksanakan sepanjang masa dan berterusan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kejayaan 100% tugas ini tidak sahaja bergantung kepada kecekapan pihak berkuasa semata-mata, malahan memerlukan kerjasama dan sikap bertanggungjawab semua wargakota secara keseluruhan.

Pelbagai usaha dan langkah telahpun dilaksanakan oleh DBKL bagi meningkatkan lagi mutu kcbersihan ibu kota Kuala Lumpur dan hasil usaha inilah ibu kota Kuala Lumpur telah diiktiraf sebagai salah sebuah Bandaraya terbersih di dunia. Adalah menjadi harapan kita agar satu masa nanti Kuala Lumpur bukan sahaja terkenal dengan kebersihannya malahan akan menjadi tumpuan pelancong-pelancong luar negeri sejajar dengan slatusnya sebagai Bandaraya Taman Bercahaya. Tegasnya bagi mencapai matlamat ini, kita memerlukan peranan, sumbangan dan tanggungjawab bersama bagi semua pihak terutamanya wargakota sendiri.

Untuk tujuan pembersihan ini, DBKL telah membelanjakan sebanyak 50 juta setahun dan merupakan 33% dahpada perbelanjaan operasi DBKL.

Masalah utama yang sering dihadapi oleh DBKL ialah banjir kilat yang sering berlaku di beberapa tempat di Kuala Lumpur disebabkan perkara-perkara berikut:

- (a) kawasan persekitaran yang rendah;
- (b) hujan lebat pada ketumpatan yang tinggi mengakibatkan berlakunya limpahan air daripada parit-parit dan juga terjadi aliran balik (back-flow) daripada sungai-sungai;
- (c) parit-parit dan pembedung air tersumbat dari hasil pembuangan sampah ke dalam parit yang berlaku dengan leluasa terutama oleh setinggian yang tinggal di tebing sungai dan parit-parit besar. Pembuangan sampah terus ke dalam parit-parit oleh penjaja juga mengakibatkan parit dan paip pembedung tersumbat; dan
- (d) aras perut sungai yang tinggi hasil dari mendakan pasir-pasir di perut sungai berpunca dari kawasan pembangunan dan perlombongan.

Rancangan penghapusan masalah banjir di Wilayah Persekutuan adalah merupakan satu program yang sedang dilaksanakan. Program ini bukan sahaja melibatkan perbelanjaan yang besar tetapi ianya merangkumi peruniukan tahunan bagi kerja-kerja penyelenggaraan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari masa ke semasa lelah membina parit-parit besar dan konkrit bertulang berbentuk "L" untuk menggantikan

parit-parit tanah yang sedia ada. Di samping itu juga DBKL telah menjalankan kerja-kerja untuk mewujudkan satu sistem rangkaian parit induk sempurna untuk meringankan kejadian banjir di Bandaraya.

Hasil dari usaha ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan sebanyak empat puluh (40) projek perparitan yang bernilai \$65.0 juta ringgit di antara tahun 1981-1989.

Dalam Rancangan Lima (5) Tahun DBKL dari 1990-1994 dianggarkan akan membclanjakan sebanyak \$23.0 juta untuk projek perparitan.

SKIM CEPAT KAYA

22. Tuan Chia Heng Kai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan terhadap pihak penganjur dan agen-agen Skim Cepat Kaya yang mengakibatkan beribu-ribu pelabur kena tipu;
- (b) jumlah wang pelaburan yang terlibat mengikut pecahan negeri; dan
- (c) apakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberi bantuan kepada para pelabur yang kena tipu; jika ya, nyatakan jenis bantuan yang akan diberikan; jika tidak, mengapa.

7-72-90

8. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa tindakan tidak diambil oleh Bank Negara terhadap Skim Cepat Kaya supaya pelabur-pelabur tidak menghadapi kemgian yang terus atas penyelewengan dan penipuan skim tersebut.

13-12-90

27. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil tentang kewujudan Skim Cepat Kaya yang berleluasa terutamanya di negeri-negeri Utara Semenanjung; dan
- (b) tidakkah Kerajaan bercadang untuk melesenkan kegiatan pengusaha skim-skim tersebut.

24-1-91

15. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Kewangan menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) berapa banyakkah jumlah Skim Cepat Kaya yang sudah dikenal pasti kegiatannya di seluruh negara;
- (b) bagaimanakah cara mengatasinya dan tindakan Bank Negara bagi mengawal keadaan itu; dan
- (c) apakah kesannya terhadap pelaburan bumiputera seperti ASN-ASB dan lain-lainnya.

29-1-91

1. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya bercadang untuk membawa pengusaha "Skim Cepat Kaya" ke muka pengadilan kerana menjalankan kegiatan pengambilan deposit tanpa lesen;
- (b) adakah Kementeriannya bercadang untuk mengumumkan hasil siasatan ke atas sindiket "Skim Cepat Kaya"; dan
- (c) jika tidak, mengapa.

6-2-91

17. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kerajaan terhadap "Skim Cepat Kaya" yang masih berleluasa pada masa ini. Berapa ramaikah mereka-mereka yang terlibat telah diambil tindakan undang-undang, dan sejauh manakah Kerajaan dapat mengawal skim ini daripada berkembang; dan
- (b) sekiranya telah dilaksanakan sila sebutkan peratusan ekuiti tersebut dan apakah nama bank-bank tersebut.

11-2-91

10. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan pengusaha pelaburan "Skim Cepat Kaya" yang sudah diketahui oleh Kerajaan di seluruh negara dan serbuan oleh Bank Negara ke atas pengusaha-pengusaha tersebut. Apakah usaha Kerajaan untuk mengelakkan orang ramai daripada penipuan oleh pengusaha-pengusaha tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):

Oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh enam Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh yang dijadualkan dijawab pada 7 Disember 1990, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang dijadualkan dijawab pada 13 Disember 1990, Yang Berhonnat daripada Sepang yang dijadualkan dijawab pada 24 Januari 1991, Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar yang dijadualkan dijawab pada 29 Januari 1991, Ahli Yang Berhormat daripada Sabak Bernam yang dijadualkan dijawab pada 6 Pebruari 1991, Ahli Yang Berhormat dari Lubuk Antu yang dijadualkan dijawab pada 11 Februari

1991, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak pada hari ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kegiatan "Skim Cepat Kaya" yang wujud di negara kita ini sekarang sedang diawasi dengan rapi oleh Bank Negara Malaysia di mana pada masa ini pihak Bank Negara sedang dalam proses mengumpul maklumat-maklumat dan bukti-bukti yang terperinci mengenai kegiatan tersebut bagi memastikan mereka yang terlibat dalam pengambilan deposit tanpa lesen yang sah dikenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya di bawah Seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebanyak tiga buah syarikat telah disiasat oleh Bank Negara atas kesalahan penerimaan deposit tanpa lesen yang sah. Sebuah daripada syarikat itu ialah Pertama Enterprise walaupun dihadapkan ke mahkamah di mana pemiliknya telah didapati bersalah dan dikenakan denda sebanyak \$250,000 pada bulan Mac tahun ini.

Nama dan bilangan sebenar syarikat-syarikat yang sedang disiasat dan diawasi oleh Bank Negara Malaysia sekarang serta jumlah yang terlibat tidak harus didedahkan sekarang kerana ia masih lagi dalam peringkat siasatan. Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk mengumumkan hasil siasatan itu kerana apa-apa maklumat mengenainya akan didedahkan di muka pengadilan nanti.

Siasatan ke atas kegiatan itu mengambil masa yang agak panjang kerana syarikat-syarikat berkenaan tidak mempunyai rekod yang lengkap. Tambahan pula mereka bersclindung di sebalik pemiagaan yang lain.

Mereka yang melabur di dalam skim-skim itu perlu menanggung risiko mereka sendiri kerana pihak penganjur

skim itu beroperasi tanpa lesen yang sah. Kerajaan tidak akan membantu para pendeposit yang tertipu atau kehilangan wang deposit mereka kerana kegiatan itu adalah bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang ada.

Orang ramai yang membuat pelaburan dalam "Skim Cepat Kaya" itu memang sedar tentang risiko tinggi yang mereka hadapi. Mereka juga sedar bahawa kegiatan itu menyalahi undang-undang tetapi mereka memberanikan juga diri mereka untuk membuat pelaburan kerana sifat tamak mereka yang inginkan cepat kaya.

Sebagai langkah membasmi kegiatan itu, Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang terlibat apabila bukti-bukti yang lengkap mengenai kegiatan mereka diperolehi nanti. Di samping itu, orang ramai juga perlulah menyedari mengenai kegiatan salah yang dijalankan oleh penganjur skim-skim berkenaan. Tanpa penyertaan orang ramai kegiatan seumpama itu tidak akan berkembang.

Kementerian Kewangan juga ingin tncnjelaskan bahawa penganjur-penganjur skim berkenaan tidak akan dilescnkan kerana bilangan insiitusi-institusi kewangan yang menjalankan kegiatan penerimaan deposit melalui lesen yang sah telah pun mencukupi dan terdapat di merata tempat di seluruh negara.

Kita menenma maklumat ada juga penyimpan-penyimpan Amanah Saham Nasional yang telah trcriarik dengan Skim Cepat Kaya dan telah menjual pclaburan mereka, tetapi ini tidak mcnjejaskan pelaburan dalam ASN dan ASB. Kemcnterian Kcwangan juga menerima maklumat ada penyimpan yang mengeluarkan simpanan mereka dari institusi kewangan. Tetapi ini tidak menj>ancani pelaburan dalam institusi Kcwangan, lcbih-lebih lagi kerana

Skim Cepat Kaya sekarang sudah menampakkan kelemahan mereka. Di kebelakangan ini akhbar-akhbar melaporkan bahawa ada penganjur-penganjur yang telah menurunkan bayaran dividen. Ada juga di antara mereka yang menangguhkan pcm-bayaran dan menghilangkan diri.

Bcrdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi oleh Bank Negara setakat ini, jumlah pelaburan orang ramai dalam Skim Cepat Kaya itu adalah dianggarkan sebanyak \$30 juta.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

Bacaan Kali Yang Pertama

RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan dengannya atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perpaduan Negara dan P mbangunan Masyarakat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERKHIDMATAN BOMBA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1989
DAN 1990) (NO.2)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULAN WANG DISATUKAN
(PERBELANJAAN MASUK
AKAUN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada tiga puluh satu hari bulan Disember 1991; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG DUTI
HIBURAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernanta Suatu Akla untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCEN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCEN PIHAK-PIHAK
BERKUASA BERKANUN DAN
TEMPATAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang beraama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
SARAAN HAKIM (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL-USUL

**JALAN-JALAN MASUK KE
PARLIMEN**

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan usul yang berikut atas

nama Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan

ini, dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

MEMILIH TIMBALAN-TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang Ahli sahaja yang telah dicadangkan dan disokong untuk memenuhi satu jawatan daripada dua jawatan Timbalan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(2) dibaca bersama dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (*Tepuk*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Bahawa Yang Berhormat Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang Ahli sahaja yang telah

dicadangkan dan disokong untuk memenuhi satu lagi jawatan Timbalan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(2) dibaca bersama dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), maka saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (*Tepuk*).

**JAWATANKUASA PEMILIH—
LANTIKAN AHLI-AHLI**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Yang Kelapan yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang ahli Jawatankuasa seperti berikut:

- (1) Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi);
- (2) Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba;
- (3) Yang Berhormat Dato' Seri Dr Ling Liong Sik;
- (4) Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Yellu.
- (5) Yang Berhormat Datuk Leo Moggie anak Irok;
- (6) Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai; dan
- (7) Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Yang Kelapan yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang ahli Jawatankuasa seperti berikut:

- (1) Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi);
- (2) Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba;
- (3) Yang Berhormat Dato' Seri Dr Ling Liong Sik;
- (4) Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Yellu.
- (5) Yang Berhormat Datuk Leo Moggie anak Irok;
- (6) Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai; dan
- (7) Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA—LANTIKAN
PENERUSI DAN NAIB
PENERUSI**

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Dato' Dr Affudin bin Haji Omar (Ahli bagi

Kawasan Padang Terap) dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Ahli bagi Kawasan Larut) masing-masing dipilih menjadi Pengerusi dan Naib Pengerusi, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Kelapan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang telah dikemukakan tadi dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Yang Berhormat Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Ahli bagi Kawasan Padang Terap) dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Ahli bagi Kawasan Larut) masing-masing dipilih menjadi Pengerusi dan Naib Pengerusi, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Kelapan.

**JAWATANKUASA PERTUBUHAN
ANTARA PARLIMEN-PARLIMEN
ASEAN (AIPO) MALAYSIA—
LANTIKAN PRESIDEN DAN
AHLI-AHLI**

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan sebuah Jawatankuasa mengandungi seorang Presiden dan 9

orang Ahli Parlimen hendaklah dilantik untuk menjalankan semua urusan Pertubuhan Antara Parlimen-Parlimen ASEAN (AIPO) Malaysia bagi tempoh Parlimen Kelapan, dan untuk menjalankan segala perlantikan-perlantikan wakil-wakil bagi menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasanya. Presiden dan Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Presiden).
- (2) Yang Berhormat Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman;
- (3) Yang Berhormat Tuan Railey bin Haji Jaffrey;
- (4) Yang Berhormat Dr Leo Michael Toyad;
- (5) Yang Berhormat Dato' Ismail bin Said;
- (6) Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi;
- (7) Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam;
- (8) Yang Berhormat Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis;
- (9) Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ali; dan
- (10) Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi

diputuskan. Masalah ialah bahawa usul yang telah dikemukakan tadi dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan sebuah Jawatankuasa mengandungi seorang Presiden dan 9 orang Ahli Parlimen hendaklah dilantik untuk menjalankan semua urusan Pertubuhan Antara Parlimen-Parlimen ASEAN (AIPO) Malaysia bagi tempoh Parlimen Kelapan, dan untuk menjalankan segala perantaraan-perlantikan wakil-wakil bagi menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasanya. Presiden dan Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Presiden).
- (2) Yang Berhormat Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman;
- (3) Yang Berhormat Tuan Railey bin Haji Jaffrey;
- (4) Yang Berhormat Dr Leo Michael Toyad;
- (5) Yang Berhormat Dato' Ismail bin Said;
- (6) Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi;
- (7) Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam;
- (8) Yang Berhormat Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis;
- (9) Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ali; dan
- (10) Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

**UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG SULTAN AZLAN SHAH**

3.50ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):Tuan Yang di-Pertua, saya Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan mencadangkan;

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah Muhibuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yusuf Izzuddin Ghafarullahu-lahu Shah, berbunyi demikian;

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan".

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Muhibuddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Yussuf Izzuddin GhafaruIIahu-lahu Shah, Raja yang kita kasihi telah berkenan mencemar Duli untuk merasmikan Parlimen Kelapan di Dewan yang mulia ini pada hari Selasa iaitu 4hb Disember, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda sebagai seorang Sultan yang bijaksana dan mempunyai latarbelakang yang baik dengan berpelajaran tinggi, sesungguhnya menyentuh semua aspek hidup rakyat dalam Titahnya. Baginda adalah

seorang Raja yang benar-benar memahami undang-undang dan perlembagaan dan memahami apa yang dikatakan 'the rule of law'. Sebagai seorang Raja yang demokratik dan berperlembagaan, Baginda telah menyentuh pada mula-mulanya lagi mengenai dengan pilihanraya yang telah diadakan pada 21hb Oktober, 1990 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini meyakinkan Ahli-ahli Dewan dan rakyat jelata bahawa Baginda begitu bertanggungjawab kepada pilihanraya yang diadakan bagi memberi peluang kepada rakyat memilih Kerajaan mereka sesuai dengan apa yang dimaksudkan dengan demokrasi, iaitu, dengan izin, "the government of the people, by the people, for the people."

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Raja yang adil, memang sudah dijangka bahawa Baginda berpuashati dengan Suruhanjaya Pilihanraya dalam usahanya melaksanakan pilihanraya bagi menentukan hak rakyat dan semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita mengetahui bahawa rakyat telah memberi mandat sekali lagi kepada Barisan Nasional yang berteraskan UMNO, walaupun Barisan Nasional tidak mendapat undi daripada sesetengah ahli-ahli komponennya untuk memerintah negara ini. Ini bermakna bahawa Barisan Nasional sahajalah yang mana mendapat 2/3 majoriti layak menubuhkan Kerajaan mengikut amalan demokrasi 'ala Westminster' itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya rakyat jelata, khasnya penyokong-penyokong Kerajaan memang rasa resah gelisah bila Parlimen Ketujuh dibubarkan oleh kerana ada unsur-unsur yang jahat yang ingin dan merancang supaya Kerajaan yang ada ditubuhkan dan diganti dengan Kerajaan baru iaitu Angkatan

Perpaduan Ummah, yang sedap bunyinya, yang terdiri daripada DAP, PAS, S.46 dan lain-lain parti politik yang ada di Malaysia ini, kerana semata-mata iri hati dan dengki dengan kejayaan Barisan Nasional, yang mana berjaya memerintah negara ini sejak mula-mula kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menghadiri Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini di Kuala Lumpur, Perdana Menteri lerkata liku-liku dan cabaran yang telah kita hadapi semenjak kemendngan besorpadt*. 'hun I936telah tidak diduga oleh sesiapa paaa ketika itu. Biasanya sesebuah parti politik yang begitu berjaya dalam pilihanraya iaitu pada tahun 1986, tidak akan menghadapi apa-apa masalah dalaman. Hanya kekalahan yang teruk sahaja yang memaksa parti membuat perubahan dan menukar kepimpinan sebelum genap setahun selepas kemenangan besar parti kita dalam pilihanraya, iaitu Barisan Nasional yang berteraskan UMNO. Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dikatakan oleh Perdana Menteri yang kita kasihi.

Ingin saya mengutas di sini apa yang diperkatakan di Persidangan Agung UMNO itu amatlah benar dan sepatutnya tidak ada cabaran atau percubaan merebut kuasa. Percubaan merebut kuasa dan menubuhkan Barisan Nasional adalah timbul dari mereka yang tidak mempunyai falsafah serta perjuangan dan motif tertentu, kerana sebagaimana kita mengetahui UMNO dan Barisan Nasional ditubuhkan adalah bagi menenlukan hak-hak rakyat menegakkan agama Islam tanpa mengharamkan mana-mana agama, kedaulatan Raja-raja Melayu dan mempertahankan negara yang sudah mencapai kemerdekaan. Tetapi cabaran percubaan merebut kuasa dan menubuhkan Barisan Nasional adalah dipengaruhi oleh sebuah parti serpihan UMNO yang mana cita-cita

parti itu berlainan sama sekali dengan falsafah perjuangan UMNO yang mana parti itu hanya mementingkan seorang yang tertentu untuk menjadi Perdana Menteri dan membelakangkan keperluan-keperluan lain yang mana ianya ditubuhkan. Oleh kerana falsafah parti itu berlainan pada dasarnya, maka rakyat telah menolak mentah-mentah dan kebanyakan ketua-ketua, orang-orang besar parti itu kalah dan tidak kelihatan lagi muka-muka mereka di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang nyata kepada rakyat hari ini, setelah mereka menghukum parti tersebut sebelum dan selepas pilihanraya ialah parti itu hanya boleh memcahbcblahkan perpaduan ummah, khasnya orang-orang Melayu kerana parti itu tidak mempunyai falsafah perjuangan yang diterima oleh rakyat, walaupun parti itu dinasihati oleh rakan parti lain dengan ayat Quran dalam Surah Ali Imran, ayat 103. Barisan Nasional tidak ditolak dan diterima dalam mana-mana pilihanraya kerana ianya berjuang untuk kepentingan rakyat, agama Islam, negara dan memelihara kedaulatan Raja-raja Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri yang kita kasih itu telah mengisytiharkan pilihanraya. Ini adalah amalan demokrasi sebagaimana saya sebutkan tadi yang benar-benar demokratik dalam erti kata yang benar, jikadibandingkan dengan negara-negara lain yang sama-sama mencapai kemerdekaan dari Britain. Demokrasi adalah kebebasan yang diberi kepada rakyat bagi memilih kerajaan dan menubuhkan kerajaan. Apakah yang dikatakan kebebasan? Adakah kebebasan itu dengan izin, absolute, yang mana parti-parti lawan boleh menahan dan menyekat serta membahayakan anggota-anggota Barisan Nasional dari mengundi sebagaimana saya diberitahu.

Memanglah beiiar pada masa Roman empire dahulu, Peguam-peguam dan ahli-ahli fikir, dengan izin, jurists, mereka sentiasa bercakap mengenai, dengan izin, absolute freedom ketika itu, yang sebenarnya, dengan izin, so much talk about absolute freedom but there was'nt any. Jadi, saya membcri amaran yang keras kepada parti-parti yang tidak bertanggungjawab, yang cuba mengelirukan rakyat dengan janji-janji yang tinggi, janji-janji yang palsu yang mereka sendiri mengetahui tidak boleh ditunaikan, dan buatlah mengikut lunas-lunas Islam kerana parti-parti itu juga memperjuangkan 'ad-din'. Walaupun DAP sampai hari ini belum mengakui sama ada DAP juga memperjuangkan 'ad-din' Islam atau mana-mana "din".

Sekiranya APU memperjuangkan 'ad-din' ataupun 'ad-din' yang bukan 'din', maka rakyat akan menolak perjuangan mereka bila-bila sahaja pilihanraya diadakan. Saya tidak mahu mengulas mengenai PAS. Memanglah kadang-kadang menang dan kadangkala kalah teruk, mengikut rekod, dan yang saya dukacita ialah cita-cita penyokong S.46 untuk seorang menjadi Perdana Menteri dan akhirnya orang lain pula yang menjadi Timbalan Menteri Besar. Perjuangannya tidak setimpal dengan namanya, gagasannya dan lain-lain. Bagi PBS pula tepat kalau kita katakan dan memang benar kalau saya katakan mengikut pepatah Melayu dengar guruh di langit air di tempayan dicurahkan.

Tuan Yang di-Peitua, berbalik kita kepada kebebasan atau freedom, dengan izin, rakyat akan menolak mana-mana pihak, mana-mana falsafah perjuangan, dengan izin, irrelevant, unjust, incoiwenienl, unreasonable, prejudicial, bearing neither moral nor legal valuc and validity, coupled with cruel truth and unpleasant reality, sebagaimana terdapat dalam falsafah Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dalam Bahasa Malaysia!

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dalam Bahasa Malaysia, rakyat akan menolak falsafah yang tidak relevant, yang tidak menyenangkan, yang tidak munasabah, bias, yang tidak ada kesahihannya dari segi moral dan undang-undang yang mana diserai dengan kebenaran yang dibenci—dan this is an American style "unpleasant truth and cruel reality"—UMNO tidak ada—itu tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua :Ya, silakan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri Besar Kelantan mengatakan kemenangan di Kelantan adalah kerana mereka mempunyai akidah islamiah. Saya sebagai peguam pula mengatakan kekalahan mereka di luar daripada Kelantan kerana tidak mempunyai akidah islamiah, lebih-lebih lagi bila mereka bergantung kepada DAP dan lain-lain parti yang tidak ada apa-apa akidah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli Dewan ini, saya menyeru kepada semua rakyat yang rasional menolak mana-mana parti Pembangkang yang berjuang untuk kepentingan peribadi dan menyeru parti Pembangkang berpegang teguh dengan ajaran Allah dan patuh kepada undang-undang Perlembagaan dan, dengan izin, the rule of law sebagaimana yang kita mengetahui. Saya tidak tahu sama ada Pembangkang ketahu atau tidak, dengan izin, the public order and morality are paramount features in effecting and imposing any restrictions on the citizens—tidak payah terjemah, semua pandai bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa amalan demokrasi yang ada, ianya mempunyai batas-batas dan bukan mutlak, kalaulah dengan izin, freedom is absolute, maka kota Venice di Italy itu sudah pasti tidak dapat dibina, kerana ianya dibina sebelum pengisytiharan penghapusan perhambaan iaitu, dengan

izin, the declaration of the emancipation of slavery kerana selepas itu Roman Empire di Rome tidak lagi mempunyai hamba-hamba dan tiada bandar terapung dibina lagi hinggalah pada hari ini, kalau adapun didirikan melalui teknologi moden bukan didirikan oleh hamba abdi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menasihati sesiapa sahaja di dalam Dewan ini sekiranya kita tidak boleh memperkatakan barang yang baik dan kita hendaklah duduk diam, kerana sabda Rasullullah s.a.w yang bermaksud: yang mustahak sekali ialah siapa yang beriman dengan Allah s.w.t dan Hari Kiamat maka ianya hendaklah berkata baik, kalau tidak pandai kata baik duduk diam—jangan tipu orang.

Tuan Yang di-Pertua, ini sesuai pula dengan apa yang dikatakan dengan izin, the less a leader does or says the happier his people, the more a leader brags stms and the sorrier his people.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri juga berkata UMNO parti yang terbesar ini parti yang telah menerajui Kerajaan, dari sebelum mcrdcka, parti yang menyelamatkan hak orang Melayu yang menentang Malayan Union, yang memerdekakan negara, yang membangunkan Malaysia, yang jasa-jasanya tidak boleh dinafikan oleh sesiapa. Parti ini diheret dan didakwa di mahkamah seperti penjenayah biasa atau dengan izin, common criminal kerana mahu pemilihan pimpinan diadakan semula. Jika tidak kerana tindakan undang-undang itu, hari ini mereka yang mengambil tindakan itu boleh bertanding secara teratur dan tertib untuk apa juga jawatan dalam Majlis Tertinggi parti termasuk jawatan Presiden dan mungkin mereka akan menang kerana kekalahan calon Presiden mereka pada tahun 1987 hanya dengan 43 undi sahaja. Jika semua wakil dari sebuah negeri tertentu itu mempunyai semangat kedaerahan seperti yang ditunjukkan dalam pilihanraya umum tahun ini, tidak syak

lagi calon berkenaan akan menang, jikalau wakil negeri-negeri lain boleh dipengaruhi seperti pada tahun 1987.

Perdana Menteri juga berkata di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, tetapi Allah s.w.t. maha kuasa, pengkhianatan orang ini kepada parti yang telah memberi tempat tinggi kepadanya dalam arena politik sudah disedari bukan sahaja oleh ahli-ahli parti, tetapi juga oleh orang Melayu keseluruhannya, ia dan rakan-rakan ditolak oleh rakyat dalam pilihanraya yang lalu.

Di Kelantan ia kalah dengan PAS dan negeri-negeri lain ia kalah kepada UMNO dan Barisan Nasional. Tiada apa-apa kejayaan yang dicapai oleh parti serpihan daripada UMNO ini, daripada mempunyai 12 ahli Dewan Rakyat mereka hanya tinggal 8 sahaja, hampir semua yang memimpin parti ini kalah. Perjuangan mereka hanya ingin memcahbelahkan orang-orang Melayu dan untuk memberi kemenangan kepada musuh UMNO seperti DAP dan PAS. Kita amat sedih dengan cara-cara yang mereka gunakan untuk memancing undi, janji-janji yang bukan-bukan dibuat kepada pengundi. Janji yang tidak mungkin mereka tunaikan skiranya mereka menang, sudah tentu tidak mungkin sama sekali mereka berjaya membentuk Kerajaan. Allah s.w.t memberi kemenangan kepada rakan mereka di Kelantan. Kita tidak dapat mencka sama ada kemenangan ini adalah kerana almalaikah bersama mereka seperti didakwa oleh mereka atau ia adalah satu ujian supaya rakyat dapat melihat bagaimana mereka telah ditipu. Sama-samalah kita saksikan, ini apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri di dalam Perhimpunan Agung UMNO.

PAS mendakwa bekerjasama dengan orang kafir akan menjadikan orang Islam kafir, tetapi bila mereka perlu kepada sokongan orang kafir mereka sedia bekerjasama dan di Kedah pula Yang di-Pertua PAS selepas menang pilihanraya

berjanji akan bekerjasama dengan Encik George dari DAP dalam Dewan Undangan Negeri. Apa salahnya jika bekerjasama dengan UMNO atau apakah ianya sanggup bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan apabila terdesak sahaja.

Penyertaan Parti S.46, dengan izin, dengan PAS meningkatkan kepintaran putar-belit PAS dengan adanya orang-orang yang ahli dalam bidang itu yang dahulu berada dalam UMNO. Jika dahulu pemimpin PAS berpegang juga kepada matlamat perjuangan mereka selepas berdamping dengan Parti S.46, pemimpin PAS sanggup membuat apa sahaja, bagi pemimpin PAS yang ada sekarangapajugapenipuan dan mungkir janji adalah sah asalkan mendapat tempat.

Tuan Yang di-Pertua, PBS menarik diri daripada Barisan Nasional, maka Kerajaan PBS di Sabah bebas melakukan apa sahaja. Memang benar PBS menghasut rakyat Sabah supaya membenci Kerajaan Persekutuan. Rakyat Sabah dahulu tidak pernah benci Kerajaan Persekutuan sehinggalah PBS memerintah melalui Institute for Development Studies Sabah, dengan izin, berbagai-bagai perkara dibangkitkan dengan niat menimbulkan kebencian rakyat Sabah terhadap Malaysia untuk memberi kemenangan politik bagi PBS. Sekarang sebuah lagi institut telah ditubuhkan di Sabah untuk "brain-wash" rakyat Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi bagi kita ialah hak bagi rakyat menentukan siapa yang dipilih untuk memerintah atau menjadi Kerajaan yang akan mengurus dan mentadbir supaya majoriti rakyat hidup bebas, daripada sekatan. Kesalahan dan penindasan bukan sahaja boleh dilakukan oleh Kerajaan, kumpulan-kumpulan yang lain dalam masyarakat demokratik boleh melakukan kezaliman dengan apa juga pengaruh dan kuasa yang ada pada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Ahli Dewaii Barisan Nasional juga berterima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda secara sukarela memberi tahniah kepada kemenangan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang bijaksana lagi kita kasihi itu. Perdana Menteri telah bertanggungjawab dengan lunas-lunas demokrasi bagi menentukan kebebasan rakyat adalah asas kepada demokrasi berparlimen.

Baginda juga mengambil berat tentang kejadian malang di terowong Muassim di Makkatulmukarramah. Ini adalah satu tragedi yang tidak boleh dilupakan dan pihak Kerajaan tidak ada keupayaan supaya ianya tidak berlaku, seperti firman Tuhan dalam surah Yasin, ayat 82. Kerajaan hanya berupaya menyediakan kemudahan-kemudahan untuk jumaah haji. Langkah-langkah tertentu telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Tabung Haji, walaupun ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab menjadikan isu politik untuk pilihanraya tanpa memahami tragedi tersebut berlaku di luar, dengan izin, outside our jurisdiction. Kerajaan Saudi memberi dan mengusaha menolong sesiapa yang malang walaupun pertolongan yang diberikan itu kurang memuaskan waris-waris mengikut perasaan dan emosi kita. Kita berharap syurga sahajalah balasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia adalah satu-satunya Kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang begitu efficient, dengan izin, ternyata keefisensinya.

Malaysia adalah negara yang pertama yang telah membawa balik rakyatnya yang terkandas di Kuwait ketika Presiden Saddam Hussein menakluki Kuwait, sedangkan negara-negara lain hingga masa ini pun saya rasa belum berupaya membawa balik mereka yang terkandas. Bangladesh antara negara

yang memohon kerjasama dan pertolongan dari Kerajaan Malaysia untuk menghantar kapalterbang-kapalterbang bagi mengangkut beratus-ratus ribu rakyatnya yang terkandas.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa Bangladesh mengiktiraf kewibawaan Kerajaan Malaysia mencampurtangan dalam masalah-masalah seperti Kuwait dan masalah-masalah lain.

Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini tidak akan tercapai sekiranya kita tidak ada kestabilan politik dan perpaduan yang mana dirasai oleh orang-orang luar walaupun hakikat ini dinafikan oleh parti-parti Pembangkang khususnya DAP. Semangat perpaduan boleh membawa keharmonian. Baginda dalam Titah Uncapanya mengharap supaya tiap-tiap yang terlibat sebagai rakyat Malaysia bersama-samalah berusaha untuk mencapai perpaduan bagi kepentingan rakyat. Perpecahan adalah merugikan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan, kemakmuran dan kestabilan politik Barisan Nasional yang ada pada hari ini perlu dikekalkan. Kita perlu walaupun PKM telah meletakkan senjata. Perletakan senjata tidak bererti keamanan terjamin. Barangkali ada kemungkinan perjuangan PKM itu beralih pula mempengaruhi parti chawinistic yang sentiasa mengambil peluang merancang menjatuhkan Kerajaan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berwaspada dalam masalah ini dan akan berusaha memperkemas, memperbesar dan memperkuat lagi Angkatan Bersenjata kita bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan rakyat. Orang ramai juga perlu memainkan peranan yang sama termasuk DAP, Semangat 46 dan PAS dan jangan hanya mengharapkan Kerajaan dan orang-orang UMNO

sahaja bila negara terjejas kepada anasir subversif dan elemen-elemen komunisme.

Tuan Yang di-Pertua, PKM atau CPM telah mengetahui bahawa perjuangan mereka selama ini sia-sia belaka. Walaupun mereka di satu ketika amatlah degil dan enggan meletakkan senjata tetapi kejatuhan Presiden Ceausescu di Romania dan pembunuhannya dengan ditembak, menampakkan bahawa komunis tidak ada tempat lagi di Romania, begitu juga di Bulgaria dan lain-lain negara Eropah Timur yang ingin kepada demokrasi. Begitu juga apa yang berlakupadabulanJun, 1989dandi Medan Tienamen di China yang mana rakyat mahukan pemerimahan yang berdemokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, sudah ramai orang memperkatakan dan melaungkan perpaduan termasuk Parti PAS dan Semangat 46. Setakat manakah pula laungannya efektif dan produktif? Laungan yang saya dengar dari parti-parti itu adalah laungan yang begitu ketara ianya mempengaruhi rakyat supaya berpecah belah, bukan untuk bersatu khususnya orang-orang Malayu Islam. Kerajaan dalam usaha ke arah itu telah menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Ini memang kena pada tempat dan masanya.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda bertitah, rakyat juga perlu sentiasa berhati-hati terhadap perkembangan dan pergolakan semasa yang berlaku di persekitaran negara kita dan isu-isu perhubungan luar yang boleh menjejaskan keselamatan negara. Rakyat seharusnya mempertingkatkan semangat perpaduan dan memperkukuhkan ketahanan nasional demi mengekalkan keamanan dan keharmonian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda mengharapkan supaya perpaduan perlu dikekalkan dan justeru itu semua kaum

yang ingin hidup harmonis perlu bekerjasama aniarasatu sama lain dan janganlah semua itu diserahkan kepada Kerajaan atau Parti Barisan Nasional atau UMNO sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia juga tidak henti-henti memerangi kegiatan dadah yang mana sentiasa mengancam anak-anak muda kita dan keselamatan rakyat semuanya. Suka saya berkata di sini bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia memerangi kegiatan dadah sungguh memuaskan dan cara-cara seperti itu diterima oleh negara-negara lain. Seketika dahulu Perdana Menteri Malaysia telah dilantik mempengerusikan Convention On Drugs Abuses, dengan izin, di Yienna, Austria.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Rancangan Malaysia Keenam Baginda terus bertitah mengenai harapannya yang berbunyi: "Beta berharap setiap rakyat terutama dari golongan raiskin dan berpendapatan rendah mendapat peluang menikmati hasil pembangunan ini". Rancangan Malaysia Keenam akan terus mengambil langkah-langkah yang sempurna bagi menolong rakyat berpendapatan kecil dan kila percaya bahawa dengan pertumbuhan ekonomi yang baik bagi tahun 1990 yang mana melebihi 9%, ianya adalah hasil dari ptmpinan negara yang baik yang mana masa ini negara mempunyai re/ab melebihi \$29 bilion jika dibandingkan dari masa-masa yang lepas. Ini akan memberi peluang kepada Kerajaan supaya lebih memberi perhatian kepada rakyat miskin serta memenuhi tuntutan-tuntutan pekerja bagi semua pegawai Kerajaan di semua peringkat bagi mendapat taraf hidup yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk menunaikan segala tuntutan-tuntutan gaji apabila ekonomi kita pulih dengan baiknya. Tetapi setahu saya tidak ada siapa pun merancang ataupun

mencadangkan supaya gaji Perdana Menteri dinaikkan yang mana sekarang ini tidak setimpal dengan khidmat pengorbanan dan kerja-kerjanya yang begitu beral dan gajinya adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan Perdana Menteri Singapura. Perkara ini perlu dipertimbangkan kerana kita bertuah mempunyai seorang Perdana Menteri yang tidak pernah memohon kenaikan gajinya sejak dia menjadi Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi ini adalah hasil daripada kepercayaan pelabur-pelabur asing yang mana mendapati bahawa negara kita sesuai untuk membawa pelaburan-pelaburan yang besar. Saya suka mencadangkan bahawa pelabur-pelabur itu hendaklah juga dibawa ke semua pelusuk negara dan bukan hanya di tempat-tempat yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bagi tahun-tahun 90an, Malaysia akan bertambah maju dan akan dapat pendapatan yang lebih melalui komoditi-komoditi kita yang sentiasa mendapat pasaran di luar negeri. Pelabur-pelabur asing dan pelabur-pelabur tempatan juga diharapkan dapat menambahkan perkembangan ekonomi kita. Kerajaan sentiasa tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pelabur-pelabur swasta yang mana sama-sama terlibat dan berkecimpung bagi kebaikan ekonomi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita rasa amatlah bertuah kerana dapat naungan di bawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sangat-sangat arif dalam pentadbiran dan perundangan yang amat sukar ditandingi oleh mana-mana raja di dunia ini. Saya percaya bahawa Malaysia akan terus berjaya dan dikenali ramai oleh negara-negara luar di bawah pemerintah Baginda yang adil dan bijaksana bersama-sama dengan pemimpin Yang Amat Berhormat Dato*

Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri yang mempunyai visi yang sukar ditandingi bukan sahaja di Malaysia bahkan di negara-negara lain.

Dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, kita percaya Kerajaan akan dapat menghasilkan pekerjaan dan akan terus mengurangkan pengangguran yang mana akan menahkan peluang kepada mereka yang tidak bertanggungjawab atau parti Pembangkang menggunakan isu pengangguran sebagai isu politik kini dan masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda bertitah "Kerajaan Beta akan memberi perhatian berat kepada usaha-usaha untuk mencegah pembaziran dan penyelewengan."

Sebagaimana kita maklum, pembaziran dan penyelewengan telah, sedang dan akan terus dihapuskan dengan langkah-langkah yang tegas yang mana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa membanterasnya. Kerajaan di bawah Menteri Kewangan yang ada sekarang ini sangat-sangatlah berhati-hati dan jimat dalam membelanjakan wang tanpa membazirkan wang dan penyelewengan pula diawasi oleh Badan Pencegah Rasuah.

Usaha-usaha bagi produktiviti dan kuantiti yang baik adalah dasar Kerajaan yang ada sekarang. Usaha-usaha ini adalah termasuk perkhidmatan cemerlang di semua lapangan termasuk lapangan pelancongan, lebih-lebih lagi apabila tahun 1990 dijadikan Tahun Melawat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia telah mencapai kejayaan demi kejayaan sejak beberapa tahun yang lepas. Antaranya ialah Mesyuarat CHOGM yang mana negara-negara yang hadir memuji kebolehan Malaysia mengadakan mesyuarat tersebut dengan penuh efficientnya. Selain dari itu kita juga harus berbangga kerana dipilih mewakili Majlis Keamanan Bangsa-

bangsa Bersatu dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita pula dipilih menjadi Pengerusi UNESCO yang beribu pejabat di Paris.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktiafan yang diberi oleh negara-negara luar kepada Malaysia sangatlah mahal harganya. Marilah semua rakyat bukan hanya UMNO atau Barisan Nasional sahaja yang menghargai pengiktirafan itu bahkan semua golongan dan lapisan menerima, tidak menolak hakikat ini kerana Malaysia mengekal pendiriannya bagi keamanan di dunia. Kita juga harus menghargai perjuangan Malaysia bagi nasib rakyat Palestin dan orang kulit hitam Afrika Selatan. Perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Dr Nelson Mandela di Zambia dahulu menunjukkan bahawa penghormatan yang diberi kepada Perdana Menteri kita. Pengiktirafan dan penganugerahan gelaran "Wira Dunia Ketiga" kepada Perdana Menteri oleh Presiden Venezuela adalah antara perkara-perkara yang kita perlu hargai dan banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Dato' Seri Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, Malaysia telah berjaya membentuk satu dasar luar yang mana peranan mengenainya berhubung dengan hal ehwal antarabangsa termasuklah selain daripada yang telah disebut isu Antartika, Perundingan dan Kerjasama Selatan-Selatan dan masalah pengedaran dadah di peringkat antarabangsa. Usaha-usaha yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Malaysia adalah usaha positif bertujuan atau bermotifkan keamanan dan kemajuan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini krisis di Teluk Parsi telah menggugat dan mengancam keamanan dunia seluruhnya. Kesan-kesan dari penaklukan Kuwait itu sudah, sedang dan akan dirasai oleh negara-negara di dunia barat dan lermasuk di Negara-negara Ketiga. Mungkin kita juga

meramalkan kesan ekonomi yang serius akan berlaku akibat dari persengketaan antara Iraq dan Kuwait.

Dasar luar kita nyata sekali lagi telah berjaya dan berkesan oleh kerana kita mempunyai wakil-wakil diplomat-diplomat yang bijak dan berwibawa menunaikan tanggungjawab masing-masing di bawah pimpinan Menteri Luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tidak payah lagi saya mengulangi Mesyuarat CHOGM yang mana ahli-ahli Dewan Rakyat sendiri memerhati kejayaan dan persiapan yang bukan hanya mengkagumi Perdana Menteri Perdana Menteri Afrika sahaja bahkan juga bekas Perdana Menteri Britain Margaret Thatcher dan Ratu Elizabeth sendiri iaitu Queen of England, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga memainkan peranan yang penting bersangkutan dengan Pertubuhan Persidangan Islam (The Organization of Islamic Conference). Tidak payahlah di sini saya memberi maklumat-maklumat lanjut mengenai OIC dan objektif-objektifnya tetapi perlu diingatkan Malaysia adalah di antara negara-negara yang bertanggungjawab dalam penubuhan OIC dan Perlembagaan OIC adalah juga dirangka bersama oleh negara kita. Saya sendiri telah menghadiri mesyuarat OIC di Jordan mengiringi Yang Berhormat Dato* Haji Abu Hassan bin Haji Omar selama 7 hari sebagai wakil kepada Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga diberi mandat oleh negara-negara anggota Kumpulan G-15. Negara-negara itu ialah Algeria, Argentina, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mesir (Egypt), Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela, Yugoslavia dan Zimbabwe. Dua dari negara membangun yang lain adalah Brazil dan Mexico.

Di persidangan ini negara telah memainkan peranan yang aktif dalam mengasas dan menubuhkan G-15 dan sanggup pula menjadi tuan rumah atas kepercayaan yang ada dan persediaan yang canggih (sophisticated).

Tuan Yang di-Pertua, tidak ketinggalan juga isu Kampuchea dan Yietnam. Malaysia bersama-sarna dengan rakan ASEAN lain bertanggungjawab dan berusaha bersungguh-sungguh selama ini untuk mencari solusi bagi mengembalikan keamanan dan ketenteraman di rantau tersebut. Malaysia memainkan peranan penting di persidangan yang telah diadakandiParispadabulanOgos, 1989. Ekoran dari keupayaan dan kebolehan negara kita, kita dipilih menjadi jawatankuasa kedua yang telah ditubuhkan oleh persidangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini adalah berlaku hasil daripada kejayaan UMNO-Barisan Nasional yang dipimpin oleh Perdana Menteri yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga mengambil langkah-langkah yang sempurna dalam merancang dan memberi pendidikan yang baik kepada semua rakyat tanpa lupa kepada pembangunan jasmani dan rohani.

Usaha-usaha telah banyak berhubung dengan penerapan nilai-nilai Islam yang murni. Pelajaran moral, sains telah diajar kepada muhd-murid yang bukan Islam. Ini bertujuan supaya kita dapat menghasilkan insan kamil. Insan yang akan bertanggungjawab kepada bangsa, agama Islam dan mempertahankan maruah negara bukan kerana tamak (selfish) kepada kuasa dan berkepentingan diri sendiri. Sekolah-sekolah rendah dan menengah serta asrama-asrama desa telah banyak didirikan dalam usaha-usaha memberi pendidikan yang perlu sesuai dengan imej negara yang merdeka yang telah diperintah oleh Barisan Nasional yang

berteraskan UMNO. Sekalungan bunga kita berikan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang mana berwibawa dan juga mempunyai visi yang menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengulangi sedikit mengenai perpaduan kaum. Usaha-usaha telah banyak dibuat bagi mengintegrasikan kaum supaya semuanya dapat bekerjasama memahami antara satu dengan lain. Harapan ini tidak akan tercapai sekiranya kita mengharap kepada Kerajaan, kepada Barisan Nasional atau UMNO sahaja. Semua pihak berlainan agama dan bangsa perlu menunjukkan sikap yang sihat dalam usaha ini. Jangan kita hanya pandai berpidato, berucap mengenai perpaduan kaum tetapi amalan mengenai perkara yang sama adalah negatif kerana dipengaruhi oleh perasaan kecewa tidak dapat menubangkan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, bagi parti-parti Pembangkang pula saya suka menyeru dan menasihati mereka supaya mereka dapatbezakan di antara, dengan izin, our effort untuk menyatu-padukan rakyat dan,dengan izin, our effort to win the election. Kedua-dua ini tidak boleh dicampur aduk. Hal yang demikian telah dilihat di mana-mana sahaja. Parti-parti pembangkang pula mesti mengetahui musim pilihanraya dan musim bukan pilihanraya. Kalau semua pihak bertanggungjawab dan berusaha ke arah ini, kita akan memperolehi harmoni dari semua kaum dan masalah pilihanraya diserahkan kepada mereka untuk memilih mengikut demokrasi yang tidak diracuni oleh mana-rnana pihak dalam usaha mengekalkan keamanan, perpaduan dan ketenteraman bangsa yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga saya sebut di sini, perpaduan itu juga perlu kepada taat kepada Raja Berperlembagaan. taat kepada Undang-undang, atau dengan izin, the Rule of Law. Tiada siapa yang boleh

menginterpretasikan Undang-undang mengikut kehendaknya atau, dengan izin, according to his whims and fancies. Tiada siapa yang boleh menjadi hakim dan menghukum mengikut hawa nafsunya mengikut Maxim Latin "*Ne Mo iudex in causa potest.*"

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangi sekali lagi, apa pula kata R.J. Hickering:

"Of all acts of the human intellect, those related to our efforts to construct a political system reconciling mankind's conflicting desires for freedom and order have perhaps the greatest nobility. To organise the accumulation of popular power in the hands of a select group of representatives of the people and then to distribute that power in a manner productive of the least injustice to society, is one of the most difficult tasks known to the politician and the lawyer."

Tuan Yang di-Pertua, mengikut ahli falsafah bernama Proudhon, dalam membentuk masyarakat yang kamil, ianya berkata "The highest perfection of society is found in the union of order and anarchy."

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tugas yang wajib bagi semua peringkat taat kepada "law and order" berhubung dengan perkara ini. Marilah kita dengar apa pula kata ahli falsafah termasyhur iaitu Plato: "That only when the state itself embodied the idea of the good could the life of the individual properly be sacrificed to the state." He says "..... an identity of law on morality but an identity based not on blind faith but on human wisdom and reason."

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua quotation ini menunjukkan bahawa sekiranya Kerajaan itu ada sistem perundangan baik taat perlu diberi dan sistem tersebut bukan pula sistem yang buta tuli yang diadakan. Justeru itu, saya

rasa Perlembagaan dan Perundangan Malaysia memenuhi kehendak kedua-dua ahli falsafah dan marilah kita taat kepada Rules of Law dan Perlembagaan selain daripada kewajipan kita terhadap Allah s.w.t dan Rasul bagi orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, manakala Socrates pula ada membawa sedikit perbezaan dari Plato. Menurutnya, he bases his argument largely on a kind of agreement (and early form of social contract) between the citizens and the state to observe these laws whatever may be the consequences to a particular individual. Terjemahan tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi lebih kurang ia bermaksud, yang mana seolah-olah ada perjanjian secara sosial di antara Kerajaan dan rakyat dan rakyat wajib taat kepada Undang-undang bagi mengekalkan keamanan dan perpaduan yang kita harapkan itu mengikut Socrates.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengikut seorang falsafah Greek, ianya berkata, "The human law may conflict with moral law, but the citizen must still obey the law of his state though he may and indeed should labour to persuade the state to change its laws to conform with morality."

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita sudahi ucapan saya ini dengan apa pula Austin berkata mengenai taat kepada undang-undang dan negara. Ia berkata, tidak ada terjemahan—mahal!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nampaknya semua tidak ada terjemahan ini!

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Mahallah, kena belajar lawlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Okay, teruskan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ia berkata, "The fact that law as self-contained body of rules applicable to human society operated by means of a system of conceptual thoughts and his aim seems to have been to examine in the dispassionate spirit of science, the essential feature of this conceptual system."

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tak ada, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan tahniah kerana ucapannya sedap betul. Terima kasih. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukan hendak minta penjelasan. Okay, tidak apa, teruskan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ahli dari Pasir Mas, kita kawan lama, parti sahaja lain. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan kekalnya perpaduan ummah—bukan APU—(*Ketawa*) serta taat setia kepada Allah, Rasul dan kepada Raja memerintah dari semua pihak kita akan membawa negara ini kepada kemajuan yang pesat di masa-masa akan datang.

Saya dengan zalilnya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kluang, sila.

4.37 ptg.

Tuan Kang Chow Oh (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya berucap di dalam Dewan yang mulia ini. Seterusnya saya ingin menyokong usul yang telah dibawa

oleh rakan seperjuangan saya, Yang Berhormat dari kawasan Larut, iaitu satu ucapan yang dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan".

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun hendak apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Penjelasan, 'duri' ataupun 'Duli'?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 'Duri atau 'Duli'?
(*Ketawa*)

Tuan Kang Chow Oh: 'Duli'. Di samping itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan yang baru dipilih dalam Pilihanraya Umum yang lepas, khasnya kepada Ahli Yang Berhormat dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Tan Sri dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad yang dipilih sebagai Perdana Menteri Malaysia, Yang Berhormat Encik Abdul Ghafar Baba yang dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri dan begitu juga kepada Menteri-menteri, Timbalan Menteri serta Setiausaha-setiausaha Kementerian. Semoga Tuhan dapat

menganugerahkan ilham kepada kita semua untuk mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi yang kita bincang di dalam Dewan yang mulia ini. Semoga dengan perpaduan kita, kecekapan kita serta dapat sokongan dan kerjasama daripada segala lapisan rakyat, negara kita dapat mencapai kemakmuran, kemajuan dan kejayaan yang lebih cemerlang dan rakyat jelata dapat hidup dalam keadaan yang aman dan tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Malaysia merupakan sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada berbilang kaum dan keturunan. Masing-masing mempunyai kebudayaan, kepercayaan dan adat istiadatnya. Sungguhpun begitu, rakyat jelata dapat hidup dengan bersatu padu dan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang aman dan damai. Perpaduan rakyat disanjung tinggi dan dipuji serta mengagumkan orang-orang asing. Kejayaan ini adalah jasa dan hasil daripada pemimpin-pemimpin negara kita dan Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat yang memberikan manfaat kepada rakyat dan negara. Kementerian ini memainkan peranan yang penting dan menganjurkan banyak aktiviti-aktiviti untuk mempereratkan hubungan kaum-kaum di tanahair kita, mengawal dan berwaspada terhadap ancaman-ancaman yang boleh menjejaskan perpaduan dan kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, sehingga hari ini telah genap 33 tahun. Dalam sejarah negara kita mempunyai sebuah Kerajaan yang dipimpin oleh parti Perikatan dan selepas itu diubahkan namanya menjadi Parti Barisan Nasional, iaitu sebuah Kerajaan yang dapat menjamin rakyat jelata hidup dalam keadaan yang aman, damai dan makmur.

Pelabur-pelabur asing berani melabur di negara kita kerana negara kita aman dan stabil. Mereka memuji negara kita

sebagai sebuah syurga, sebuah negara yang baik dan sesuai untuk pelaburan mereka dan tempat yang baik untuk kediaman mereka.

Di sini saya ingin bertanya adakah patut rakyat jelata Malaysia sendiri yang memfitnah serta merosakkan imej baik negara kita, khasnya pemimpin-pemimpin politik, jangan kerana hendak meninggikan taraf dan imej mereka di dalam partinya, mereka terlupa cogankata yang berbunyi 'Kepimpinan Melalui Teladan'. Mereka sengaja jadi ekstrimis ataupun hero yang tidak bertanggungjawab mengibas-ngibaskan soal perkauman, melakukan sesuatu isu yang sangat membosankan kaum-kaum yang lain. Saya anggap ini adalah sangat merbahaya dan kelakuan ini akan menjejaskan dan menghancurkan perpaduan dan kestabilan negara kita. Untuk menjamin rakyat jelata hidup dalam keadaan yang makmur dan damai, saya harap ucapan-ucapan yang sensitif terus diberhentikan dan saya berharap juga hak kebebasan rakyat akan terus dijamin oleh Perlembagaan dan dilindungi oleh sistem perundangan yang adil dan sistem demokrasi mestilah dipelihara dan dipertahankan. Saya berharap Menteri-menteri ataupun pihak yang berkuasa apabila melaksanakan sesuatu projek patut kita timbang dan dibahagikan dengan secara rata dan adil kepada semua kaum-kaum yang ada di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, syabas, Kerajaan kita senantiasa berusaha meningkatkan lagi taraf kesihatan rakyat jelata, khasnya kepada mereka yang tinggal di luar bandar. Program-program mencegah penyakit, rawatan pesakit dan promosi kesihatan akan diperhebatkan. Banyak lagi klinik-klinik kesihatan dan hospital yang baru akan dibina.

Di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menyentuh tentang Hospital Daerah Kluang. Hospital Daerah Kluang dibina pada tahun 1932 mempunyai 8

wad dan kira-kira ada 320 buah katil. Rawatan pesakit-pesakit yang tinggal di dalam hospital seramai 250 orang sehari. Rawatan pesakit-pesakit daripada luar tidak kurang daripada 350 orang sehari. Purala tidak kurang daripada 600 orang pesakit sehari yang memerlukan perkhidmatan doktor dan jururawat-jururawat. Kini hospital cuma ada 12 orang doktor dan 70 orang jururawat sahaja yang berkhidmat dalam hospital. Waktu perkhidmatan mereka dimulai jam 8.00 pagi dan berehat jam 4.00 petang, tetapi doktor-doktor kena mengambil giliran ataupun bahasa Inggerisnya, 'on call*. Kononnya bayaran bulanan bagi seorang doktor yang baru memegang jawatan, bayaran mereka cuma \$1,360 sahaja, yang paling tinggi maksimum \$2,400 sebulan, Bagi jururawat, bayaran bulanan mereka cuma \$400, yang paling tinggi maksimumnya cuma \$ 1,100 sahaja, oleh kerana itu kebanyakan doktor-doktor yang berkhidmat di dalam hospital selepas perkhidmatan housemanship setahun dan service selama 3 tahun di dalam hospital.apabila tamat tempohnya perkhidmatan mereka kebanyakan doktor-doktor terus berhenti dan membuka kliniknya sendiri. Oleh kerana itu, hospital sering menghadapi masalah yang teruk kerana kekurangan doktor-doktor dan jururawal-jururawat. Mudah-mudahan Kementerian Kesihatan dapat mengambil perhatian dan mencari langkah untuk mengatasi masalah ini. Saya menyeru Kerajaan dapat menaikkan upah-upah doktor-doktor dan jururawat-jururawat.

Tuan Yang di-Pertua, baru-bani ini daerah Kluang telah mula berkembang dan mencapai kemajuan yang pesat. Ada banyak perubahan tetapi yang telah berlaku di daerah Kluang, khasnya daripada segi bilangan penduduk-penduduk dan pembangunan. Ini disebabkan oleh pembukaan tanah pertanian baru, seumpamanya peneroka-peneroka di PELDA, PELCRA dan Agensi-agensi Kerajaan. Sudah banyak kilang-kilang telah didirikan dan ramai

pekerja-pekerja datangnya dari luar daerah Kluang. Pada masa sekarang wad-wad Hospital Daerah Kluang tidak mencukupi untuk menampung pesakit-pesakit kerana banyak wad-wad hospital yang sedia ada terlalu sempit untuk menempatkan pesakit-pesakit dan kebanyakan bangunan-bangunan telah usang dan mengalami kerosakan yang memerlukan penyelenggaraan dan kebanyakan alat-alat kelengkapannya telah usang dan berkarat dan patut digantikan dengan yang baru. Saya bagi pihak penduduk-penduduk daerah Kluang dan pihak Penguasa Hospital Daerah Kluang meminta jasa baik daripada Kementerian Kesihatan memberikan peruntukan untuk memperbaiki dan memperbesarkan Hospital Daerah Kluang.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia adalah sebuah negara yang subur yang sesuai untuk menanam berbagai tanaman seperti getah, kelapa sawit, koko, kelapa dan sebagainya. Tanaman-tanaman tersebut adalah merupakan punca pendapatan utama negara, khususnya tanaman kelapa sawit. Mengikut laporan daripada MIDA (Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia) dan juga daripada PORLA (Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit) negara kita telah berjaya menanam pokok-pokok kelapa sawit sebanyak 1.9 juta hektar ataupun 4.693 juta ekar. Pada tahun 1989 negara kita telah mendapat mengeluarkan minyak kelapa sawit mentah sebanyak 6,056.501 juta metrik tan dan juga dahpada bulan Januari sehingga bulan Julai tahun 1990 telah mengeluarkan Sebanyak 3.36473 juta metrik tan. Pasaran hasil pengeluaran minyak kelapa sawit mentah 85% telah dieksportkan ke negara-negara asing seperti Singapura, Pakistan, China, India, Mesir dan Jepun. Harga minyak kelapa sawit mentah pada tahun 1989 pada bulan Disember hanya cuma \$601.50 satu methk tan, yang paling tinggi bulan Pebruari tahun 1989 harganya \$963.50 satu metrik tan. Harga

pada tahun 1990 paling rendah bulan Februari cuma \$661 satu metrik tan. yang paling tinggi bulan Mei \$702 satu metrik tan. Harga minyak kelapa sawit kalau dibandingkan dengan harga minyak kacang soya memang jauh bezanya.

Harga minyak kacang soya pada bulan Mei 1989 ialah \$1,232 satu metrik tan. Perbezaan ini kononnya ialah kerana peniaga-peniaga minyak makan di Amerika ataupun di Eropah sengaja mengatakan minyak kelapa sawit akan mempengaruhi kesihatan manusia khususnya penyakit jantung. Oleh itu orang ramai di Amerika dan Eropah kurang berminat ataupun takut menggunakan minyak kelapa sawit. Oleh kerana itu, harga kelapa sawit merosot dan tidak dapat dibandingkan dengan harga minyak kacang soya.

Tuan Yang di-Pertua, hasil pengeluaran minyak kelapa sawit negara kita ialah sebanyak 6.056501 juta tan setahun. Kalau Kerajaan dapat mengutip \$1 sahaja setiap tan untuk melantik pakar-pakar yang terkenal di Amerika ataupun di Eropah, bagi upah yang tinggi kepada pakar-pakar untuk menyediakan sebuah laporan yang lengkap dan yang mengatakan bahawa minyak kelapa sawit amat berguna kepada manusia dan tidak akan mempengaruhi kesihatan manusia, apabila buku laporan pakar-pakar itu telah disediakan pada masa akan datang, kalau peniaga-peniaga Amerika ataupun Eropah masih memfitnah kegunaan minyak kelapa sawit kita ataupun bahawa minyak kelapa sawit akan mengancam kesihatan manusia, kita dapat menunjukkan buku laporan daripada pakar-pakar di negaranya sendiri. Ini saya rasa akan membantu pasaran kita dan pengeluaran minyak kelapa sawit kita untuk dieksportkan ke negara-negara antarabangsa demi untuk kepentingan pekebun-pekebun dan peneroka-peneroka di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi alasan mengenai kemelesetan harga minyak kelapa sawit, ialah pada beberapa tahun yang lalu di negara kita ada banyak kebun-kebun ataupun ladang-ladang yang dimiliki oleh pelabur-pelabur asing seperti DUNLOP, GUTHRIE dan sebagainya. Syarikat-syarikat swasta ataupun koperasi di dalam negara kita merebut dan memberikan tawaran yang tinggi beribu-ribu juta ringgit kepada pekebun-pekebun ataupun syarikat asing. Ada yang terpaksa meminjam duit daripada bank ataupun daripada Cinance company sehingga hutang sekeliling pinggang dan ada yang tidak dapat menjelaskan pinjaman-pinjaman mereka. Pelabur-pelabur asing apabila telah menjualkan kebun-kebun mereka telah melabur di negara-negara asing seperti negeri Siam, Pulau Hailam, Philipines dan Indonesia. Mereka diberikan keistimewaan dan tanah-tanah pertanian dikurniakan hanya dengan membayar bayaran premium \$50 satu ekar sahaja dan pelabur-pelabur asing diberikan keutamaan untuk mendapatkan kelulusan P.R. ataupun permanent residence, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Perbelanjaan bagi tanaman pokok kelapa sawit daripada tanaman benih sehingga berhasil cuma memerlukan \$2,000 ataupun kurang daripada \$2,000 seekar. Pelabur-pelabur asing setelah menjualkan kebun-kebun mereka dengan harga \$10,000 ataupun lebih daripadanya seekar, mereka dapat membeli dan menanam tanaman kelapa sawit kira-kira lima kali ganda daripada harga jualan. Selepas habis tempoh tiga tahun, mereka memerlukan kilang untuk menghasilkan minyak kelapa sawit. Di Indonesia sahaja, dalam tempoh tiga tahun mereka telah membina lebih daripada 100 buah kilang minyak kelapa sawit.

Keadaan ini memang amat merugikan negara kita. Satu, duit beribu-ribu juta telah diagihkan kepada negara-negara asing. Yang kedua, pakar-pakar yang berpengalaman yang dilatih oleh negara kita juga turut ikut dengan

pelabur-pelabur asing ke negara-negara asing. Nombor tiga, kerana hasil kelapa sawit bertambah banyak, perlawanan harga ini akan menjadi satu ancaman terhadap negara kita. Nombor empat, kerana kemelesetan harga kelapa sawit, nasib dan kehidupan rakyat jelata kita memang susah, khasnya peneroka-peneroka yang ada di skim PELDA dan PELCRA pada hari ini. Maka dengan itu, kesilapan yang berlaku di beberapa tahun yang lalu patut dibetulkan dan dicegahkan. Semoga Kerajaan kita dapat mengurniakan tanah yang terbiar kepada rakyat jelata yang memang berminat dalam bidang pertanian.

Sekian sahaja ucapan saya di dalam Dewan yang mulia ini dan sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berucap di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong.

4.,53 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan ke atas Usul menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Di Raja, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada hari scmalam.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh Pilihanraya Umum Kelapan ini berlangsung baru-baru ini di negara ini dan Baginda bertitah dan saya 'quote'.

"Beta bcrasa amat gembira kerana Pilihanraya Umum yang baru lepas lelah berjalan dengan baik dan teratur. Kebebasan rakyat membuat pemilihan dalam Pilihanraya Umum

merupakan asas demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh negara".

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Baginda bahawa pilihanraya-pilihanraya umum pada keseluruhannya telah dijalankan dengan aman dan teratur. Untuk ini kita mesti mclafazkan penghargaan bukan sahaja kepada pihak polis kerana peranan mercka tetapi juga kepada pengundi-pengundi yang dapat mengatasi politik penakutan dan ugutan Barisan Nasional (*Tepuk*) yang mengancatn bahawa huru-hara malah pertumpahan darah akan berlaku sekiranya Pembangkang menang. (*Tepuk*)

Titah Di Raja merupakan ucapan Dasar Kerajaan yang memerintah dan oleh yang demikian adalah juga sama penting untuk memperhatikan apa yang didakwa oleh Kerajaan dan apa yang ditinggalkan oleh Kerajaan. Dalam kes ini adalah amat significant bahawa kita memperhatikan Kerajaan Barisan Nasional tidak berani mendakwa bahawa Pilihanraya Umum baru-baru ini adalah bebas, adil, bersih dan jujur. Saya masih ingat apabila saya menemui Yang Amat Berhormal Perdana Menteri di pejabat Perdana Menteri pada awal bulan Julai untuk membincang undangan dan syarat-syarat rujukan Misi Pemerhati Komanwel untuk Pilihanraya Umum, saya telah menyatakan dengan jelas bahawa Misi Pemerhati Komanwel tidak harus datang semata-mata untuk memperhalikan apa yang berlaku pada hari pembuangan undi iaitu pembuangan dan pengiraan undi tetapi mereka harus memperhatikan keseluruhan proses kempen pilihanraya untuk menentukan sama ada Pilihanraya Umum telah menepati empat syarat iaitu bebas, adil, bersih dan jujur.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil sebatang pen dan menulis keempat-empat perkataan di dalam buku tulisannya dengan mengatakan bahawa beliau bersetuju

dengan keempat-empai kriteria tersebut dan mendakwa bahawa semua pilihanraya yang diadakan di Malaysia telah menepati keempat-empat kriteria iaitu bebas, adil, bersih dan jujur.

Pada hari kemudiannya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada di Melaka semasa salah satu lawatan sebelum Pilihanraya, beliau berkata secara awam bahawa beliau telah berjumpa dengan saya dan bahawa saya telah meminta supaya Misi Pemerhati Komanwel harus memastikan bahawa pilihanraya di Malaysia adalah bcbas, adil, bersih dan jujur dan beliau menegaskan bahawa Kerajaan tidak ada apa-apa untuk disembunyikan berhubung dengan keempat-empat kriteria tersebut

Tetapi Pilihanraya Umum yang diadakan pada 21hb Oktober telah melanggar keempat-empat kriteria tersebut dan ia bukan sahaja tidak bebas, adil, bersih dan jujur, malah ia merupakan kempen pilihanraya parti memerintah yang paling kotor dan paling tidak bertanggungjawab dalam sejarah Malaysia (*Tepuk*) selama 33 tahun ini.

Inilah sebabnya mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sehingga sekarang menyimpan dan mengunci laporan Misi Pemerhati Komanwel dan enggan mengumumkannya. Sekiranya laporan rasmi Rombongan Pemerhati ini adalah baik dan memuji bahawa Pilihanraya Umum baru-baru ini telah dijalankan secara bebas, adil, bersih dan jujur, maka sudah tentu Kerajaan akan mengumumkannya pada saat laporan tersebut diterima.

Rakyat Malaysia berhak meneliti laporan Misi Pemerhati Komanwel kerana mereka dipelawa ke Malaysia untuk memerhatikan Pilihanraya Umum Malaysia dengan dibiayai daripada wang awam. Saya menyeru Kerajaan membentangkan laporan Misi Pemerhati Komanwel tersebut sebagai suatu Kertas

Perintah di Dewan Rakyat agar semua Ahli Parlimen dan juga orang awam akan mendapat access kepadanya serta membahaskannya.

Sekiranya Kerajaan tidak gembira dengan laporan Misi Pemerhati Komanwel seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka Kerajaan boleh membentangkan suatu Kertas Putih yang mengandungi jawapan Kerajaan kepada laporan Misi Pemerhati Komanwel.

Janganlah Malaysia menjadi negara pertama di dunia ini yang mempelawa satu Misi Pemerhati untuk memerhatikan Pilihanraya Umumnya, tetapi tidak membenarkan penerbitan laporan Misi Pemerhati itu dan mungkin menggunakan Akta Rahsia Rasmi untuk menyembunyikannya. Mana-mana pemerhati yang bebas, berTikiran adil dan tidak berat sebelah yang memerhatikan Pilihanraya Umum yang baru berlangsung, sama ada beliau adalah seorang rakyat Malaysia atau orang asing, akan mcrumuskan bahawa ia tidaklah bebas, adil, bersih dan **jujur**.

Pengesan Pilihanraya atau Election Watch yang terdiri daripada enam orang yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian dan mengandungi rakyat Malaysia yang terkemuka seperti Tan Sri Ahmad Noordin, Raja Aziz Addruse, Dr Chandra Muzaffar, Dato' Param Cumaraswamy dan Chooi Mun Sou, telah membuat kesimpulan di dalam laporan mereka tersebut dan inilah laporan Election Watch yang baru keluar. Satu kesimpulan di dalam laporan mereka ialah bahawa Pilihanraya Umum 1990 hanya bebas setakat di mana parti-parti yang bertanding tidak menghadapi masalah untuk menurunkan calon-calon pilihan mereka dan majoriti besar pengundi yang ingin mengundi tidak dihalang untuk berbuat demikian. Selain daripada itu,

Election Watch membatasi kesimpulan atau ada qualification bahawa Pilihanraya Umum adalah bebas berdasarkan sebab-sebab berikut:-

- (1) Ramai pengundi yang layak telah tidak dapat mencari nama mereka di dalam daftar pengundi yang digunakan di dalam pilihanraya;
- (2) Sistem pengiraan undi baru di tempat pengundi bukan di pusat mengira undi seperti dilakukan sebelum ini telah menyebabkan pengundi-pengundi berasa takut bahawa pilihan pengundi sesuatu kawasan akan diketahui. Ini telah mengikis syarat-syarat kerahsiaan yang menjadi asas proses demokrasi.
- (3) Pengundi pos Polis dan Angkatan Tentera mungkin tidak berasa bebas untuk membuat pilihan yang bebas memandangkan keadaan mereka dan ketiadaan penyeliaan oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya Pilihanraya.
- (4) Terdapat kes-kes di mana ugutan secara langsung Pengundi pos Polis dan Angkatan Tentera mungkin tidak berasa bebas untuk membuat pilihan yang bebas memandangkan keadaan dilakukan ke atas calon-calon dan perayu-perayu mereka;
- (5) Terdapat ugutan secara halus yang dilakukan ke atas pengundi yang diberi amaran bahawa kemungkinan berulangnya peristiwa Mei 1969, jika parti memerintah tidak dipilih semula dengan majoriti dua-pertiga.

Tuan Yang di-Pertua, Pilihanraya Umum baru-baru ini tidak layak dianggap sebagai pilihanraya yang bebas, adil, bersih dan jujur, walau apapun kayu pengukuran yang dipakai. Malah Pilihanraya Umum baru-baru ini adalah pilihanraya yang paling kotor dalam sejarah Malaysia. (*Tepuk*)

Barisan Nasional, khususnya UMNO berdosa tiga lipat kerana politik wang dan rasuah, politik penakutan dan ugutan dan politik bohong dan dusta. (*Tepuk*)

Dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini, UMNO telah menggunakan 3M dengan sepenuhnya iaitu, dengan izin, "Money, Media dan Machinery Kerajaan", untuk melancarkan kempen yang paling bcrat sebelah, paling tidak adil, paling kotor dan paling tidak jujur. Adalah dianggarkan bahawa UMNO sahaja telah membelanjakan lebih kurang \$300 juta atau \$30 juta sehari sepanjang kempen 10 hari itu.

Menjulang hari mengundi, UMNO telah menggunakan wang untuk mcmbeli pengundi-pengundi malah agen-agen pengundi dan agen-agen pngira undi serta pekerja-pekerja pilihraya untuk menewaskan calon-calon pembangkang.

Pengundi-pengundi di kawasan-kawasan pilihanraya yang berlainan telah dibayar oleh UMNO mengikut kadar yang berlainan di antara \$50 hingga \$200 untuk membeli undi mereka dan di Gua Musang, saya dapati bahawa pengundi-pengundi telah ditawarkan kepingan wang kertas bernilai \$1,000 dalam usaha untuk menumbangkan Presiden Semangat46, Yang Berhormat Gua Musang yang tidak jatuh.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menuduh pembangkang sebagai mernbelanjakan begitu banyak wang untuk kempen Pilihanraya Umum dan dengan demikian beliau membayangkan bahawa kami telah menerima wang asing daripada sumber-sumber yang menimbulkan syak wasangka.

Parti DAP mencabar Kerajaan Barisan Nasional supaya menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja ke dalam Pilihanraya Umum 1990 untuk menentukan sama ada ia adalah bebas, adil, bersih dan jujur. Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja ke dalam

Pilihanraya Umum 1990 sedemikian haruslah mempunyai antara lain syarat rujukan khusus untuk menyiasat ke dalam politik wang dan rasuah yang berlaku semasa kempen pilihanraya. Suruhanjaya Di Raja itu hendaklah mengesan perbelanjaan-perbelanjaan pilihanraya parti-parti politik dan calon-calon, mengira segala perbelanjaan pilihanraya yang ditanggung oleh setiap parti, sumber-sumber pembiayaannya dan paling penting sekali sama ada pembiayaan sedemikian telah datang dari sumber-sumber asing.

Parti DAP bersedia membuka semua buku-buku dan perbelanjaan-perbelanjaan pilihanraya untuk diperiksa secara awam oleh Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja tersebut. (*Tepuk*) Dan saya tidak ragu-ragu bahawa lain-lain parti pembangkang juga akan menyokong cadangan sedemikian kerana kami adalah parti-parti politik yang miskin yang tidak mempunyai apa-apa untuk disembunyikan.

Suruhanjaya Di Raja sedemikian hendaklah mengandungi sebilangan ahli-ahli Barisan dan pihak pembangkang yang sama, diketuai oleh seorang Pengerusi untuk menjalankan satu penyiasatan yang penuh dan menyeluruh ke dalam fakior-faktor yang telah menyebabkan pilihanraya umum tahun 1990 menjadi begitu tidak bebas, adil, bersih dan jujur.

Soal yang timbul ialah sama ada Barisan Nasional, khususnya UMNO yang sedang cuba untuk mengalihkan perhatian daripada beratus-ratus juta ringgit yang ia telah membelanja di dalam pilihanraya umum yang berlangsung baru-baru ini dengan melemparkan tuduhan-tuduhan terhadap pihak Pembangkang, sanggup membenarkan dirinya diperiksa secara penuh dan menyeluruh oleh suatu pemeriksaan awam ke dalam perbelanjaan-perbelanjaan pilihanraya serla juga sumber-sumber pembiayaan

untuk membuktikan bahawa ianya tidak mengamalkan politik wang dan rasuah.

Undang-undang pilihanraya menghadkan perbelanjaan-perbelanjaan pilihanraya seorang calon Parlimen kepada \$50,000 dan seorang calon Dewan Negeri pula kepada \$30,000. Hanya pihak Pembangkang mematuhi had undang-undang sedemikian. (*Tepuk*) Sementara bagi calon-calon Barisan Nasional pula had sedemikian tidak cukup untuk menampung perbelanjaan hari pertama kempen pilihanrayanya. Ada kalanya politik wang dan rasuah ini diamalkan bersama dengan politik penakutan untuk memastikan kesan yang lebih besar. Di Dinding dan di kawasan Hilir Perak, pengundi-pengundi telah diberi wang pada malam menjelang hari mengundi dengan pesanan bahawa mereka harus menggunakan wang tersebut untuk membeli beras dan barang runcit sekiranya berlaku kekacauan atau peristiwa 13 Mei pada hari mengundi.

Satu lagi sebab penting mengapa pilihanraya umum baru-baru ini adalah begitu tidak bebas, adil dan jujur adalah kerana penggunaan politik penakutan dan ugutan yang paling malu dan yang begitu ketara oleh Barisan Nasional dan UMNO dalam sejarah pilihanraya Malaysia.

Lima hari sebelum hari mengundi Yang Amat Berhormat dalam ceramahnya di Johor Bahru pada 10hb Oktober lelah membangkitkan hantu 13 Mei dengan membayangkan bahawa jika Barisan Nasional gagal untuk mengekalkan majoriti 2/3nya, maka peristiwa 13 Mei akan berulang. Pada 19hb Oktober Barisan Nasional dan UMNO telah menyiarkan iklan yang terbesar, satu mukasurat di *Utusan Malaysia* dan iklan berwarna sebesar, satu mukasurat, di akhbar harian bahasa Cina iaitu *Nanyang Siang Pau*, untuk menimbulkan kerisauan dan rasa cemas di kalangan para pengundi. Di dalam

akhbar *Utusan Malaysia*, iklan tersebut bertajuk "Sokong Membawa Rebah", semeniara di dalam akhbar *Nanyang Siang Pau* tajuknya adalah "Peringatan Semula Sejarah". Tetapi kedua-duanya memaparkan gambar yang sama yang memaparkan pertumpahan darah, keganasan, kebakaran dan pembunuhan besar-besaran—inilah iklan sepenuh mukasurat itu, dengan izin, arson, carnage, violence, bloodshed, killing. Inilah taktik-taktik Barisan Nasional (UMNO) yang kotor dan keji (*Tepuk*)—"Sokong Membawa Rebah". Mana ada maruah, mana ada standard, mana ada ethics. Kesan gambar tersebut adalah berkali-kali lebih menakutkan berbanding dengan rangkaikata yang terdapat di bawah gambar tersebut dan ia secara serta merta menyampaikan pesanan bahawa jika Barisan Nasional dan UMNO kalah dalam pilihanraya umum pada 21hb Oktober, satu lagi peristiwa 13 Mei dengan pertumpahan darah, keganasan, kebakaran dan pembunuhan besar-besaran akan berulang.

Walaupun gambar keganasan tersebut memaparkan peperangan Melaka, iaitu diantara angkatan laut Portugis dan orang-orang Melayu, niat gambar tersebut adalah nyata di mana ia cuba mewatakkan Semangat 46 sebagai pengkhianat bangsa Melayu. Umpamanya mereka yang bertanggungjawab terhadap kejatuhan empayar Melaka Melayu, sementara rakyat Malaysia Bangsa China pula diwatakkan sebagai orang-orang Portugis ketika itu. Kata-kata yang digunakan di dalam *Utusan Malaysia* telah diubahsuai dan ditukar dengan tujuan supaya gambar pertumpahan darah, keganasan, kebakaran dan pembunuhan besar-besaran tersebut membawa maksud yang berlainan kepada masyarakat yang berlainan yang membaca kedua-dua akhbar tersebut tetapi dengan niat yang sama iaitu akan berlaku keganasan dan pergaduhan antara kaum. Saya tidak dapat memikirkan sebuah iklan yang lebih berbau perkauman, yang lebih

menghasut dari segi kesan pembayangan dan penglihatan di dalam sejarah media Malaysia.

Iklan ini mesti dianugerahkan sebagai iklan yang paling berbau perkauman dan yang paling menghasut di dalam sejarah Malaysia. (*Tepuk*) Siapa mahu mempertahankan iklan ini?

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: You champion iklan ini?

Tuan Othman bin Abdul: Beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: You champion berdiri, saya beri jalan, tidak mahu jadi champion, jangan berdiri.

Tuan Othman bin Abdul: Boleh beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Othman bin Abdul : Okay, Tuan Yang di-Pertua. Kita berkempen tentang peristiwa 13 Mei 1969, kerana DAP memang, walaupun telah menang, tidak dapat majoriti di Negeri Selangor, tetapi telah menunjukkan sikap biadap, walaupun tidak dapat memerintah Negeri telah menunjukkan sikap angkuh, sombong, biadap dengan mengemukakan tuntutan-tuntutan yang berbagai rupa dan menunjukkan berbagai-bagai perkataan "Orang Melayu, orang kampung, balik kampung, "Melayu Kurang Ajar" "Kita Mahu Halau Orang Melayu Balik Kampung", dan kita mengingatkan orang Melayu bahawa inilah negaia kita. Tercatat di dalam sejarah negara, sikap biadap DAP ketika 13 Mei, 1969. Tiada sesiapa dapat menafikan soal ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Tuan Othman bin Abdul :Catatan dalam buku, baca buku yang ditulis oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, dalam itu terang menjelaskan.....

Beberapa Ahli: Duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang:Jangan begitu biadap, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Semua duduk dahulu!

Tuan Othman bin Abdul : Sikap angkuh DAP, sombong DAP.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak minta penjelasan?

Tuan Othman bin Abdul:Ya, saya hendak menjelaskan bahawa kita membangkitkan soal peristiwa 13 Mei itu adalah untuk mengingatkan rakyat Malaysia.....

Tuan Lim Kit Siang:*(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):Yang Berhormat-Yang Berhormat, sila duduk semua!

Tuan Othman bin Abdul:...untuk mengingatkan rakyat Malaysia bahawa sikap angkuh DAP.....

Beberapa Ahli:Duduk, duduk!

Tuan Othman bin Abdul:Apa saya peduli!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk semua, sila bertenang.

Tuan Othman bin Abdul: Dia beh saya jalan. Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk dahulu, duduk semua!

Tuan Othman bin Abdul: Tadi cabar. Saya terima cabaran itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak eloklah kita cabar mencabar di sini. Kalau minta penjelasan, sila.

Tuan Othman bin Abdul:Okay.

Tuan Lim Kit Siang:Saya mahu teruskan, saya tidak beri.

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak menjelaskan pembohongan DAP.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):Sudahhabiskahbelum?

Tuan Lim Kit Siang:Itu bukan penjelasan.

Tuan Othman bin Abdul:Tadi Ketua Pembangkang sudah beri laluan kepada saya, saya hendak menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):Apa soalan itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak menjelaskan tentang peristiwa 13 Mei 1969.

Tuan Lim Kit Siang:Saya tidak mahu beri jalan sekarang.

Tuan Othman bin Abdul:Penakut, penakut, penakut!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) Sila duduk!

Tuan Othman bin Abdul:Penakut, penakut!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang:Tadi saya kala, kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berani untuk mempertahankan iklan-iklan yang begitu tidak bertanggungjawab, saya akan beri jalan dan dia kata dia berani mempertahankan bahawa iklan itu palut, adil, betul. Tetapi bila dia berdiri, dia bohong, dia tidak berani, dia pengecut.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:Dan saya tidak akan membuang masa atas seorang yang bohong, yang pengecut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):Yang Berhormat, sila luruskan, jangan menyentuh yang tidak berkenaan.

Tuan Othman bin Abdul:Beri jalan, saya hendak mcnjelaskan tentang 13 Mei itu.....

Tuan Lim Kil Siang: Saya tidak mahu beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang:Dia sudah tipu Dewan yang mulia ini.

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak menjelaskan.....

Tuan Lim Kit Siang:Dia sudah tipu Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk!

Tuan Othman bin Abdul:Saya hendak tunjukkan tentang iklan itu.....

Tuan Lim Kit Siang:Saya mahu teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan menyimpang yang tidak berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang bohong lidak berguna.

Tuan Othman bin Abdul:Memang pembohong, yang pembohong ialah Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya percaya bahawa tidak seorang pun pemimpin parti Pembangkang yang ditahan dahulu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kononnya menyemarakkan perasaan kebencian antara kaum pernah menyatakan atau menimbulkan sesuatu yang sampai 5% atau 10% daripada apa yang dipaparkan dalam iklan sepenuh satu mukasurat akhbar itu dari segi provokasi serta unsur mengapi-apikan dan hasut-hasutannya, tetapi ada orang yang berani mahu berdiri untuk mempertahankannya. Tetapi apakah pihak Cawangan Khas kita telah mengambil apa-apa tindakan terhadap orang-orang yang bertanggungjawab ke atas iklan yang berbau begitu perkauman dan mengapi-apikan di mana ia menerangkan bahawa iklan itu "ditaja oleh rakyat Selangor Darul Ehsan dan akan terus memilih kepimpinan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga akan terus menyokong kepimpinan Dato Menteri Besar kita Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Muhammad bin Haji Muhammad Taib."

Jika pihak Polis tidak bersedia atau tidak mampu menjalankan tugasnya untuk menghukum penaja iklan-iklan yang racist dan bersifat mengapi-apikan itu, eloklah diadakan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk mencari identiti sebenar orang-orang yang menaja iklan tersebut (*Tepuk*), dan saya tidak

mensyaki bahawa orang-orang yang terlibat tidak dapat dikesani di peringkat pimpinan tertinggi UMNO dan Kerajaan.

Saya mahu tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan terus terang sama ada beliau telah membenarkan iklan peri pengundian yang begitu racist dan bersifat mengapi-apikan, memaparkan pertumpahan darah, kegasan, rusuhan dan pembunuhan beramai-ramai dan memberi penjelasan selaku Menteri Dalam Negeri mengapa pihak Polis tidak mengambil sebarang tindakan terhadap penaja iklan-iklan tersebut. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, tidak puas pula dengan politik wang dan rasuah dan politik penakutan dan peras ugut, Barisan Nasional dan UMNO tidak pula malu mengeksploitasikan politik dusta, politik pembohongan, untuk menakutkan dan memaksa orang-orang Melayu mengundi UMNO, kononnya untuk menyelamatkan bangsa Melayu dan agama Islam daripada dijahanamkan.

Melalui penguasaannya ke atas media elektronik dan cetak khasnya rangkaian-rangkaian televisyen dan media Bahasa Malaysia, mereka telah memaparkan Presiden Semangat 46 sebagai seorang yang telah menjualkan maruah dan bangsa Melayu dan mengkhianati agama Islam. Sebagai bukti rangkaian-rangkaian televisyen telah menyiarkan terus-menerus gambar Presiden Semangat 46 dengan tengkolok Kadazan apabila beliau mclawat Sabah pada 18hb Oktober, 1990 dan mendakwa bahawa ia mengandungi simbol salib yang membuktikan bahawa Presiden Semangat 46 Yang Berhormat daripada Gua Musang telah menjual Islam kepada orang-orang Kristian di Sabah. Kedua-dua televisyen dan media Bahasa Malaysia telah menyemarakkan perasaan perkauman orang-orang Melayu dan sensitiviti-sensitiviti

keagamaan dengan mendakwa bahawa orang-orang Melayu di seluruh negara telah naik marah terhadap Yang Berhormat dari Gua Musang kerana pengkhianatannya. Misalnya pada 19hb Oktober, *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* telah memaparkan gambar yang besar yang menunjukkan Presiden Semangat 46 dengan tengkolok Kadazan yang mengandungi sesuatu yang kononnya adalah salib. Saya pun ada isu ini—gambar besar, nanti! ada lagi gambar yang lain.

Seorang Ahli: Main kotor—tidak ada maruah.

Tuan Lim Kit Siang: Gambar ini diterbitkan semula sehingga hari pengundian, dua hari kemudian, untuk mengukuhkan perasaan perkauman orang Melayu terhadap pengkhianatan kononnya kepada bangsa Melayu dan agama Islam. Tanpa peluang untuk menggunakan media khasnya televisyen, Parti Semangat 46 langsung tidak dapat menjawab dusta-dusta dan fitnah-fitnah yang disebar pada hari-hari terakhir tempoh kempen pilihanraya dan ia juga tidak dapat menghalang orang-orang Melayu yang pada asalnya ingin mengundi Semangat 46 dan Gagasan Rakyat daripada ditakut-takutkan untuk kembali ke pangkuan UMNO. Tidak syak lagi bahawa kemampuan UMNO untuk memenangi 71 kerusi dan menafikan Parti Semangat 46 peluang untuk mendapat sekurang-kurangnya 30 kerusi Parlimen adalah kerana UMNO telah melancarkan kempen yang paling tidak bertanggungjawab dan tidak jujur di mana melalui penguasaan ke atas media elektronik dan media cetak Bahasa Malaysia, ia telah menggunakan tengkolok Kadazan itu dalam tiga hari kempen terakhir untuk menyebarkan dusta-dusta. Betul—selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah menang, tetapi beliau menang secara tidak mulia, satu kemenangan without honour. *(Tepuk)*

Seorang Ahli: Tidak ada maruah.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu? Satu kemenangan—a victory without honour, dengan izin.

Timbbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat teruskan, jangan buat dailog di sini.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah mengapa saya telah menyatakan bahawa kemenangan Barisan Nasional dan UMNO dalam Pilihanraya Umum 1990 adalah satu kemenangan yang tidak mulia, kerana ia memang dengan cara menggunakan dusta, Citnah, tipu helah, takut-menakut, peras ugut dan rasuah....

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang:...yang bohong, orang tidak berani, saya tidak mahu memandang.....

Tuan Othman bin Abdul: Takut!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.....

Tuan Otbroan bin Abdul: Saya hendak beritahu Yang Mulia—tetapi kalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Othman bin Abdul: Yang Mulia kalah, Ketua DAP Dr Chen Man Hin mana dia? Mana Ketua DAP? Tidak ada ketua DAP.

Tuan Lim Kit Siang:.... ber-langgungjawab bagi media elektronik Bahasa Malaysia sedar bahawa

tengkolok Kadazan itu bukan tengkolok orang Kristian sepertimana dijelaskan oleh Archbishop Tan Sri Yendargan dan Bishop Dr Denis Dutton. Bagi pihak Christian Pederation of Malaysia dalam suatu kenyataan bersama yang dikeluarkan pada 19hb Oktober 1990 yang menyatakan bahawa tengkolok yang dipakai oleh Presiden Semangat 46 bukanlah tengkolok Kristian, tetapi tengkolok yang dikurniakan oleh masyarakat Kadazan sebagai suatu penghormatan kepada tetamu mereka. Sebenarnya salib yang kononnya terdapat dalam tengkolok Kadazan itu adalah pucuk ubi dan kebanyakan tengkolok sedemikian adalah dibuat oleh masyarakat Bajau yang kebanyakannya beragama Islam.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar akan hakikat ini, orang-orang yang bertanggungjawab ke atas media elektronik dan Bahasa Malaysia sedar juga kerana selama 27 tahun sejak kemasukan Sabah ke Malaysia pemimpin-pemimpin, baikpun dari Kerajaan Pusat atau UMNO yang melawat Sabah pernah diberi penghormatan memakai tengkolok Kadazan ini. (*Tepuk*)

Pada hakikatnya beberapa hari sebelum Presiden Semangat 46 melawat Sabah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memakai tengkolok Kadazan yang sama (*Tepuk*) dengan salibnya apabila Perdana Menteri melawat Sabah. Saya ada gambar ini, baca 'Roket' baru. (*Tepuk*) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan tengkolok saltb.

Seorang Ahli: Malulah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada gambar ini untuk menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memakai tengkolok Kadazan ini, yang menyerupai salib pula menimbulkan satu tanda tanya yang besar, jika tengkolok yang dipakai oleh Tengku Tan Sri Razaleigh mengandungi salib itu, maka

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun memakai salib itu (*Tepuk*). Jika> Tengku Tan Sri Razaleigh telah menjualkan maruah dan bangsa Melayu dan mengkhianati agama Islam kepada orang-orang Kristian, Perdana Menteri pun sudah menjualkan maruah dan bangsa Melayu dan mengkhianati agama Islam kepada orang-orang Kristian Sabah (*Tepuk*). Mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membenarkan kempen yang begitu jahat dan dengki sedangkan beliau tahu kesemua ini tidak berlandaskan dan tidak berasas. Gambar satu di depan, satu lagi gambar di belakang, dengan tengkolok dan tari-menari.

Saya mahu, Tuan Yang di-Pertua, buat satu hypothesis. Sebaik sahaja selepas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sabah, Presiden Semangat 46 telah menggunakan gambar yang menunjukkan beliau memakai tengkolok Kadazan dan melancarkan satu kempen di seluruh negara untuk mengancam, untuk menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai orang yang menjual maruah dan bangsa Melayu dan mengkhianati agama Islam kepada agama Kristian di Sabah oleh kerana bukti ini, saya percaya Yang Berhormat dari Gua Musang sudah ditangkap di bawah Internal Security Act dan sudah dipenjarakan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mungkin membenarkan Yang Berhormat dari Gua Musang atau Semangat 46 untuk berkempen dengan menggunakan dusta dan fitnah semacam mereka sendiri ada menggunakannya. Barisan Nasional dan UMNO harus merasa betul-betul malu, kerana mereka sedia untuk menggunakan dusta dan fitnah untuk memenangi pilihanraya tanpa menghiraukan kesan-kesan buruk jangka panjang ke atas usaha pembinaan negara. Mereka yang tidak malu, tidak bermaruah betul. Misalnya per-sefahaman antara agama yang dipupuk selama itu telah menerima pukulan

hebat semasa pilihanraya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memularbeliikan.....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Ahli dari Larut bangun hendak apa?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Minta penjelasan, saya tidak pernah minta penjelasan dari dia.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Jangan mengikut contoh rakan di depan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri atau tidak?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak..... (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Yang Berhormat lain jangan menyampuk.....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya hendak penjelasan, tidakkah Ketua Pembangkang itu mengetahui bahawa Barisan Nasional memenangi pilihanraya sejak kita mencapai kemerdekaan lanpa tengkolok?

Tuan Lim Kit Siang: Sampai pilihanraya besar baru-baru ini. (*Ketawa*) Tetapi kali ini menang oleh kerana dusta-dusta fitnah tengkolok, kalau tidak isu tengkolok, Barisan Nasional sudah jatuh, sudah jahanam dan Perdana Menteri sudah menjadi Ketua Pembangkang. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyebut bahawa Barisan Nasional dan UMNO harus merasa betul-betul malu oleh kerana menggunakan isu agama. Misalnya, persefahaman antara agama yang dipupuk selama ini telah mencrima pukulan hebat semasa pilihanraya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memutarbelitkan permintaan Kerajaan Negeri PBS untuk mengadakan satu stesyen TV lempatan sebagai alat untuk menyebarkan agama Kristian, dan itu tidak benar. UMNO juga bertanggungjawab atas berkempen yang begitu jahat yang mana mereka menyebarkan sepucuk surat palsu yang direkakan kononnya dikirimkan oleh Pope kepada Ketua Menteri Sabah untuk mengucapkan tahniah di atas usahanya dalam menyebarkan agama Kristian dan menggalakkan beliau menjahanamkan agama Islam.

UMNO sekali lagi bertanggungjawab atas penyiaran satu terjemahan surat pekeliling DAP yang palsu yang direka untuk mendakwa bahawa matlamat terakhir DAP adalah untuk menjahanamkan orang Melayu supaya orang Cina dapat mengambilalih Malaysia dan menindas orang-orang Melayu. Matlamatterbesar politik fitnah dan dusta ini adalah untuk menjadikan orang Melayu merasa cemas seakan-akan bangsa Melayu dan agama Islam jahanam dan mereka hanya dapat diselamatkan jika mereka mengundi UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin UMNO mendakwa bahawa mereka mahu menerapkan nilai-nilai Islam dan moral yang murni dalam masyarakat dan di antara jenerasi muda Malaysia. Bagaimanakah mereka berharap memperolehi kredibiliti atau kepercayaan apabila keseluruhan kempen pilihanraya mereka penuh dengan amalan yang tidak bermoral, tidak bercitika seperti politik wang dan rasuah, politik penakutan dan ugutan serta politik fitnah dan dusta? Adakah Kerajaan Barisan Nasional dan

pemimpin-pemimpin UMNO mempunyai humility dan kesopanan untuk mengakui bahawa mereka telah melalui Televisyen dan bahan cetak Bahasa Malaysia memfitnahkan Yang Berhormat dari Gua Musang dengan menggambarkan secara palsu yang beliau telah menggadaikan maruah bangsa Melayu dan Islam kerana memakai tengkolok Kadazan? Adakah beliau bersedia untuk memohon maaf secara terbuka kepada beliau dan tanpa syarat di Dewan ini apabila beliau menggulung perbahasan kerana menjalankan kempen atau membenarkan kempen yang penuh dengan dengki, fitnah dan dusta yang bertentangan dengan rukun-rukun agama?

Tuan Othman bin Abdul : Minta jalan, minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang bohong, saya tidak boleh lihat.

Tuan Othman bin Abdul : Saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang bohong, saya tidak boleh lihat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong, hendak beri jalankah atau tidak?

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak minta penjelasan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang saya tidak boleh lihat, saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan buat ulasan, hendak beri ataupun tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang pengecut, orang yang pembohong, saya tidak mahu lihat.

Tuan Othman bin Abdul: Kalau tidak pengecut, bagilah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): *(Kepada Tuan Othman bin Abdul)* Dia tidak bagi.

Tuan Othman bin Abdul: Saya minta penjelasan sedikit sahaja. *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk! Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila duduk!

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak minta penjelasan. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah halau dia daripada Dewan, sebab dia melanggar arahan Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Othman bin Abdul: Saya boleh keluar sendiri, tidak payah halau. Saya boleh keluar sendiri. Bagi jalan sahaja. Saya hendak minta satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk! Dia tidak bagi. Teruskan, Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berfikir bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sanggup memohon maaf dan inilah sebabnya mengapa DAP menyeru supaya sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk menyiasat Pilihanraya Umum 1990, kerana dalam sejarah Malaysia belum pernah ada pilihanraya umum yang begitu kotor dan tidak mulia, terdapat juga-fitnah dan dusta-dusta serta maklumat-maklumat palsu yang lain selama sepuluh hari kempen Pilihanraya Umum baru-baru ini.

Satu perkara yang nyata telah dirancang rapi awal-awal lagi oleh Barisan Nasional ialah apa yang didakwa sebagai pendedahan surat-surat daripada bekas Pengerusi BMF Lorrain Osman semasa puncak Kempen Pilihanraya. Akhbar *The New Straits Times* pada 17hb Oktober telah memuatkan laporan di mukasurat pertama di bawah tajuk utama BMF: Lorrain blames Razaleigh dengan catatan tarikh London yang bermula dengan laporan berikut, dengan izin:

"Former Bumiputra Malaysia Finance Limited Chairman Lorrain Esme Osman today broke tye silence he maintained throughout his five-year imprisonment here and accused two persons—Tengku Razaleigh Hamzah and Ibrahim Jalil—of being responsible for the BMF scandal.

He alleged that the two men more than anyone else were responsible for my imprisonment, one by his lies, the other by his silence and lies.

Lorrain said: It was Razaleigh more than anyone who was responsible for what happened in Hong Kong to BMF and Carrian."

Tuan Yang di-Pertua, Lorrain juga mengeluarkan empat pucuk surat untuk membabitkan Yang Berhormat dari Gua Musang sebagai penjenayah utama dalam skandal BMF. Apa yang menarik ialah kenyataan yang kononnya dikeluarkan oleh Lorrain Osman telah ditandatangani pada 15hb Oktober, diedarkan di London pada 16hb Oktober kepada akhbar Malaysia yang dimiliki atau dikuasi oleh UMNO dan diterbitkan di Malaysia pada 17hb Oktober, iaitu empat hari sebelum hari pemungutan undi.

Ketetapan pengeluaran surat-surat tersebut begitu baik dan ia merupakan satu operasi hitam (black operation), yang dirancang rapi terlebih dahulu oleh Barisan Nasional dengan tujuan politik yang satu sahaja iaitu untuk

mencemarkan nama Presiden Semangat 46 dalam Pilihanraya Umum. Perlanyaan yang timbul dengan serta-merta ialah bagaimana Lorrain, banduan remand yang ditahan paling lama dan dipindahkan ke penjara Brixton yang ketat keselamatannya dari Pentoiwille Prison cuma dua minggu dahulu dapat menyeludup kenyataan dan empat pucuk suratnya untuk membabitkan Tengku Razaleigh dan mengedarkannya kepada akhbar Malaysia dari London bagi mempengaruhi keputusan pilihanraya besar.

Menurut laporan *Utusan Malaysia* pada hari yang sama, saya quote:

"Lorrain membuat pendedahan-pendedahan tersebut di dalam satu kenyataan khususnya bertarih semalam yang diedarkan kepada para wartawan Malaysia di sini melalui wakil peguamnya pagi ini—melalui peguamnya pagi ini. Wakil Lorrain itu juga menunjukkan kepada para wartawan empat salinan dokumen untuk menyokong tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Lorrain itu."

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kes ini menjadi lebih mysterious selepas satu laporan *BERNAMA* dari London pada minggu yang lepas mengenai perbincangan permohonan *habeas corpus* kempat Lorrain yang mencabar prosiding extradisi Kerajaan Hong Kong untuk membawa bekas Pengerusi BMF itu untuk dibicarakan di tanah jajahan Britain atas 42 kesalahan jenayah bersabit dengan skandal kewangan BMF Carrian. *BERNAMA* melaporkan bahawa peguam Lorrain, Martin Thomas QC telah menafikan bahawa Lorrain Osman telah mengedarkan surat-surat yang disiarkan di dalam media Malaysia semasa kemuncak Pilihanraya Umum yang dianggap sebagai satu kebenaran oleh media elektronik dan cetakan yang dimiliki atau dikawal oleh Kerajaan. Peguam Lorrain membuat penafian ini semasa menjawab peguam yang

mewakili Kerajaan Hong Kong Clive Nicholls QC yang menyatakan bahawa surat-surat yang dikemukakan oleh Lorrain Osman semasa kempen pilihanraya umum di Malaysia menunjukkan bahawa Lorrain Osman mempunyai access kepada dokumen-dokumen yang Kerajaan Hong Kong sendiri tidak dapat. Misteri surat Lorrain Osman semakin bertambah apabila peguam Kerajaan Hong Kong menafikan sebarang pengetahuan mengenai surat tersebut sementara peguam Lorrain mengesakan bahawa Lorrain tidak tahu-menahu tentang surat-surat tersebut dan tidak pernah mendedahkannya. (Tepuk) Jadi siapakah yang mendedahkan surat-surat Lorrain Osman ketika masa kempen Pilihanraya Umum bulan lalu yang cuba memusnahkan kredibiliti Persiden Semangat 46?

Utusan Malaysia mengatakan surat-surat tersebut telah didedahkan oleh wakil peguam Lorraine. Tetapi ini telahpun dinafikan oleh peguam Lorraine, Martin Thomas Q.C. di mahkamah tersebut di London.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah banyak bergantung kepada surat-surat Lorraine Osman yang penuh dengan misteri sehingga beliau memberitahu wakil akhbarasing selepas pilihanraya umum bahawa surat-surat tersebut telah menunjukkan bukti baru yang menjadi asas untuk membuka semula siasatan polis di dalam skandal BMF. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa Yang Berhormat dari Gua Musang boleh dipenjarakan kerana rasuah sekiranya surat-surat Lorraine Osman dapat disokong dengan bukti atau substantiated. Soal sekarang bukan sama ada surat-surat Lorraine Osman boleh disubstantiated tetapi soalnya ialah sama ada surat-surat tersebut adalah surat-surat palsu atau direka semacam surat daripada Pope kepada Ketua Menteri Sabah atau semacam satu concoction....

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat): Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun hendak apa? Minta penjelasan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat): Hendak berikah?

Tuan Lim Kit Siang:Boleh janji tidak ikut apa yang dibuat rakan belakang. Kalau mahu ikut, tidak mahu berjanji, tidak mahu beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat): Beri atau tidak Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang:Boleh jamin atau tidak boleh jamin.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Boleh jamin.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Bersopan, teratur dan disiplin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat): Sila.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tadi Ketua Pembangkang, Ahli Parlimen dari Tanjong mengaiakan bahawa selepas pilihanraya pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih lagi membuat quotation dari surat-surat yang telah diedarkan, yang kononnya diedarkan dan dikeluarkan di dalam akhbar. Kalau sekiranya Yang Amat Berhormat tidak percaya bahawa surat ini wujud, tidak mungkin beliau akan membuat quotation daripada surat-surat ini selepas pilihanraya kerana Barisan Nasional sudah menang pilihanraya tidak ada

sebab kenapa Perdana Menteri mesti buat quotation daripada sural-surat berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang:Sampai sekarang kita tidak tahu mana itu surat? (*Ketawa*) Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu surat itu sebenarnya ada?

Tuan Othman bin Abdul: Tadi cakap ada!

Tuan Lim Kit Siang:Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu surat itu sebenarnya ada?

Tuan Othman bin Abdul:Tadi cakap ada!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat): Yang Berhormat, saya ingin memperingatkan semua Yang Berhormat sebelum dapat kebenaran daripada saya jangan berucap. Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang:Sekarang peguam Lorraine kata tidak ada surat, tidak diedarkan oleh beliau. Siapa edarkan surat itu. Adakah ini lagi satu rekaan. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan petikan-petikan (quotation) untuk menunjukkan bahawa dia percaya, saya harap bahawa Perdana Menteri boleh menunjukkan keempat-empat surat itu. Dan ini menimbulkan satu soalan sama ada orang yang mengedarkan surat-surat itu yang menggunakan nama Lorraine Osman ialah Perdana Menteri sendiri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab):Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta penjelasan sedikit?

Tuan Lim Kit Siang:Tidak, saya mahu teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak boleh bahas lagi.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Saya gentleman, tidak beri, saya duduk! Bukan macam orang belakang-belakang itu, yang bercakap seorang, yang lain janganlah cakap!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri. Sila duduk!

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Saya duduk, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan ialah sama ada adakah ini satu rekaan, satu concoction; semacam concoction surat dari Pope kepada Ketua Menteri Sabah atau concoction, pembohongan semacam dibuat oleh Presiden Gerakan mengenai "Jakarta Meeting" antara pemimpin-pemimpin DAP dan PAS. Nampaknya pihak pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tabiat mereka ialah selalu cakap bohong.

Tuan Yang di-Pertua, DAP sentiasa dan telah berkali-kali meminta pembentukan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja untuk menyiasat sedalam-dalamnya skandal terbesar iaitu skandal BMF dan saya rasa kredit kepada Yang Berhormat dari Gua Musang yang dipersalahkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang sebagai punca skandal BMF telah berulang kali telali mendesak Kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja. Saya telah membuat seruan ini di Parlimen pada Mac 1986 semasa saya membahaskan Laporan Jawatankuasa Ahmad Noordin. Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin yang mengandungi.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (Bangun)

Tuan Othman bin Abdul: Bangun

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun hendak apa?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya hendak betulkan penjelasan. Saya hendak betulkan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia boleh betul dalam ucapannya, tidak payah betulkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini hendak minta penjelasankah atau tidak.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya tidak ada ucapan untuk ini. Tetapi...

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak ada ucapan, jangan betulkan. Nanti boleh berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti boleh bercucap dalam perbahasan.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Barisan Nasional tidak pernah mengatakan bahawa Menteri Kewangan yang lalu bersalah. Cuma DAP yang selalu mengatakan di dalam Dewan ini bahawa Menteri Kewangan yang lalu (Tepuk).....

Tuan Lim Kit Siang: Boleh betulkan dalam ucapannya sendiri...

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Jangan cuba hendak menegakkan benang basah.....

Tuan Lim Kit Siang: Mana sebab.....halau dia daripada Dewan ini. (Tepuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya kerusi tidak dihormati.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul : 85. Sila beri jalan! Hendak betulkan fakta.

Beberapa Ahli: Duduk! duduk!

Tuan Othman bin Abdul: Hendak betulkan fakta! Di hadapan Ahli Parlimen Gua Musang kita minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau orang itu tadi ada ikut peraturan, kita ada beri, sekarang tidak beri.

Tuan Othman bin Abdul: Saya minta jalan. Di depan Yang Berhormat dari Gua Musang, saya minta jalan ini...

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri. Tidak boleh terus.

Tuan Othman bin Abdul: Hendak betulkan fakta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk, dia tidak beri.

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak betulkan fakta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 44, halau dia. Kacau-kacau sahaja.

Tuan Othman bin Abdul: Ada, ada; ini kita pun ada. (Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat) Ada Standing Order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Halau dia!

Tuan Othman bin Abdul: Hendak membetulkan fakta depan Ahli Parlimen Gua Musang. Please! Gentleman

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Laporan. apa gentleman.

Tuan Othman bin Abdul: Gentleman beri. Saya hendak minta penjelasan, depan Yang Berhormat Ahli Parlimen Gua Musang.....

Tuan Lim Kit Siang: Dalam Laporan Ahmad Noordin, Chooi Mun Sou dan Ramli Ibrahim telah mencadangkan supaya.....

Tuan Othman bin Abdul: Hendak betulkan fakta, tidak berani?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila berhenti sekejap. Sekali lagi saya ingin memperingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat berkenaan jangan membuat kekecohan yang tidak selari dengan budaya kita di sini (*Tepuk*) dan saya memang tidak mahu menggunakan kuasa saya dalam Peraturan Mesyuarat 44 (1) untuk bertindak. Ini kata dua kepada mereka yang terlibat. Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Faham?

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Tengok lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Jawatan-kuasa....

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bangun hendak minta apa?

Tuan Othman bin Abdul:Hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang:Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri.

Tuan Othroan bin Abdul:BMF, hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri.

Tuan Lim Kit Siang:Saya tidak beri.

Tuan Othman bin Abdul:Hendak penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang:Tidak beri, tidak beri.

Tuan Othman bin Abdul:Memang dia penakut. Penakut!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Ya, sila.

Tuan Haji Ibrabim bin Ali:Tuan Yang di-Pertua, point of order. Dewan ini bukan sarkas dan oleh kerana dia bukan sarkas, kalau tidak mengikut peraturan, saya minta Tuan Yang di-Pertua gunakan kuasa halau keluar, jangan kira mana pihak. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):Yang Berhormat dari Pasir Mas, point of order yang berapa? Jangan buat ulasan sahaja. Order yang berapa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:Itu sahaja saya hendak cakap. (*Ketawa*) Itu sahaja point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat dari Tanjong. Itu bukan point

of order, itu ulasan. Jangan campur aduk. Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin telah mencadangkan supayapenyiasatan yang lebih lanjut dijalankan dalam banyak lagi bidang penting skandal tersebut yang dibekalkan oleh Jawatankuasa Penyiasatan kerana Jawatankuasa tersebut hanya mempunyai kuasa-kuasa terhad dan syarat-syarat rujukan yang terbatas.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Walau bagaimanapun Kerajaan terus melibatkan diri dalam operasi untuk menutup skandal tersebut dengan tujuan memujuk rakyat Malaysia mempercayai bahawa hanya empat orang sahaja yang terlibat dalam skandal BMF iaitu Lorrain, Hashim Shamsuddin, Rais Saniman dan Ibrahim Jaafar ke atas pencurian dan penipuan wahg awam yang berlaku di dalam skandal bank dan kewangan yang terbesar sekali di Malaysia.

Rakyat Malaysia yang berttkiran waras menolak jawapan yang remeh temeh itu kerana sekiranya Kerajaan tidak ada apa-apa untuk disembunyikan maka ia harus mengalu-alukan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja untuk mengikis semua sekali segala keraguan dan kesangsian tentang penglibatan politik atasan di dalam skandal BMF.

Kalau sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempersalahkan Yang Berhormat dari Gua Musang sebagai bertanggungjawab ke atas skandal BMF dan Yang Berhormat dari Gua Musang pula secara terbuka meminta ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja mengapakah dan kenapakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berasa begitu segan dan malu untuk memenuhi permintaan tersebut jika penyiasatan tersebut akan mendedahkan, mengikut Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri, kesalahan Yang Berhormat dari Gua Musang kecuali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai sesuatu untuk disembunyikan daripada Suruhanjaya Siasatan DiRaja itu.

Parlimen harus mengambil perhatian bahawa dalam permohonan *habeas corpus* Lorrain yang terakhir, peguam beliau dalam hujahnya dalam Mahkamah Tinggi England telah merujuk kepada sepucuk surat yang ditulis oleh George Tan kepada Rais Saniman, Ketua Bahagian Antarabangsa Bank Bumiputra pada ketika itu dan salinannya telah dihantar kepada Dato' Musa, Timbalan Perdana Menteri ketika itu. Surat tersebut berkenaan dengan sebuah projek pembangunan di Johor Bahru telah mengesahkan kesanggupan Carrian untuk memperolehi 50% saham di dalam projek tersebut. Sementara lain-lain saham dipegang oleh UMNO dan Kerajaan Johor. Di dalam surat tersebut George Tan telah berkata bahawa Carrian sudi menderma 20% daripada keuntungan bersih kepada Tabung Bangunan UMNO. Ini mempunyai erti yang serius dan meluas.

Ia mencadangkan bahawa selain daripada mereka yang disebut dari masa ke semasa oleh Barisan Nasional dengan tujuan untuk mencemarkan kredibiliti politik mereka, terdapat juga orang-orang lain seperti dikatakan oleh Martin Thomas, Q.C., dengan izin, 'personalities in the Government' yang mengetahui apa yang berlaku sebagaimana yang didakwa oleh Lorrain Osman dalam affidavitnya, mereka terlibat dalam meluluskan pinjaman kepada Carrian.

Di dalam akhbar Star bertarikh 21hb November 1990, peguam Lorrain selepas merujuk kepada sebuah dokumen yang menunjukkan Kerajaan Malaysia mempunyai kepentingan kewangan di dalam dua institusi kewangan sahaja masa itu—Bank Bumiputra dan Malayan Banking—telah

dilaporkan membuat kenyataan ini dan dengan izin, satu paragraph;

"Thus your Lordship sees how central Bank Bumiputra is in the economic policy of the UMNO Government. It was evident from the way the Government handled BMF affairs, that it did not wish to let the full facts to come before the public view. The Noordin Report itself was inconclusive and left many questions unanswered".

Pendedahan mengejutkan tentang sumbangan George Tan kepada Tabung Pembangunan UMNO itu memerlukan satu siasatan yang menyeluruh dan tidak tersekat dan ini merupakan satu alasan lagi kenapa satu Jawatankuasa Penyiasatan Diraja harus ditubuhkan untuk menyiasat hubungan sebenarnya antara skandal BMP dan Pusat Dagangan Dunia Putra UMNO serta menyiasat akar umbi segala skandal di Malaysia.

Dalam Laporan Khas, Bahagian III Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin menyarankan supaya laporan polis dibuat terhadap Pengerusi serta Pengarah-Pengarah Bank Bumiputra kerana bersubahat untuk menipu pemegang-pemegang saham BMMF. Scmenjak USS85 juta serta melanggarkan tanggungjawab perundangan berhubung dengan keputusan Lembaga Pengarah pada 20 Mei 1983 untuk membeli harta-benda Carrian di Amerika Syarikat, malangnya tiada tindakan susulan yang positif diambil oleh pihak-pihak berkuasa yang berkecuaan baikpun oleh Bank Bumiputra mahupun polis.

Sekarang di dalam Dewan ini kita mempunyai seorang Ahli baru yang ada disarankan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin supaya laporan polis dibuat terhadapnya berhubung dengan skandal BMF. Ia adalah Ahli Parlimen baru dari Tambun. Beliau adalah Pengerusi BMMF pada ketika pembelian harta-benda Carrian

dibuat secara palsu di Amerika Syarikat. Kita meminta dan menuntut bahawa beliau memberi Dewan ini satu penerangan penuh mengenai peranannya di dalam skandal BMF bernilai \$2.5 billion itu apabila beliau membuat ucapan sulungnya di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional, Peguam Negara dan pihak Polis harus menerangkan kenapa mereka tidak mengambil sebarang tindakan tentang saranan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin sejak Hma tahun kebelakangan ini supaya mereka yang bertanggungjawab dalam skandal BMF disiasat dan didakwa. Umpamanya, mengapa Peguam Negara tidak mengambil tindakan untuk mendakwa ke mahkamah empat pegawai BMF yang berkenaan ke Malaysia kerana peranan mereka dalam skandal tersebut terutama kerana rasuah, sebab Seksyen 27 Akta Pencegahan Rasuah 1961 memberi kuasakepada mahkamah Malaysia untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh rakyat Malaysia di luar negeri.

Mengapakah Peguam Negara tidak berusaha untuk mendakwa Lorrain Osman dari Britain ke Malaysia untuk dibicarakan kerana pencurian, penipuan dan rasuah di dalam skandal tersebut. Sebaliknya Kerajaan Barisan Nasional kelihatan ingin mengharumkan balik nama empat pegawai-pegawai BMF itu seperti menaja penerbitan sebuah buku mengenai Dasar Ekonotni Baru yang dikarang oleh Rais Saniman, seorang pelarian, seorang fugitive yang bersembunyi di Perancis, oleh sebuah agensi Kerajaan, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, di bawah tajuk 'Growth and Ethnic Inequality'.

Dengan bukti-bukti baru yang sedia ada, telah tiba masanya di mana Kerajaan tidak harus menanggung lagi dalam pembentukan Suruhanjaya Penyiasatan Diraja ke dalam skandal BMF berilai \$2.5 billion. Dalam ucapan yang akhir

saya akan mencadangkan satu pindaan kepada usul Junjung kasih untuk menambahkan satu lagi fasal mengenai pcnubuhan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja ke dalam skandal BMF.

Sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Barisan Nasional masih terus menentang penubuhan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja ke dalam skandal BMF untuk menyiasat sebab-sebab sebenar serta pesalah-pesalah yang terlibat dalam skandal tersebut, maka pada masa-masa akan datang semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan UMNO haruslah didedahkan sebagai orang-orang yang mempunyai sebab-sebab khusus untuk tidak mahukan skandal BMF menyiasat dengan scpcnuh-pcnuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Pilihanraya Umum 1990 merupakan contoh yang paling baik bagaimana melalui politik wang dan rasuah, politik peras ugut dan penakutan, serta politik lipu dan kepalsuan, pengundi-pengundi telah ditipu harapan dan peluang mereka untuk menuntut perubahan politik yang diharapkan buat kali pertama dalam 33 tahun sejarah politik negara kita. Tidak dapat diragui bahawa hingga kempen tipu, racun perkauman dan hasutan agama pada saat-saat terakhir oleh UMNO dengan menggunakan sepenuhnya kuasa monopolinya ke atas televisyen dan media cetak Bahasa Malaysia, seluruh negara telah bersedia untuk perubahan pada 21hb Oktober dan ada kemungkinan bahawa satu perubahan politik boleh berlaku. Sckali pun tiada perubahan Kerajaan, Barisan Nasional sudah tentu akan kehilangan majoriti dua pertiganya dalam Parlimen.

Dalam kejadian kali ini, sungguhpun UMNO dan Barisan Nasional telah menipu pengundi-pengundi mengenai harapan mereka untuk perubahan dengan taktik-taktik yang paling keji dan tidak berprinsip dalam kempen tiga hari yang terakhir, Barisan Nasional hanya dapat

mencapai majoriti dua pertiga dengan memperoleh 127 daripada 180 kerusi berbanding dengan 148 daripada 177 dalam Pilihanraya 1986.

Satu huraian tentang keputusan Pilihanraya menunjukkan bahawa Barisan Nasional dapat mempertahankan majoriti dua pertiganya dengan kelebihan undi yang sedikit sahaja, iaitu 8,685 undi dalam lapan kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia.

Dengan kata-kata lain, sekiranya 4,343 pengundi dalam lapan kawasan Parlimen tersebut tidak dipengaruhi dengan kempen tipu dan racun perkauman dan hasutan agama Barisan Nasional pada saat-saat yang terakhir dan tetap menyokong Gagasan Rakyat, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja telah kehilangan majoriti dua pertiga dalam Parlimen, Pengerusi Gerakan, Pengerusi MIC pun akan ditewaskan dan dilemparkan keluar dari Parlimen dan lapan kawasan Parlimen yang berkecuaan ialah Seremban, Jelebu, Bruas, Parit Buntar, Besut, Nibong Tebal, Sungai Siput dan Teluk Intan.

Dalam Pilihanraya Umum kali ini Barisan Nasional dan UMNOlah yang memainkan peranan sebagai pelampau perkauman, chauvinis dan agama, penghasut sensitiviti-sensitiviti perkauman dan agama dengan tidak menghiraukan sama sekali bagaimana perbuatan itu akan merugikan perpaduan serta integrasi nasional. Sementara itu pihak Pembangkang bertindak dengan penuh bertanggungjawab sekali demi mengelakkan hasutan dan kelampauan perkauman dan agama (*Tepuk*) Rakyat Malaysia telah dirampas satu peluang politik kerana kempen Pilihanraya Barisan Nasional yang paling kotor dan memalukan dan sungguhpun demikian Barisan Nasional hanya dapat memperoleh 52% daripada semua seluruh undi yang dipungut. Selepas Pilihanraya Umum, Satu Kerajaan yang bertanggungjawab dan demokratik harus

mencari sebab kenapa 48% pengundi gagal untuk mengundi dan menyokong Barisan Nasional. Mereka juga harus memahami aspirasi, hasrat dan impian pengundi sebanyak 48%—suatu segmen rakyat yang begitu besar dan juga mengkaji semula dasar pembinaan negara demi menyatupadukan orang Malaysia untuk menghadapi cabaran-cabaran 1990an.

Pilihanraya umum adalah pencerahan prinsip kedaulatan rakyat dalam satu sistem demokrasi secara keseluruhan di mana rakyat boleh menyampaikan aspirasi mereka secara bebas dan hasrat impian mereka dan juga pandangan apa pun yang dicurahkan oleh pengundi dalam pilihanraya umum mestilah diberi sanjungan tinggi oleh Kerajaan baru dan dibentuk selepas pengundian. Pilihanraya umum bukanlah kuasa atau mandat bagi sesiapa yang boleh mendapatkan sokongan 50% campur satu pengundi ataupun Kerusi Parlimen yang cukup untuk membentuk satu Kerajaan, untuk menekan dari mernerintah secara keras pengundi-pengundi yang lain.

Bila satu demokrasi berparlimen menjadi tyranny majoriti untuk menekan minoriti dan dalam kes ini tyranny 52%—48% pengundi dalam pilihanraya umum baru-baru ini, maka kita telah menyemai benih ke arah pemusnahan demokrasi dan negara sama sekali ini adalah sebab mengapa semua rakyat Malaysia yang berfikiran waras sangat perihatin arah tujuan Kerajaan Barisan Nasional selepas pilihanraya umum bertindak tanpa memahami penuh makna jitu demokrasi berparlimen dalam sebuah masyarakat majmuk.

Kerajaan Barisan Nasional telah memulakan suatu kempen membalas dendam terhadap 48% pengundi yang tidak mengundi Barisan Nasional dalam pilihanraya umum kebelakangan ini. Biar saya memberi amaran kepada Kerajaan Barisan Nasional sekiranya mereka terus menjalankan kempen

membalas dendam, melaksanakan dasar diskriminasi yang berbentuk hukuman dan hasad dengki terhadap 48% pengundi yang tidak menyokong Barisan Nasional pada 21hb Oktober, maka dengan itu mereka akan mengakibatkan rakyat Malaysia menentang rakyat Malaysia, mencipta perpecahan negara yang paling besar dan mendalam dan juga membawa kepahitan di kalangan rakyat Malaysia. Ini bukan sahaja akan menggagalkan semua usaha pembinaan negara dalam tiga dekad yang lepas, tetapi akan menyebabkan kerosakan besar terhadap perpaduan negara untuk beberapa dekad yang akan datang.

Dalam bulan yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pendidikan dan juga pemimpin Barisan Nasional yang lain, perlakuan seolah-olah mereka adalah Kerajaan untuk 52% pengundi yang mengundi Barisan Nasional dalam pilihanraya umum baru-baru ini apabila mereka tidak mengambil berat, mengabaikan, malah mendiskriminasi terhadap 48% pengundi yang tidak mengundi Barisan Nasional. Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional menganggap dirinya sebagai Kerajaan untuk 52% pengundi yang mengundi untuknya dalam pilihanraya umum baru-baru ini, maka ia harus berhenti mengutip cukai daripada 48% yang tidak mengundinya (*Tepuk*).

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Biarlah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan.

Seorang Ahli: Takut!

Tuan Lim Kit Siang: Biarlah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan memberitahu kepada seluruh dunia bahawa mereka hanya Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Pendidikan untuk 52% rakyat Malaysia dan bukan untuk semua rakyat Malaysia (*Tepuk*).

Selepas pilihanraya umum, Kerajaan Barisan Nasional bukan sahaja tidak menggubal dasar yang lebih menyatupadukan semula rakyat Malaysia tetapi ia kelihatan berusaha mengukuhkan pembahagian nasional dan perbezaan. Kerajaan Barisan Nasional juga bukan sahaja tidak melayan keinginan, hasrat dan keperluan sah kesemua rakyat Malaysia, tetapi tidak mempedulikan mereka langsung.

Ini menerangkan fikiran sempit dan perbuatan 'churlish' Kerajaan Barisan Nasional selepas pilihanraya umum pada 21hb Oktober. Ini bermula dengan keengganan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membenarkan pemimpin Kongres Nasional Afrika, Nelson Mandela mengunjungi Bapa Malaysia, yang juga Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman semasa lawatan beliau ke Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus memberi penjelasan kepada Parlimen dan rakyat mengapa beliau tidak membenarkan atau mengaturkan program untuk Dr Nelson Mandela mengunjungi dan memberi penghormatan kepada Tunku Abdul Rahman kerana peranan Tunku yang bersejarah dalam memecat Afrika Selatan daripada Komanwel 30 tahun dahulu dalam perjuangan memerangi apartheid.

Dalam hal ini saya telah menghubungi Menteri Penerangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Lawatan Nelson Mandela dan meminta supaya

program diatarkan untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen DAP menemui Nelson Mandela tetapi permintaan itu ditolak atas alasan bahawa program Mandela adalah terlalu ketat. Yang Berhormat Menteri itu juga berjanji bahawa pemimpin-pemimpin DAP akan dipelawa ke perhimpunan raksaksa yang diadakan untuk Nelson Mandela tetapi undangan tersebut tidak pernah sampai sehingga selepas perhimpunan tersebut berlaku.

Adalah boleh difahami bahawa Kerajaan Barisan Nasional amat berhati-hati dan tidak sudi untuk membolehkan Nelson Mandela bertemu dengan pemimpin-pemimpin Pembangkang kerana Nelson Mandela mungkin mendapati bahawa tidak ada perbezaan besar di antara undang-undang keras yang terdapat di kedua-dua Malaysia dan Afrika Selatan, terutama sekali berkenaan dengan undang-undang penahanan tanpa bicara seperti ISA atau Perintah Darurat. Sekiranya Nelson Mandela bebas menemui pemimpin-pemimpin Pembangkang, beliau akan mendapati bahawa di dalam pilihanraya umum baru-baru ini 11 daripada mereka yang ditahan di bawah Operasi Lalang pada tahun 1987 telahpun terpilih atau dipilih semula sebagai Ahli Parlimen, 9 dari DAP dan 2 dari PAS yang merupakan penolakan bulat-bulat Kerajaan Barisan Nasional di dalam lapangan hak asasi manusia (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, adalah nyata sekali daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku 6 minggu kebelakangan ini selepas pilihanraya umum, pemimpin UMNO telah memutuskan untuk menghukum tiga kumpulan sasaran akibat kehampaan Barisan Nasional dalam pilihanraya, iaitu rakyat Kelantan, rakyat Sabah dan kaum Cina Malaysia. Ini adalah sebabnya Kerajaan Persekutuan menggangungkan subsidi kepada Kelantan, termasuk subsidi padi, mengenyepikan Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah daripada Mesyuarat Menteri-menteh Besar dan

Ketua-ketua Menteri dengan Menteri-menteri Persekutuan dan memecatkan Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri masing-masing. Ini juga adalah sebabnya UMNO menjalankan witch-hunt, dengan izin, untuk mencari scapegoat sebagai satu helah kerana kekalahan teruknya di kedua-dua peringkat pilihanraya di Kelantan yang mengakibatkan usul berkenaan Raja dibentang di Perhimpunan Agung UMNO.

DAP amat bimbang akan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk menghukum dan memangsakan rakyat Kelantan dan rakyat Sabah kerana tidak menyokong Barisan Nasional. Tindakan mundur ini hanya akan melemahkan semangat Persekutuan Malaysia dan merosakkan usaha integrasi nasional. Konsep Persekutuan Malaysia dan demokrasi berparlimen negara kita harus mempunyai kekuatan yang berupaya untuk memberikan rakyat hak yang diperuntukkan oleh Perlembagaan untuk memilih Kerajaan Negeri yang mereka ingin tanpa mencetuskan sama ada krisis Persekutuan dan Negeri atau krisis yang melibatkan konsep asas Persekutuan Malaysia.

Rakyat Negeri Kelantan dan Sabah telah menolak Barisan Nasional tetapi mereka tidak menolak Malaysia di dalam pilihanraya umum dan mereka adalah sebahagian integral Malaysia (*Tepuk*). Disebabkan itu, Kerajaan Pusat harus bukan sahaja mematuhi Perlembagaan berkait dengan apa yang diperuntukkan bagi setiap negeri, tetapi juga harus melayani rakyat negeri Kelantan dan rakyat Sabah berkait dengan peruntukan-peruntukan Pusat seperti rakyat di lain-lain negeri tanpa apa-apa diskriminasi sama ada berdasarkan kaum, agama, negeri atau kepercayaan politik. Sekiranya tidak, rakyat negeri

Kelantan dan rakyat Sabah berhak untuk berasa terkilan kerana diberi layanan kelas kedua.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memberi alasan mengapa Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah tidak dibenarkan menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dengan Menteri-menteri Pusat dengan mencipta dua kategori Mesyuarat Menteh-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, iaitu rasmi dan tidak rasmi. Tidak ada apa-apa asas dari segi Perlembagaan untuk perbezaan sedemikian.

Sekiranya Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dengan Menteri-menteri Pusat membabitkan persoalan bagaimana Kerajaan Pusat dapat memberi bantuan yang lebih untuk membaiki taraf hidup rakyat di berbagai negeri meskipun mesyuarat-mesyuarat tersebut tidak rasmi atau informal, yakni tidak ada peruntukan di dalam Perlembagaan untuknya seperti Majlis Negara mengenai Tanah, Kewangan dan Perhutanan maka Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah tidak harus dikecualikan. Ini adalah disebabkan selain daripada hak Perlembagaan semua negeri untuk menerima peruntukan daripada Kerajaan Pusat, rakyat dari semua negeri mempunyai hak asasi serta Perlembagaan untuk mendapat layanan yang adil dan saksama daripada Kerajaan Pusat tanpa sebarang diskriminasi.

Pengecualian Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah hanya boleh dipertahankan sekiranya mesyuarat sedemikian adalah bersifat politik semata-mata yang dihadkan kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, akan tetapi mesyuarat sedemikian tidak harus membabitkan mana-mana pegawai Pusat atau Negeri, jentera atau perbelanjaan Kerajaan.

Perlucutan jawatan Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah sebagai Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri masing-masing adalah campur aduk politik dengan keselamatan yang tidak perlu dan tidak patut berlaku. Sungguhpun keselamatan adalah tanggungjawab Pusat, namun keselamatan dalam sebuah Persekutuan hanya boleh dicapai sekiranya terdapat hubungan yang rapat bukan sahaja Kerajaan Pusat dan rakyat jelata tetapi pun antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri tanpa mengira pertalian politik. Parti-parti politik boleh tidak bersetuju mengenai kepercayaan dan matlamat politik tetapi tidak ada sebab mengapa mereka tidak boleh bersetuju dan bekerjasama dan bertindak bersama demi keselamatan Persekutuan. Adalah karut sama sekali apabila seorang Menteri Besar atau Ketua Menteri layak mengetuai Jawatankuasa Keselamatan Negeri apabila beliau berada di dalam Barisan Nasional tetapi dengan serta merta menjadi tidak layak apabila beliau meninggalkan Barisan Nasional. Apakah jenis keselamatan yang kita membicarakan? Apakah ianya berkait dengan keselamatan rakyat dan negara atau keselamatan kepentingan politik Barisan Nasional?

Usul-usul yang diluluskan di dalam Perhimpunan Agung Pemuda UMNO dan Wanita UMNO mengenai Raja-raja adalah lagi hasil UMNO dalam pencarian untuk mendapat scapegoat kerana kegagalan totalnya di Kelantan di dalam Pilihanraya Umum. Dalam proses itu banyak kenyataan-kenyataan yang sensitif malah berhasutan telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Umpamanya Timbalan Ketua Pemuda UMNO semasa memberi amaran kepada Ahli Parlimen Kota Melaka kerana membuat laporan polis terhadap Ketua Pemuda UMNO kerana mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bersifat menghasut dan mencabar kedudukan Raja-raja Melayu dengan mengisytiharkan bahawa isu Raja-raja Melayu merupakan hal-ehwal kekeluargaan

Melayu dan ia tidak ada kaitan dengan orang-orang Cina dan India di Malaysia. Beliau berkata bahawa tidak ada disebut Raja-raja Cina, Raja-raja India tetapi disebut Raja-raja Melayu. Inilah satu kenyataan yang bersifat amat berhasutan kerana Timbalan Ketua Pemuda UMNO secara terang-terang mencabar kedaulatan penuh Raja-raja Melayu sebagai Raja seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum (*Tepuk*) sama ada mereka adalah orang-orang Melayu, Cina atau India. Saya meminta Peguam Negara untuk mengambil tindakan terhadap Timbalan Ketua Pemuda UMNO kerana menghasut apabila beliau telah mencabar secara terbuka kedudukan Raja-raja Melayu dengan mengisytiharkan bahawa mereka bukan Raja-raja untuk semua rakyat Malaysia tetapi hanya Raja-raja untuk orang Melayu sahaja. Inilah, dengan izin, satu diminution of the full sovereignty of the rulers. (*Tepuk*) This is trying to reduce sovereignty of the Malay rulers and it is sedition.

Saya sedar bahawa kita tidak boleh membahas tentang kedudukan Raja-raja di dalam Parlimen melainkan melalui suatu usul substantive dan saya mahu sahaja menyuarkan kkesalan kerana UMNO telah membangkitkan isu ini selepas mengalami kekalahan teruk di Kelantan. Forum yang sesuai untuk membincangkan isu ini adalah melalui satu usul substantive di Parlimen ataupun melalui satu Suruhanjaya Kajian Semula Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan sasaran ketiga dalam kempen mendesak selepas Pilihanraya adalah rakyat Malaysia keturunan Cina kerana Barisan Nasional kini tidak mempunyai langsung perwakilan Cina yang legitimate, yang meaningful dan yang effective. (*Tepuk*) Presiden MCA, Gerakan, MIC dan pemimpin-pemimpin kanan mereka semua mungkin ditewaskan di dalam Pilihanraya Umum pada 21hb Oktober.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, oleh kerana taktik yang bohong. (*Tepuk*) Jika Presiden MCA, Gerakan, MIC semua akan dilewaskan, kalau bukan taktik-taktik UMNO yang saya sebutkan tadi. Kempen yang akhir ialah tiga hari adalah pengetahuan umum bahawa para Menteri dan Ahli Parlimen MCA, Gerakan dan MIC tidak mungkin menang, jika bukan kerana UMNO menghasut pengundi-pengundi Melayu pada saat-saat akhir. Barisan Nasional bukan sahaja tidak mengkaji tentang sebab mengapa pengundi bukan Melayu telah dengan tegasnya mengundi Gagasan Rakyat malah mereka telah mengambil satu rangkaian tindakan dan langkah-langkah yang telah mengeneipkan rakyat bukan Melayu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan dasarnya semasa pembukaan Perhimpunan Agung UMNO telah menuduh akhbar-akhbar Cina sebagai bermain dengan api kerana menyokong parti-parti Pembangkang dan sistem dua parti dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini. Mungkin Presiden MCA dan Presiden Gerakan telah menyakinkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa satu sebab penting mengapa MCA dan Gerakan mencapai keputusan yang teruk dalam Pilihanraya baru-baru ini adalah kerana peranan akhbar-akhbar Cina. Tadi saya ada mencadangkan penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di Raja untuk menyasat Pilihanraya Umum 1990 yang akan menyasat sama ada akhbar Cina telah berkempen untuk parti-parti Pembangkang dan sistem dua parti dalam Pilihanraya Umum baru-baiu ini.

Satu siasatan bebas terhadap prestasi media sama ada media elektronik atau cetak dalam Pilihanraya Umum akan menunjukkan bahawa pihak yang didapati bersalah dan berat sebelah

adalah media elektronik, akhbar-akhbar Bahasa Malaysia dan Inggeris yang dimiliki dan dikuasai oleh UMNO. Jika berkempen untuk parti-parti politik adalah bermain dengan api maka media-media inilah akan patut disalahkan. Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak langsung memberi amaran kepada mereka. Ini mungkin satu contoh lagi. Dasar talam dua muka.

Tuan Yang di-Pertua, akhbar Cina juga tidak berkempen untuk sistem dua parti dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain tidak patut menuduh akhbar-akhbar Cina bahawa mereka mahu melihat kejatuhan sistem multi-party digantikan pula dengan sistem dua parti, dengan izin, by the wrong end of the stick. Akhbar Cina tidak pernah berkempen untuk sistem dua parti dan adalah salah sama sekali bagi sesiapa yang berkata dan mengecam akhbar Cina kerana mahu melihat kejatuhan sistem multi-party. Saya tidak faham bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberi maklumat salah tentang peranan akhbar Cina dan saya hanya dapat membuat suatu kesimpulan bahawa beliau telah dikelirukan oleh MCA dan Gerakan kerana mereka ingin mencari kambing hitam atau atas penolakan yang paling ketara oleh pengundi Cina terhadap MCA dan Gerakan dalam sejarah kedua-dua parti itu. Tidak hairanlah pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO secara terbuka bertanya di dalam Perhimpunan Agung Pemuda UMNO apakah yang dituntut oleh kaum Cina di Malaysia. What is it that the Chinese want in Malaysia?

Tuan Othman bin Abdul : *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Jangan campur Yang Berhormat. Ada sedikit masa sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Beliau menuduh kaum Cina sebagai tidak mengenang budi kerana tidak

menyokong Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini. Jawapan Presiden MCA kepada serangan-serangan UMNO terhadap perkara ini ialah menyeru kepada rakyat kaum Cina bahawa mereka patut rasa senang hati kerana dalam Malaysia apabila dibanding dengan negara-negara yang lain kebebasan politik, ekonomi, sosial dan agama adalah lebih.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan Presiden MCA ini sungguh menyedihkan kerana jelas sekali ia tidak dapat menjawab soalan pemimpin pemuda Umno tentang apakah yang dituntut oleh kaum Cina di Malaysia dan kritikan bahawa kaum Cina di Malaysia tidak mengenang budi. Yang Berhormat Menteri yang menjadi pemimpin Ketua Pemuda UMNO patut memahami makna demokrasi, kerana soal mengenang budi tidak timbul bila pengundi mengamalkan hak Perlembagaan mereka untuk mengundi. Sekiranya pengundi boleh dihukum atau didiskriminasikan kerana mereka telah melaksanakan hak Perlembagaan mereka maka hak Perlembagaan sedemikian tidak mempunyai banyak makna.

Sungguh menyedihkan bahawa setelah 33 tahun merdeka, pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO masih bertanya secara terbuka, apakah yang dituntut oleh kaum Cina di Malaysia dan tiada seorang Menteri keturunan Cina dalam Kabinet yang boleh menjawabnya. Biarlah saya memberitahu pemimpin-pemimpin UMNO bahawa kaum Cina Malaysia, apa mereka mahu. Mereka ingin menikmati apa yang dinikmati secara hak oleh warganegara-warganegara Malaysia yang lain iaitu kebebasan demokrasi, hak-hak asasi kemanusiaan, keadilan, sosial, ekonomi, sebuah Kerajaan yang bersih, amanah dan berkesan dan perpaduan negara yang tulin. *(Tepuk)*

Semasa Pilihanraya Umum yang lalu Barisan Nasional menggunakan slogan 3K—kemakmuran, keamanan dan kestabilan. Tetapi rakyat keturunan Cina dan saya percaya rakyat semua kaum bukan sahaja keturunan Cina mahu bukan sahaja 3K. Mereka mahu 5K. Mereka pun mahu keadilan dan kebebasan. (*Tepuk*)

Mereka tidak mahu melihat kuasa disalahgunakan seperti penindasan rakyat Kelantan dan rakyat Sabah selepas pilihanraya umum. Mereka tidak mahu Kerajaan menjalani kempen balas dendam untuk menghukum mereka yang tidak mengundi Barisan Nasional sebab tindakan ini tidak demokratik.

Mereka tidak menerima dasar-dasar dan amalan-amalan Kerajaan yang sewenang-wenangnya oleh kerana mahu menghukum pengundi-pengundi semacam menukar nama 452 kampung baru dengan menggugurkan perkataan 'baru' tanpa sebarang rancangan konkrit untuk membawa 1.7 juta penduduk kampung baru ke dalam aliran utama pembangunan sosio-ekonomi negara setelah 40 tahun. Mereka tidak dapat menerima, misalnya keputusan mendadak Kementerian Pendidikan pada 13hb November, 1990 yang tidak membenarkan murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang memperolehi 6A untuk naik terus ke Tingkatan I tanpa sebarang alasan akademik.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah berkata bahawa notis selama satu tahun berkenaan telahpun diberikan kepada guru-guru, ibu bapa-ibu bapa dan murid-murid. Menurut beliau, keputusan tersebut adalah berdasarkan maklumat balas daripada Bahagian Nazir Sekolah yang melaporkan bahawa pelajar-pelajar yang memperolehi 6A tidak dapat mengikuti pelajaran Bahasa Malaysia jika mereka dinaikkan terus ke Tingkatan I.

Kedua-dua alasan tersebut telah dibuktikan palsu dan tidak benar sama sekali. Tidak ada sesiapa pun yang mengetahui tentang notis setahun seperti yang didakwa malah Menteri MCA dan Timbalan Menteri Pendidikan MCA sendiri pun tidak tahu-menahu. (*Tepuk*) Ada Menteri MCA di sini, ada Timbalan Menteri MCA di sini, boleh berdiri untuk menjelaskannya. Murid-murid tersebut bertungkus lumus untuk memperolehi 6A supaya dapat naik terus ke Tingkatan I.

Selepas keputusan mereka diumumkan, ramai di antara mereka telah mengorbankan cuti mereka untuk menyiapkan diri ke Tingkatan I tetapi sekarang ini semua impian dan harapan mereka telah termusnah sama sekali. Di samping itu dakwaan bahawa jika pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan yang memperolehi 6A dinaikkan terus ke Tingkatan I, ia tidak dapat menguasai Bahasa Malaysia tidak dibuktikan dengan prestasi murid-murid berkenaan.

Selepas tempoh penyesuaian selama tiga hingga enam bulan pada peringkat permulaan, majoriti besar murid-murid ini akan kembali menjadi di antara murid-murid yang mendapat keputusan akademik paling baik dalam kelas mereka. Sebenarnya, saya sendiri mengalahui terdapat seorang pelajar yang memperolehi 7A di Darjah 6 yang sentiasa mendapat tempat pertama dalam kelas; terus mendapat tempat pertama selepas dinaikkan ke Tingkatan I. Saya pasti ini bukan kes yang terpendil di negara ini.

Saya percaya jika suatu siasatan dilakukan kita akan mendapati murid-murid yang paling baik dan pintar, dengan izin, "the best and the brightest" di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan kelak akan mengekalkan tempat sebagai murid-murid "the best and the brightest" dalam Sekolah Menengah Kebangsaan setelah dinaikkan terus ke Tingkatan I. Ini adalah satu ketidakadilan pendidikan dan diskriminasi yang nyata dengan

memberi murid-murid yang memperoleh 6A di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan layanan yang lebih buruk daripada murid-murid yang mendapat 4E di Sekolah Rendah Kebangsaan yang sama-sama menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah Darjah 6 kerana seorang pelajar yang memperoleh 4E di dalam Sekolah Rendah Kebangsaan akan terus dinaikkan ke Tingkatan I.

Bagaimanakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh menyatakan keputusan menghalang murid-murid 6A untuk terus naik ke Tingkatan I bukanlah didorong oleh politik apabila pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan peringkat kebangsaan keputusan dan negeri menggunakan isu ini untuk memberitahu orang Cina bahawa mereka sedang menerima hukuman kerana undi ma pun, dalam pilihanraya? Tidak smpai termasuk Yang Berhormat Meereka Pendidikan, harus menggunakan masa depan pelajaran generasi muda Malaysia sebagai alat politik dan saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak menghancurkan masa depan pelajaran lebih 1,600 murid-murid yang memperoleh 6A ini.

Akan tetapi apa yang lebih penting lagi ialah pihak Kerajaan kita tidak harus memberikan generasi muda murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan satu gambaran dan bayangan yang tidak adil, munasabah dan bersifat diskriminasi sekali bahawa Kerajaan mungkir janji sucinya menggunakan pelajaran kepada murid-murid tersebut tanpa sebarang alasan pelajaran yang baik kerana gambaran dan bayangan tersebut akan kekal sepanjang hayat generasi muda ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpeluang mencapai keunggulan tetapi dalam masa 33 tahun yang lepas kita telah membenarkan negara-negara lain yang kurang berpotensi dan harapan mendahului kita dalam arah pembangunan dan kemajuan. Kita tidak

akan mencapai harapan keunggulan negara kalau pihak Kerajaan terus memecahbelah rakyat Malaysia dan bukan sebaliknya berusaha untuk menyatupadukan semua kaum. Kita sudah sampai ke suatu peringkat di mana UMNO sebagai tulang belakang Kerajaan Barisan Nasional telah mengisytiharkan bahawa ia tidak faham apa lagi yang dikehendaki oleh masyarakat Cina. Ini adalah satu pengakuan oleh Kerajaan tentang kegagalan yang menyeluruh dalam soal pembinaan negara di Malaysia.

Kalau Kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan UMNO tidak tahu apa yang dikehendaki oleh kaum Cina di Malaysia, bagaimana ia boleh berjaya memerintah negara dengan adil dan berjaya? Saya berpendapat inilah soalan serius yang harus difikirkan secara mendalam oleh semua Ahli Parlimen tanpa mengira kaum, bangsa dan agama sekiranya Malaysia ingin memenuhi harapannya sebagai sebuah negara yang unggul dan megah.

Akhirnya, seperti yang saya memberitahu tadi, saya ingin membawa satu usul pindaan kepada Usul Menjunjungi Kasih Kebawah Duli dengan memansuhkan tanda titik di akhir Usul dan menambah ungkapan yang berikut: "dan memutuskan bahawa Kerajaan menubuhkan satu siasatan Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja ke dalam skandal \$2.5 bilion Bumiputra Malaysia Finance" yang sebab-sebabnya saya sudah utarakan di bawah Peraturan Mesyuarat, saya memberinya in writing (*Tepuk*). Itulah satu pindaan kepada Usul. Terima kasih.

6.27 ptg.

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman (Kuala Terengganu); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tanjong terhadap Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat

dari Larut itu. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan sokongan saya ini pada hari esok.

Tuan Yangdi-Pertua: Adatigaminit lagi. Lazimnya kita tangguhkan pada masa yang tepat.

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian maklum bahawa isu BMF ini ialah suatu skandal besar yang pernah berlaku dalam sejarah Malaysia. Oleh kerana ianya besar, BMF sering diungkit-ungkit dan dijadikan isu politik walaupun "Kertas Putih" mengenainya telah dikeluarkan. Yang jelas pada kita semua isu BMF telah melibatkan banyak orang sama ada orang yang telah mati, yang masih merengkok di dalam penjara dan mungkin ada yang masih bebas bermaharajalela.

Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menyokong Usul pindaar ini yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu semata-mata untuk mencari kebenaran. Sokongan ini saya kira wajar apabila kita rujuk kembali kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri raenjelang pilihanraya umum baru-baru ini yang mempertikaikan laporan bekas Ketua Juruaudit Negara mengenai skandal BMF itu sebagai bias. Begitu juga dengan munculnya surat yang kononnya ditulis oleh Lorrain Osman mengenai isu BMF ini yang telah disiarkan oleh kumpulan *New Straits Times* dan kumpulan *Utusan Malaysia* masing-masing di muka hadapan pada 17hb Oktober, 1990 iaitu dua hari

sebelum hari membuang undi sedangkan peguam Lorrain Osman sendiri kemudiannya menafikan pernah mengeluarkan surat berkenaan. Malahan Lorrain Osman sendiri juga menalikkannya. Soalnya sekarang siapakah yang bertanggungjawab mencipta dan menulis surat itu? Dan soalan kita lagi, siapakah yang sebenarnya yang sedang berselindung di sebalik isu BMF itu?

Oleh yang demikian, saya bersetuju supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya di Raja bagi menyiasat hingga ke akar umbi skandal ini. Saya kkuatir jika Suruhanjaya bebas ini tidak ditubuhkan, pihak-pihak tertentu akan terus mengungkit-ungkit isu BMF ini dan mungkin akan muncul lagi surat-surat dari penjara atau surat-surat yang kononnya ditulis oleh orang yang sudah mati.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman: Semata-mata dicipta untuk melindungi kemungkinan besar yang telah dilakukan oleh ptiak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, bubuh nokhtah, kita hendak stop.

Datuk Haji Abdul Manan bin Othman: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.